



Himpunan Keputusan
FATWA
NEGERI PULAU PINANG
1976 - 1989

جابتن مفتي نكري قولاو فينغ
JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

Siri 2



Himpunan Keputusan
FATWA
NEGERI PULAU PINANG
1976 - 1989

جابتن مفتي نكري قولاو فينغ
JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

BUKU INI MENGANDUNGI AYAT AL-QURAN.
PELIHARALAH KESUCIANNYA

SIRI 2

Himpunan Keputusan FATWA Negeri Pulau Pinang

Tahun 1976 - 1989

Hakcipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian penerbitan ini dalam apa jua bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa keizinan daripada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

Susunan:

Bahagian Fatwa
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
<http://mufti.penang.gov.my>



Diterbitkan oleh:

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 48, KOMTAR, Pulau Pinang.
Telefon : 04-263 2975
Faks : 04-263 2985
Rekabentuk/Urus Cetak
CRUCETAK SDN. BHD.

Himpunan Keputusan
FATWA NEGERI PULAU PINANG
1976 - 1989

Isi Kandungan

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1.	MASJID LAMA DIRUNTUHKAN (MASJID ALMA)	2
2.	WASIAT KEPADA WARIS	2
3.	MASALAH MASJID GERTAK SANGGUL	3
4.	HUKUM MEROBOHKAN MASJID LAMA (MASJID BUMBUNG LIMA, KEPALA BATAS)	4
5.	PENGALIHAN KUBUR	4
6.	PERZINAAN DAN MENGANDUNG TANPA NIKAH	5
7.	MEMBUAT LALUAN ATAS KUBUR	7
8.	MEMBAYAR ZAKAT FITRAH KEPADA AMIL	7
9.	PERUSAHAAN MEMBOTOL ARAK	9
10.	SEMBAHYANG JUMAAT YANG TIDAK CUKUP BILANGAN AHLI JUMAAT	9
11.	TIDAK BERSEMBAHYANG JUMAAT	10
12.	BAB SEMBAHYANG JUMAAT	12
13.	WANG FAEDAH BANK	14
14.	TANAH WAKAF BUTTERWORTH DAN LOT 694, MK. 4, SEBERANG PERAI UTARA	15
15.	ZAKAT HARTA	16
16.	MELETAKKAN TANDA <i>BISMILLAH</i> DI KEDAI BUKAN ISLAM	16
17.	HARTA TAK ALIH	17
18.	ZAKAT WANG SIMPANAN	17
19.	SEMBAHYANG JUMAAT BERASINGAN (MASJID KAMPUNG BINJAI)	20
20.	TANAH LOT UNTUK DIJADIKAN TANAH WAKAF	20
21.	TAKLIK	21
22.	HAL EHWAL ANAK ANGGAT	21

Isi Kandungan

BIL.	PERKARA	HALAMAN
23.	SEMBAHYANG JUMAAT DI SYARIKAT NAM SING DYEING WORKS, PRAI	24
24.	<i>BAIA'H</i> DAN SUMPAH PERSETIAAN	24
25.	TANAH WAKAF MADRASAH AL-MASHOOR	25
26.	TAMBAHAN RUANG MASJID HAJI KASSIM, KAMPUNG MAKAM	26
27.	FAEDAH SIMPANAN TETAP	28
28.	PAHALA SEMBAHYANG MAYAT	28
29.	PENGELUARAN ZAKAT BAGI KOPERASI	29
30.	KUTIPAN DARI DERMA KEBAJIKAN	31
31.	PERTUKARAN NAMA	33
32.	KAHWIN DENGAN KETURUNAN SYED	33
33.	PEMBINAAN PARIT SIMEN BERDEKATAN KAWASAN KUBUR	36
34.	PEMINDAHAN KUBUR LAMA DI LOT 1214 DI MASJID KELAWEI	36
35.	MASALAH SEMBAHYANG JUMAAT DAN SEMBAHYANG HARI RAYA	37
36.	WANG POTONGAN DARI BAITULMAL KE PENTADBIRAN AM MAJLIS AGAMA ISLAM	39
37.	MENGHADKAN PERKONGSIAN MILIK YANG RAMAI KE ATAS TANAH PERTANIAN	41
38.	FIDYAH SEMBAHYANG DAN PUASA BAGI SI MATI	43
39.	PENGUNAAN PERKAKAS MASJID LAMA YANG AKAN DIROBOHKAN (MASJID PAYA KELADI)	45
40.	PEMBERIAN HARTA KEPADA ANAK YANG DIPELIHARA DARIPADA KETURUNAN BUKAN BERAGAMA ISLAM	47
41.	FATWA MENGENAI AJARAN SALAH “CRYPTO”	47
42.	SEMBAHYANG JUMAAT BAGI BANDUAN-BANDUAN	51
43.	SEMBAHYANG JUMAAT DI MADRASAH LAHAR TIANG	52

Isi Kandungan

BIL.	PERKARA	HALAMAN
44.	MEMASANG PITA RAKAMAN BACAAN AL-QURAN DI MASJID MELALUI PEMBESAR SUARA	54
45.	TANAH WAKAF KAPITAN KELING BERSENDIRIAN	54
46.	PERBELANJAAN MENCETAK BORANG-BORANG ZAKAT DAN FITRAH	56
47.	PROJEK DI ATAS TANAH WAKAF MASJID ALIMSAH	57
48.	PEMASANGAN PAIP NAJIS DI ATAS TANAH WAKAF (PERKUBURAN MASJID JELUTONG)	59
49.	HUKUM BEKERJA DENGAN BANK	60
50.	KEDUDUKAN MASJID LAMA DAN BAHARU YANG HENDAK DIBINA (MASJID SUNGAI ARA)	61
51.	PEMASANGAN PAIP NAJIS DI ATAS TANAH WAKAF (PERKUBURAN MASJID JELUTONG)	62
52.	PENGECUALIAN BAHAGIAN BAITULMAL	64
53.	MENENTUKAN MAYAT-MAYAT YANG MERAGUKAN	68
54.	HUKUM MELARANG ISTERI MENUNAIKAN SEMBAHYANG	70
55.	“POST MORTEM” MAYAT ISLAM	71
56.	YURAN PENTADBIRAN KIRA-KIRA WAKAF, BAITULMAL, ZAKAT FITRAH DARIPADA 17% KEPADA 20%	72
57.	WANG KUTIPAN TABUNG MASJID	74
58.	<i>IDDAH</i> CERAH	75
59.	BARANG-BARANG LAMA HAK MASJID	76
60.	CARA MELETAKKAN JENAZAH DAN DOA SELEPAS SEMBAHYANG JENAZAH	78
61.	MENGHANTAR AL-QURAN DAN BUKU-BUKU HADIS MELALUI POS	79
62.	PEMBINAAN MASJID BAHARU	81
63.	SURAT BERANTAI (RISALAH WASIAT SYEIKH AHMAD SAUDI)	82
64.	ZAKAT WANG SIMPANAN MASJID	83

Isi Kandungan

BIL.	PERKARA	HALAMAN
65.	PEMBINAAN MASJID BAHARU DI SUNGAI CHENAAM, SEBERANG PERAI SELATAN	84
66.	TUNTUTAN PEMELIHARAAN ANAK	87
67.	CARA YANG BETUL UNTUK MEMANGGIL ATAU MENYEBUT SESEORANG YANG TELAH MENINGGAL DUNIA	89
68.	PELABURAN DALAM AMANAH SAHAM NASIONAL	90
69.	MEMBINA MASJID BAHARU - MASJID JALAN BHARU, PERAI	92
70.	PELETAKAN TANAH PEGANGAN NO.205 P.B. 15, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	94
71.	MENGGUNAKAN WANG DIVIDEN DAN BONUS UNTUK MENUNAIKAN FARDU HAJI	95
72.	ZAKAT PERNIAGAAN BAGI PELABURAN DALAM AMANAH SAHAM NASIONAL	95
73.	JAMUAN MAKAN PADA HARI KEMATIAN	97
74.	CADANGAN MAJLIS MELABUR MELALUI PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR (STOCK MARKET)	98
75.	WANG PAMPASAN INSURANS	101
76.	HARTA PUSAKA AHMAD BIN NOORDIN	102
77.	HARTA PUSAKA SAEDAH BINTI NOORDIN	103
78.	MASALAH SEMBAHYANG JUMAAT	104
79.	PELBAGAI MASALAH AGAMA	107
80.	KEDUDUKAN TANAH TAPAK MASJID MACHANG BUBOK DAN PEMBINAAN SEBUAH BANGUNAN KELAS AGAMA DI ATAS KAWASAN TANAH LAPANG YANG SAMA	110
81.	MENDIRIKAN SEBUAH BALAI MESYUARAT DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 306. T.S.9, KAMPUNG DODOL, JALAN PERAK, PULAU PINANG	112
82.	PEMBESARAN MASJID BAGAN LEBAI TAHIR	113
83.	WANG LEBIHAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUTIPAN ZAKAT DAN FITRAH	114

Isi Kandungan

BIL.	PERKARA	HALAMAN
84.	PINJAMAN BANK SWASTA UNTUK MEMBESARKAN PERNIAGAAN DAN MEMBELI RUMAH	117
85.	WANG FAEDAH DARI BANK SIMPANAN NASIONAL	117
86.	MEMOHON KEBENARAN MENDIRIKAN SEMBAHYANG JUMAAT DI DALAM PUSAT INSAFDIRI, BUKIT MERTAJAM	120
87.	PENGGUNAAN UBAT PENYAKIT JANTUNG BAGI PESAKIT-PESAKIT YANG SEDANG BERPUASA	122
88.	KAWASAN QARYAH BAGI MASJID AL-MALIK KHALID, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	124
89.	PERKHIDMATAN KAKITANGAN ISLAM DI BAHAGIAN NAJIS, JABATAN KESIHATAN, MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG	125
90.	AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969	126
91.	PERKARA FATWA MENGENAI BAYARAN DAM	127
92.	POHON MERAYU DIKELUARKAN FATWA	129
93.	PELETAKAN JAWATAN SEBAGAI BILAL	130
94.	PELETAKAN JAWATAN IMAM MASJID KAMPUNG PAYA SIMPANG 4, BALIK PULAU	131
95.	PELETAKAN JAWATAN NAZIR DILULUSKAN	131
96.	PELETAKAN JAWATAN IMAM DAN PEMILIHAN YANG BARU	132
97.	MEMOHON KEBENARAN SEMBAHYANG JUMAAT DI MASJID KAMPUNG BAHARU JALAN AIR ITAM	133
98.	MASALAH AZAN DUA KALI PADA SEMBAHYANG JUMAAT, KHATIB MEMEGANG TONGKAT DAN KHATIB MEMAKAI TUDUNG KEPALA SEMASA MEMBACA KHUTBAH	135
99.	MASALAH SEMBAHYANG HADIAH KEPADA MAYAT DAN AMALAN-AMALAN YANG DILAKUKAN DENGAN TUJUAN KEBAJIKAN	138
100.	KEBENARAN MEROBOH MASJID LAMA DAN MEMBINA MASJID BAHARU (MASJID TITI TERAS)	141
101.	MEMOHON FATWA BERSABIT DENGAN TINJU	142

Isi Kandungan

BIL.	PERKARA	HALAMAN
102.	PELANTIKAN NAIB KADI DAN PENAMBAHAN QARYAH MASJID DAERAH KADI, KEPALA BATAS KEPADA DAERAH KADI BAGAN TUAN KECIL	145
103.	PERNIAGAAN YANG BERCCANGGAH DENGAN HUKUM ISLAM DI BANGUNAN-BANGUNAN YANG DIWAKAFKAN	147
104.	WANG FAEDAH BANK - CARA MEMBELANJAKAN WANG FAEDAH DARI AKAUN SIMPANAN SURAU BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG	149
105.	BENDERA DIKIBARKAN PADA HARI-HARI KEBESARAN DAN LAMPU BERWARNA-WARNI MENGHIASI MALAM PERAYAAN	151
106.	KEMUSYKILAN MENGENAI MENERJAKAN HAJI BAGI ORANG YANG MENINGGAL DUNIA DAN AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)	152
107.	PELETAKAN JAWATAN PEGAWAI-PEGAWAI MASJID	155
108.	BARANG-BARANG RAMPASAN (KERAMAT BUKIT CENDANA)	158
109.	PERTUKARAN NAMA	158
110.	TUKAR GANTI HARTA WAKAF LOT 698 DAN 703 KEPADA LOT 554, 555, 556 DAN 557 DI MUKIM YANG SAMA	160
111.	PELETAKAN JAWATAN PEGAWAI-PEGAWAI MASJID	162
112.	PERJALANAN KOPERASI	162
113.	FATWA MENGENAI PEMBAYARAN ELAUN	166
114.	PELETAKAN JAWATAN BILAL	167
115.	KENDURI KEMATIAN	168
116.	KEPERCAYAAN KEPADA IMAM MAHADI	169
117.	KEPERCAYAAN KEPADA DAJJAL	170
118.	MENYIMPAN WANG DI BANK SIMPANAN NASIONAL	171
119.	PELETAKAN JAWATAN	172
120.	KERJA-KERJA MENULIS, MENCETAK DAN MENJUAL AYAT-AYAT AL-QURAN OLEH ORANG YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM	173

Isi Kandungan

BIL.	PERKARA	HALAMAN
121.	HUKUM MENGGUNAKAN PIL MENAHAN KEDATANGAN HAID BAGI MENERJAKAN HAJI	175
122.	HUKUM HALAL DAN HARAM DI DALAM MAKANAN	178
123.	MEROBOHKAN MASJID LAMA (MASJID PONGSU SERIBU, KEPALA BATAS)	180
124.	KEDUDUKAN KELUARGA ENCIK ISMAIL BIN MOHAMAD ALI YANG TELAH MURTAD	181
125.	BAHAGIAN BELAKANG MASJID YANG DI GUNAKAN SEBAGAI TEMPAT SEMBAHYANG, DI GUNAKAN UNTUK TUJUAN YANG LAIN	183
126.	BANGUNAN MASJID LAMA DIROBOHKAN ATAU DIWAKAFKAN KEPADA TEMPAT ATAU QARYAH LAIN	184
127.	RAYUAN MENGENAI SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DI MASJID KAMPUNG BAHARU, PULAU PINANG	186
128.	PERMOHONAN MENDAPATKAN IZIN MENGUBAHSUAI BANGUNAN MASJID DAN MEMUNGUT DERMA	186
129.	PERMOHONAN MENDAPATKAN KEBENARAN UNTUK MEMBINA BANGUNAN TAMBAHAN DI SEBELAH MIHRAB	187
130.	PERMOHONAN MENGUBAHSUAI BANGUNAN MASJID SHEIKH EUSOFF DARIPADA SETIAUSAHA JAWATANKUASA QARYAH MASJID SHEIKH EUSOFF, PULAU PINANG	188
131.	PERMOHONAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA MASJID LAHAR YOOI SERTA PERMOHONAN TEMPAT SEMBAHYANG JUMAAT	189
132.	PELETAKAN JAWATAN PEGAWAI-PEGAWAI MASJID	189
133.	KEDUDUKAN TABUNG KEBAJIKAN KHAS DAN AM YANG DITUBUHKAN DI QARYAH BERKENAAN	192
134.	PENGUNAAN TANAH PERKUBURAN LAMA UNTUK DIJADIKAN TEMPAT MENYIMPAN MOTOSIKAL DAN BASIKAL	193
135.	PENGANTUNGAN KALIMAH “ALLAH” DAN “MUHAMMAD” DI RUMAH PERSATUAN AMAL ORANG-ORANG CINA NIBONG TEBAL	194

Isi Kandungan

BIL.	PERKARA	HALAMAN
136.	MENGADAKAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DI MADRASAH KAMPUNG PERMATANG TINGGI, KEPALA BATAS	195
137.	PELETAKAN JAWATAN KHATIB	195
138.	PERMOHONAN UNTUK MEMBAIKI DAN MEMPERBESARKAN MASJID TUAN GURU TANJUNG TOKONG, PULAU PINANG	196
139.	PERMOHONAN UNTUK MENGGAZETKAN TAPAK TANAH MASJID BARU RANCANGAN TANAH SUNGAI CHENAAM	196
140.	PERMOHONAN KELULUSAN UNTUK MENGUBAHSUAI MASJID HAJI KASSIM, KAMPUNG MAKAM, PULAU PINANG	197
141.	RAYUAN UNTUK MENDIRIKAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DI MASJID KAMPUNG BARU AIR ITAM, PULAU PINANG	197
142.	HARTA PUSAKA SAEDAH BINTI NOORDIN, SI MATI LOT 200, 251 DAN 252, MUKIM 4, SEBERANG PERAI TENGAH	199
143.	MERESTUI PENUKARAN NAMA DARI MASJID JAMEK LAHAR YOOI KEPADA MASJID TAQWA LAHAR YOOI	200
144.	PENGKEBUMIAN URI BAYI	200
145.	MEMOHON MENDAPAT FATWA DAN PANDANGAN MEMBOLEHKAN TABUNG KEBAJIKAN QARYAH MASJID, MEMAINKAN PERANAN UNTUK FAEDAH MASYARAKAT ISLAM KHUSUSNYA	201
146.	MEMOHON KEBENARAN MENDIRIKAN SEMBAHYANG JEMAAH DAN JUMAAT DI SEKOLAH AGAMA KAMPUNG PERLIS, BALIK PULAU	203
147.	PELETAKAN JAWATAN IMAM	203
148.	MENETAPKAN NISAB BAGI BARANG PERHIASAN EMAS YANG DIKENAKAN ZAKAT	203
149.	PELETAKAN NAZIR DAN IMAM ENCIK RAMLI BIN AHMAD	206

Isi Kandungan

BIL.	PERKARA	HALAMAN
150.	MEMOHON PENJELASAN MENGENAI WANG FAEDAH BANK	206
151.	MENDAPATKAN PENJELASAN MENGENAI KES TANAH BALIK PULAU, PULAU PINANG ORIGINATING SUMMONS NO.280 TAHUN 1980	208
152.	SIJIL TAULIAH MENYEMBELIH LEMBU, KERBAU DAN KAMBING	208
153.	BUKU DR. KASSIM AHMAD “HADIS SATU PENILAIAN SEMULA”	209
154.	PELETAKAN JAWATAN IMAM MASJID AL-TAQWA	211
155.	DEFINASI LEBAI	211
156.	PENYERAHAN TANAH WAKAF KEPADA MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG BAGI MAKSUD JALAN SIMPANAN	212
157.	MASALAH YANG BERKAITAN DENGAN TANAH SYARIKAT	213
158.	SOALAN DARIPADA ENCIK SALEHUDDIN BIN MOHAMED, BUTTERWORTH	214
159.	PEMBINAAN SEBUAH MASJID BARU DI KUALA TASEK, SEBERANG PERAI DI ATAS TAPAK TANAH PERKUBURAN	217
160.	MEMOHON FATWA MENGENAI ANAK ANGKAT DAN ANAK LUAR NIKAH YANG DI BIN ATAU DI BINTIKAN TIDAK MENGIKUT KEHENDAK AGAMA ISLAM	218
161.	PELETAKAN JAWATAN DAN CALON BILAL MASJID TELUK BAHANG	220
162.	HARTA PUSAKA SI MATI KHADIJAH BINTI MYDIN	220
163.	PINJAMAN WANG KERAJAAN	221
164.	PERUNTUKAN UNTUK MEMBAIKI MASJID DARI WANG KERAJAAN	222
165.	MENENTUKAN QARYAH DAN FITRAH BAGI PENGHUNI-PENGHUNI TAMAN KOSKAM, SEBERANG PERAI UTARA	223
166.	PERSOALAN MENGENAI MASJID LAMA DARI SUDUT HUKUM SYARAK	223

Isi Kandungan

BIL.	PERKARA	HALAMAN
167.	MEMBESARKAN MASJID BAGAN JERMAL, BUTTERWORTH	228
168.	MENGERJAKAN HAJI DENGAN WANG PAMPASAN KEMALANGAN JALAN RAYA ANAKNYA	229
169.	CAMPURAN UBAT HOMEOPATI MENGANDUNGI ALKOHOL	230
170.	AJARAN RATIB KUAT	231
171.	TAKRIF SURAU DARI HUKUM SYARAK	232
172.	HUKUM PERBUATAN SUNAT DI DALAM MASJID	232
173.	MERUNTUHKAN MASJID LAMA	233
174.	MUZAKARAH FATWA KEBANGSAAN	234
175.	PELETAKAN JAWATAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI MASJID	235
176.	MEMINDAHKAN KUBUR-KUBUR DI ATAS LOT 13 T.S. 6 NED PULAU PINANG UNTUK DIDIRIKAN RUMAH-RUMAH	236
177.	KEMUSYKILAN – SURAU/AMAL JARIAH	238
178.	KEDUDUKAN ENCIK KASSIM AHMAD PENGARANG BUKU “HADIS SATU PENILAIAN SEMULA”	240
179.	HARTA PUSAKA MOHD FADHIL GUNALAN BIN AHMAD	241
180.	PERMOHONAN SURAU TAMAN BROWN / TAMAN TUN SARDON DIJADIKAN MASJID JAMEK DAN MENGADAKAN SEMBAHYANG JUMAAT	243
181.	BAYARAN 1/8 DARIPADA KUTIPAN ZAKAT BAHAGIAN AMIL KEPADA KIRA-KIRA PENTADBIRAN	244
182.	MENGESAHKAN SEMPADAN QARYAH MASJID AT- TAQWA, TAMAN BROWN, PULAU PINANG	247
183.	MEMPERAKUKAN CADANGAN PEMBINAAN DAN MENGESAHKAN PELAN MASJID BANDAR SEBERANG JAYA, SEBERANG PERAI TENGAH	248
184.	PERMOHONAN FATWA MENGENAI PEMBAIKAN MASJID KAPITAN KELING	251
185.	PEMBERIAN TAULIAH MENGAJAR AGAMA KEPADA NAIB-NAIB KADI TANPA TEMU DUGA	253

Isi Kandungan

BIL.	PERKARA	HALAMAN
186.	MENGADAKAN TEMPAT SEMBAHYANG SEMENTARA DI HALAMAN DEPAN MASJID	254
187.	MENGADAKAN SEMBAHYANG JUMAAT DI SURAU KAMPUNG KIJANG	255
188.	FATWA MENGENAI NAJIS BABI	255
189.	FATWA MENGENAI KEGIATAN USRAH DAN QIAMULLAIL DI KALANGAN MUDA-MUDI DI DALAM MASJID	258
190.	MENGADAKAN KENDURI DI PINGGIR PERKUBURAN	259
191.	PERMOHONAN KEBENARAN MENUBUHKAN PERSATUAN SILAT ABJAD DI USM, PULAU PINANG	260
192.	SEMBAHYANG JUMAAT PADA TIAP-TIAP MINGGU DI MASJID KAPITAN KELING	262
193.	PERMOHONAN MENDIRIKAN SEBUAH MASJID DALAM KAWASAN SEKOLAH TUN SYED SHEH SHAHABUDIN, BUKIT MERTAJAM.	264
194.	USUS BINATANG YANG DIGUNAKAN SEBAGAI BENANG JAHITAN DALAM PEMBEDAHAN	265
195.	MEMPERAKUI SURAU TAMAN FREE SCHOOL MASUK DALAM QARYAH MASJID ACHEH	266
196.	PEMECAHAN TANAH WAKAF QARYAH MASJID SUNGAI BAKAU, NIBONG TEBAL	266
197.	KEDUDUKAN DERGA NAGORE	267
198.	KEBENARAN MENDIRIKAN SEMBAHYANG JUMAAT DI SURAU KAMPUNG BELAH DUA, BUKIT MERTAJAM	268
199.	BUKU "AURAD MUHAMMADIAH-ARQAM"	268
200.	PEMBERIAN NAMA MELAYU/ ISLAM KEPADA KANAK-KANAK (THAI) DI RUMAH KANAK-KANAK KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT	269
201.	TANAH YANG AKAN DIJADIKAN TAPAK PERKUBURAN ORANG-ORANG ISLAM	271
202.	PERMOHONAN MENDIRIKAN JUMAAT DI SURAU TAMAN DESA JAWI, SEBERANG PERAI SELATAN	272

Isi Kandungan

BIL.	PERKARA	HALAMAN
203.	MENDIRIKAN JUMAAT DI MASJID JALAN PRANGIN YANG KURANG DARIPADA 40 ORANG AHLI JUMAAT ATAU PEMASTAUTIN	273
204.	CARA BERWUDUK ORANG YANG KAKINYA DITAMPAL ATAU DITUTUPI DENGAN PLASTER	274
205.	WANG KUTIPAN MEMBINA MASJID BAHARU BAGI KAWASAN LAHAR IKAN MATI, SEBERANG PERAI UTARA	274
206.	MEMBINA RUMAH WAKAF UNTUK MADRASAH FAQIAH DAIMIAH, PERMATANG PAUH DI ATAS LOT 974	275
207.	FATWA UNTUK MENDIRIKAN MASJID DI ATAS BANGUNAN PEJABAT BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD	277
208.	KEDUDUKAN MASJID AL-MALIK KHALID, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DI ATAS TANAH WAKAF.	281
209.	SOLAT JUMAAT DAN KHUTBAH	284
210.	MENAMBAH RUANG MASJID DI ATAS KUBUR-KUBUR	286
211.	TANAH WAKAF MASJID KAMPUNG PERLIS, BALIK PULAU.	287
212.	SEMBAHYANG SUNAT “KIFARATUL BAULI”	288
213.	ZIKIR BAGI AHLI-AHLI FEKAH YANG DIJALANKAN DI KAMPUNG GURUN, PERMATANG BENDAHARI, SEBERANG PERAI UTARA	288
214.	RISALAH ILMU USULUDDIN YANG DIPAKAI JADI AJARAN ENCIK WAHAB BIN HAJI ABDUL AZIZ, KAMPUNG TOK ELONG, BUKIT MERTAJAM	289
215.	PENGGUNAAN BANGUNAN TAMBAHAN TINGKAT ATAS MASJID BAYAN LEPAS UNTUK SEMBAHYANG BERJEMAAH DAN JUMAAT.	290
216.	FATWA MENGENAI DERGA NAGORE	291
217.	BACAAN DOA DALAM PERHIMPUNAN BULANAN KAKITANGAN JABATAN KERJA RAYA	294
218.	TANDA SILANG (+) DI KULIT BUKU PANDUAN KESELAMATAN UNTUK PEKERJA-PEKERJA FUJIKURA FEDERAL CABLES SDN. BHD, MAK MANDIN, BUTTERWORTH	296

Isi Kandungan

BIL.	PERKARA	HALAMAN
219.	KEHADIRAN PEGUAM YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM DI MAHKAMAH SYARIAH	298
220.	PROJEK MENCEGAH BANJIR YANG MELIBATKAN TANAH WAKAF	301
221.	MASALAH AKAD JUAL BELI LOT TANAH WAKAF	302
222.	PENGGUNAAN WANG FAEDAH BAGI TUJUAN BANTUAN MELANJUTKAN PELAJARAN DAN LAIN-LAIN KEBAJIKAN BERKAITAN DENGAN ISLAM	303
223.	KUTIPAN BAHAGIAN AMIL ZAKAT FITRAH KE DALAM AKAUN PENTADBIRAN	305
224.	HARTA PESAKA MD.ALEE BIN HAJI NAQIB SALLEH	306
225.	DUA KALI AZAN DI MASJID ABDUL MALIK KHALID, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG	307
226.	PERMOHONAN MEMINDAHKAN KUBUR DI ATAS TANAH PERKUBURAN KELUARGA OLEH WARIS-WARIS	308
227.	PERMOHONAN UNTUK KELUAR ISLAM	309
228.	PEMBAHAGIAN HARTA PESAKA DAN WASIAT	310
229.	KEJADIAN MEMBAKAR MAYAT LELAKI CINA YANG DIKETAHUI TELAH MEMELUK AGAMA ISLAM	312
230.	HUKUM MEMPAMIR BARANG-BARANG DAN BERJUAL BELI DI DALAM MASJID	313



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 1976**

1. MASJID LAMA DIRUNTUHKAN (MASJID ALMA)

Bolehkah diruntuhkan masjid lama (Masjid Alma, Bukit Mertajam) dan digantikan dengan masjid yang baharu?

Keputusan :-

Mesyuarat bersetuju sebulat suara memberi pendapat iaitu bangunan masjid lama bolehlah diruntuhkan kerana keuzurannya dan segala perkakas-perkakas yang boleh dipakai hendaklah digunakan pada masjid yang baharu atau mana-mana masjid yang berdekatan.

(29 Januari 1976)

2. WASIAT KEPADA WARIS

Seorang ibu semasa hayatnya membuat wasiat memberi sebahagian daripada hartanya kepada salah seorang anak perempuannya. Selepas kematian ibu itu maka peruntukan pembahagian faraid mengikut hukum Syarak atas harta pusaka si mati itu menunjukkan anak perempuan itu berhak mendapat 10/24 bahagian. Manakala seorang anak perempuan lagi berhak mendapat 10/24 bahagian juga.

Bahagian yang baki (عصبه) terpulang kepada waris-waris lain dan Baitulmal. Adakah wasiat yang sedemikian itu tidak berlawanan dengan hukum Syarak?

Keputusan :-

Mesyuarat telah mengambil keputusan iaitu wasiat yang dibuat oleh Che Rajah bt. M.M. Nordin di atas hartanya adalah tidak sah disebabkan :-

1. Wasiat kepada waris adalah tidak sah.
2. Wasiat itu adalah lebih daripada 1/3 .

(28 Februari 1976)

3. MASALAH MASJID GERTAK SANGGUL

Bangunan Masjid Gertak Sanggul sekarang ini sangat uzur dan tidak lagi digunakan kerana qaryah ini hanya didiami oleh 10 keluarga Islam sahaja. Setiausaha Masjid Teluk Kumbar telah meminta pandangan dan perhatian di atas tapak, bangunan dan kawasan masjid itu, dan apakah tindakan yang perlu dibuat?

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju memberi keputusan seperti berikut :-

1. Masjid Gertak Sanggul bolehlah dirobohkan dan segala perkakas-perkakas hendaklah digunakan pada masjid yang lain.
2. Tapak dan kawasan Masjid Gertak Sanggul hendaklah dipelihara dan dihormati.

(28 Februari 1976)

4. HUKUM MEROBOHKAN MASJID LAMA (MASJID BUMBUNG LIMA, KEPALA BATAS)

Adakah boleh membina masjid baharu bagi menggantikan masjid yang lama dengan anggaran perbelanjaan sebanyak \$100,000.00, kerana masjid lama adalah masjid kayu dan kecil yang tidak dapat memuatkan ahli-ahli jemaah yang hadir sembahyang sekarang ini?

Keputusan :-

Mesyuarat bersetuju dengan sebulat suara memberi pendapat iaitu masjid lama bolehlah dirobohkan dan segala perkakas-perkakas yang boleh dipakai hendaklah digunakan pada masjid yang baharu atau kepada mana-mana masjid yang berdekatan.

(28 Februari 1976)

5. PENGALIHAN KUBUR

Seorang Islam, Markan @ Markar s/o Hydrous, meninggal dunia di Hospital Besar Pulau Pinang pada 29.11.75 dan telah dikebumikan di tempat perkuburan orang-orang Hindu, Lorong Batu Lanchang pada 4.12.75 mengikut agama Hindu. Mengikut keterangan pihak hospital, kejadian itu berlaku kerana tidak ada pelawat dari keluarganya melawat beliau semasa di wad, pihak polis tidak dapat menghubungi keluarganya untuk memberitahu kematiannya dan tidak ada sebarang tanda yang menunjukkan bahawa beliau adalah seorang Islam.

Adakah mayatnya itu terpaksa dipindah dan ditanam di tanah perkuburan orang-orang Islam dengan menunaikan lain-lain fardu ain?

Keputusan :-

Memandang kepada kepentingan umum yang boleh menimbulkan fitnah dan mencemarkan masyarakat Islam, maka kubur Markan @ Markar s/o Hydrous di tanah perkuburan Hindu, Batu Lanchang Lane, bolehlah diubah kepada perkuburan orang-orang Islam dengan tertakluk kepada :

1. Yakin keislaman si mati.
2. Yakin hancurnya badan si mati.
3. Yakin kuburnya yang sebenar.

(28 Februari 1976)

6. PERZINAAN DAN MENGANDUNG TANPA NIKAH

1. Seorang perempuan Islam yang mengandung atau melahirkan anak tanpa nikah dan tanpa diketahui pasangan lelaki perempuan itu berzina.
 - i. Adakah boleh dikatakan perempuan itu berzina?
 - ii. Jika sekiranya tidak boleh dikatakan berzina, apakah pula yang patut disebutkan pada perempuan itu?

2. Seorang perempuan Islam yang mengandung tanpa nikah dan tanpa diketahui pasangan lelaki perempuan itu berzina. Kemudian perempuan itu pergi bersalin di klinik yang bukan beragama Islam dan melahirkan anak di klinik itu. Setelah lahir anak itu, perempuan itu keluar daripada klinik tersebut dan apabila ditanya oleh orang ramai pada perempuan itu dan jawab perempuan itu bahawa ianya tidak mengandung dan tidak melahirkan anak. Setelah disiasat kepada klinik perempuan itu bersalin dan didapati benar perempuan itu bersalin.
 - i. Adakah boleh dikatakan perempuan itu berzina mengikut hukum Syarak?
 - ii. Kenyataan doktor dan anak itu, bolehkah dipakai sebagai bukti?
 - iii. Adakah berdosa sekiranya membuat pendakwaan mengikut kenyataan yang didapati daripada doktor bagi para (ii)?

Berdasarkan pada seksyen 68 Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam No.3 Tahun 1959.

Keputusan :-

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri yang bersidang pada 28 Februari 1976 dan keputusannya adalah seperti berikut :

1. Soalan 1 (i & ii), 2 (i)
Perempuan itu boleh dikatakan berzina.
2. Soalan 2 (ii)
Boleh dipakai kenyataan doktor dan anak itu.
3. Soalan 2 (iii)
Tidak berdosa.

(28 Februari 1976)

7. MEMBUAT LALUAN ATAS KUBUR

Apakah hukum dan fatwa jika kita hendak jadikan sesuatu jalan di atas tanah perkuburan orang-orang Islam yang masih digunakan lagi untuk kenderaan berat seperti lori di atas tanah itu?

Keputusan :-

Mesyuarat bersetuju memberi pendapat dengan sebulat suara iaitu membina sesuatu jalan di atas tanah perkuburan adalah tidak diluluskan oleh Syarak.

(7 April 1976)

8. MEMBAYAR ZAKAT FITRAH KEPADA AMIL

1. Adakah sah fitrah seseorang yang membayar fitrahnya kepada orang lain selain daripada amil yang telah dilantik oleh pihak yang berkuasa?

2. Adakah harus pihak jawatankuasa qaryah melantik seorang wakil untuk menerima zakat bagi pihak masjid yang mana zakat itu akan digunakan untuk kebajikan masjid?

Keputusan :-

1. Mesyuarat bersetuju memberi pendapat dengan sebulat suara, oleh sebab amil telah dilantik, maka jika diberi kepada amil-amil lain adalah tidak sah.
2. Tidak harus kerana jawatankuasa qaryah tidak mempunyai kuasa untuk melantik seorang wakil bagi memungut zakat, kerana kuasa menjalankan perkara-perkara agama adalah tertakluk kepada kuasa mengikut Perlembagaan Malaysia. Sekiranya tiap-tiap qaryah berkehendakkan pungutan zakat kerana faedah masjid, sementara diselaraskan oleh pihak yang berkuasa, maka bolehlah seorang daripada ahli qaryah berhutang untuk menghasilkan tujuan itu dan kemudiannya bolehlah zakat dipungut dan diberi kepadanya bahagian *ghorimin* sahaja. (Orang-orang yang berhutang - sebahagian daripada 8 bahagian adalah bahagian *ghorimin*).

(7 April 1976)

9. PERUSAHAAN MEMBOTOL ARAK

Apakah hukum orang Islam menjalankan perusahaan membotol arak dan menjual minuman keras?

Keputusan :-

Mengikut pandangan dan nasihat Jawatankuasa Syariah, orang-orang Islam yang membotol arak atau menjual minuman keras dan yang berkaitan dengannya adalah salah di sisi hukum Syarak.

(7 April 1976)

10. SEMBAHYANG JUMAAT YANG TIDAK CUKUP BILANGAN AHLI JUMAAT

Apakah pandangan Syarak berkenaan Masjid Simpang Tiga Tok Mandin yang mendirikan sembahyang Jumaat pada 17 September 1976 dengan ahli Jumaat hanya 18 orang sahaja termasuk Imam?

Keputusan :-

Mesyuarat bersetuju memberi pendapat iaitu mengikut Mazhab Syafie, tidak sah sembahyang Jumaat oleh kerana kurang daripada 40 orang yang bermastautin hadir.

(13 Oktober 1976)

11. TIDAK BERSEMAHYANG JUMAAT

Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Sains Pulau Pinang di Bukit Mertajam telah menghadapi masalah yang rumit untuk menunaikan fardu Jumaat di masjid-masjid berhampiran. Sekolah ini hanya mempunyai sebuah bas sahaja untuk membawa penuntut-penuntut ke masjid dan bas itu hanya dapat membuat 2 *trip* sahaja kerana kesuntukan masa. Baki penuntut-penuntut yang tidak dapat pergi dengan bas terpaksa berjalan kaki dengan melintasi jalan kereta api, belukar, lumpur di waktu hujan dan sebagainya untuk sampai ke masjid yang berhampiran sekali iaitu Masjid Kampung Baharu jauhnya lebih kurang 2 batu. Di akhir-akhir ini terdapat laporan bahawa penuntut-penuntut yang pergi ke masjid tidak menunaikan sembahyang Jumaat tetapi bercakap-cakap di luar masjid semasa jemaah bersembahyang. Perkara inilah yang paling mendukacitakan pihak sekolah kerana nama baik dan maruah sekolah terjejas. Untuk mengatasi masalah ini pihak sekolah telah mengambil 2 langkah seperti berikut :

1. Bas sekolah akan menghantar 2 *trip* seramai kira-kira 90 orang penuntut ke masjid-masjid yang berdekatan iaitu 1 *trip* ke Masjid Sungai Rambai dan 1 *trip* ke Masjid Tok Kun dengan pengawasan rapi.
2. Baki penuntut-penuntut tidak akan dibenarkan

keluar bersendirian ke masjid yang selalu mereka pergi, tetapi sebaliknya mereka akan berlatih sembahyang Jumaat di dalam dewan sekolah. Segala latihan-latihan untuk menjadi Imam, Khatib, Bilal, Siak dan sebagainya sedang dijalankan dengan giatnya oleh guru-guru agama sekolah. Pendek kata, semuanya dikendalikan oleh pelajar-pelajar sendiri.

Adakah amalan sedemikian dibenarkan atau tidak?

Keputusan :-

Mesyuarat bersetuju memberi pendapat iaitu berlatih sembahyang Jumaat itu tidak sah dan tidak dikehendaki. Penuntut-penuntut yang tidak pergi sembahyang Jumaat adalah wajib bersembahyang Zohor. Untuk mengatasi masalah ini, ikhtiar boleh dijalankan untuk menambah bas.

(13 Oktober 1976)

12. BAB SEMBAHYANG JUMAAT

1. Berapa jauhkah jaraknya antara sebuah masjid ke masjid yang lain bagi membolehkan sahnya mendirikan sembahyang Jumaat?
2. Apakah sebab-sebab yang membolehkan seseorang lelaki Islam dikecualikan dari sembahyang Jumaat?
3. Bolehkah seseorang pekerja Islam dimaafkan daripada sembahyang fardu Jumaat oleh sebab terpaksa menjalankan kerja-kerjanya di kilang yang ditetapkan waktu kerjanya oleh majikan tanpa henti?
4. Bolehkah seseorang Islam itu dimaafkan sekiranya tidak dapat menunaikan sembahyang Jumaat oleh sebab tiada masjid yang berdekatan dan sekiranya berbuat demikian akan memakan masa satu jam atau lebih?
5. Bolehkah sembahyang Jumaat diadakan di tempat-tempat kerja atau di tempat-tempat berdekatan dengannya sekiranya masjid yang terdekat terletak jauh dua atau tiga batu dari tempat kerjanya?

Keputusan :-

1. Jarak di antara dua (2) buah masjid itu tidak dikehendaki tetapi boleh didirikan Jumaat pada tiap-tiap kampung yang berlainan nama.
2. Jika didapati satu sebab daripada beberapa sebab uzur Jumaat, maka bolehlah dikecualikan daripada sembahyang Jumaat.
3. Sekiranya jika menyalahi ia dari paksaan majikannya itu mungkin gugur haknya, maka bolehlah dimasukkan ke dalam uzur Jumaat.
4. Boleh dimaafkan sekiranya tiada terdapat masjid yang didengar (bang) azan Jumaat dengan tidak menggunakan alat pembesar suara.
5. Tidak boleh kerana tidak mencukupi syarat sah Jumaat.

(20 Oktober 1976)

13. WANG FAEDAH BANK

1. Bolehkah wang faedah bank digunakan untuk membayar hasil (bil) air pancur dan api letrik yang digunakan di masjid?
2. Bolehkah dibeli tanah atau pasir untuk ditimbus di kawasan masjid atau kubur dan lain-lain?
3. Bolehkah dibeli segala keperluan untuk kegunaan qaryah seperti pinggan mangkuk dan lain-lain?

Keputusan :-

Mesyuarat bersetuju memberi pendapat bahawa wang faedah bank itu adalah haram dan tidak boleh digunakannya bagi segala kebajikan kecuali bagi menimbus tanah kawasan masjid atau tanah perkuburan dan pagar-pagarnya yang terlibat kegunaannya kepada *masalahah* umum (مصلحة عامة)

(11 November 1976)

14. TANAH WAKAF BUTTERWORTH DAN LOT 694, MK. 4, SEBERANG PERAI UTARA

1. Bolehkah tanah-tanah wakaf (hasil tanah Butterworth) dijual beli seperti tanah-tanah hak milik yang lain? Jika ianya tidak boleh dijual beli, adakah apa-apa peruntukan atau fatwa mengenainya?
2. Masalah tanah wakaf Lot.694, Mk. 4, Seberang Perai Utara yang hendak diserahkan oleh Datuk Haji Ismail bin Che Chik sebagai tanah perkuburan untuk ahli-ahli qaryah Masjid Penaga. Bolehkah syarat-syarat yang ditentukan oleh si *wakif* supaya hanya orang-orang yang bersembahyang di Masjid Penaga ditanam di tanah perkuburan wakafnya, dilonggarkan?

Keputusan :-

1. Mesyuarat bersetuju memberi pendapat iaitu tanah wakaf memang tak harus dijual beli tetapi boleh dipajak atau disewa dan lain-lain cara yang tidak akan menghilangkan miliknya.
2. Mesyuarat berpendapat boleh dilonggarkan kerana tujuan *wakif* (pewakaf) tidak sampai.

(11 November 1976)

15. ZAKAT HARTA

Masalah berikutan dari khutbah Jumaat Masjid Prai pada 19.11.76 mengenai zakat harta yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP), yang mana menerangkan seseorang yang menyimpan wang bila sampai *nisabnya* iaitu bersamaan dengan kadar 25 (mayam) emas dan 9 (saga), mengikut harga pasaran diwajibkan zakat.

Keputusan :-

1. Jawatankuasa Syariah bersetuju memberi pendapat iaitu khutbah Jumaat yang dibaca oleh khatib Masjid Prai pada 19.11.76 itu tidak dikawal oleh Jabatan Agama.
2. *Nisab* emas ialah sebanyak 25 (mayam) dan 2.7108 (saga) mengikut harga pasaran.

(28 Disember 1976)

16. MELETAKKAN TANDA *BISMILLAH* DI KEDAI BUKAN ISLAM

Seorang yang beragama Hindu mempunyai sebuah kedai makanan menjual nasi dan lain-lain. Di hadapan kedai itu diletakkan papan tanda yang bertulis *Bismillah* dalam bahasa Arab. Adakah ini menjadi salah atau tidak?

Keputusan :-

Adalah menjadi satu kesalahan meletakkan papan tanda *Bismillah* pada kedai yang bukan dipunyai oleh orang-orang Islam kerana ini akan mengelirukan orang-orang Islam.

(28 Disember 1976)

17. HARTA TAK ALIH

Seorang Islam yang bermastautin di negeri ini meninggal dunia dengan meninggalkan harta yang tidak boleh beralih ke negeri lain dalam Malaysia yang berhak kepada Baitulmal mengikut pembahagian faraid. Adakah harta yang tidak boleh beralih itu terpulang kepada Baitulmal negeri ini atau kepada Baitulmal negeri yang mana terletaknya harta itu?

Keputusan :-

Mesyuarat bersetuju memberi pendapat iaitu harta yang tidak boleh beralih itu terpulang kepada Baitulmal negeri yang mana terletak harta itu kerana *masalahah* tempatan.

(28 Disember 1976)

18. ZAKAT WANG SIMPANAN

Madrasah Hujung Permatang, Kepala Batas mempunyai wang simpanan di bank sebanyak \$1,000.50. Simpanan

tersebut telah cukup *nisabnya* selama setahun dari 1.1.75 hingga 31.12.75. Adakah wajib dikeluarkan zakat ataupun tidak?

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah berpendapat tidak wajib zakat kerana tidak ada tuan milik khas.

(28 Disember 1976)



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 1977**

19. SEMBAHYANG JUMAAT BERASINGAN (MASJID KAMPUNG BINJAI)

Permohonan hendak mendirikan sembahyang Jumaat di Masjid Kampung Binjai (dalam kampung) itu secara berasingan daripada Masjid Qaryah Permatang Damar Laut.

Keputusan :-

Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju membenarkan permohonan itu dengan tertakluk kepada Seksyen 106, Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam iaitu tanah masjid tersebut hendaklah dijadikan tanah wakaf.

(7 Jun 1977)

20. TANAH LOT UNTUK DIJADIKAN TANAH WAKAF

Tuan Haji Shaari bin Mat Isa dari Sungai Rusa, Balik Pulau hendak menjadikan 1/2 bahagian daripada tanah Lot 80 (3) dan 80 (8), Mk.B, Barat Daya, Pulau Pinang sebagai wakaf dan menyatakan bahawa pada masa ini Tuan Haji Ashaari adalah seorang yang sihat.

Keputusan :-

Mesyuarat mengambil keputusan mencadangkan supaya permohonan itu boleh diluluskan dengan tertakluk

kepada syarat-syarat dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam, tahun 1959.

(7 Jun 1977)

21. TAKLIK

Adakah berhak atau tidak bagi seseorang perempuan yang diceraikan dengan cara “tuntutan persahkan *taklik*” menuntut nafkah *'iddahnya*?

Keputusan :-

Mesyuarat bersetuju memberi pendapat iaitu mengikut kitab-kitab feqah adalah berhak bagi seseorang perempuan yang diceraikan dengan cara “tuntutan persahkan *taklik*” menuntut nafkah *'iddahnya*.

(5 Oktober 1977)

22. HAL EHWAL ANAK ANGKAT

1. Bagaimana untuk ditunaikan fitrah kepada anak angkat?
2. Bagaimanakah kiranya anak angkat tersebut hanya mempunyai ibu yang melahirkannya sahaja dan tidak berbapa (anak luar nikah)?
3. Sekiranya anak di dalam pertanyaan yang kedua (2) itu adalah anak angkat kepada saya dan bolehkah tidaknya saya “bin” kan anak itu ke nama saya,

agar dapat sekurang-kurangnya menyelamatkan kanak-kanak itu dari kata-kata masyarakat yang tidak diingini. Adakah ini melanggar dan menyalahi hukum-hukum agama Islam yang suci?

4. Adakah benar apa yang diketahui, kanak-kanak yang dilahirkan begitu (seperti pertanyaan 2) tidak ada tali persaudaraan dengan sesiapa, mahupun dengan wanita yang melahirkannya. Adakah ini benar dari sudut pandangan Islam?
5. Kiranya seseorang wanita itu hamil dari perbuatan haramnya. Apabila menyedari kandungannya, lima atau enam bulan (contoh), selalunya mereka akan meminta atau mengambil keputusan untuk menikah. Bagaimanakah kedudukan kanak-kanak tadi yang tidak berdosa itu apabila dilahirkan. Adakah bersamaan jawapannya nanti seperti soalan (2)?

Keputusan :-

1. Adalah wajib ke atas bapa angkat meminta izin untuk mengeluarkan fitrah anak angkatnya daripada warisnya, sekiranya tidak ada warisnya, maka hendaklah meminta izin daripada Hakim (*Qadhi*).
2. Fitrah anak luar nikah hanya wajib ke atas ibunya.
3. Sama ada seseorang itu mempunyai bapa atau tidak, mengubahkan “bin”nya adalah haram seperti

tersebut dalam al-Quran surah al-Ahzab, ayat 5 :

أَدْعُوهُمْ لِأَبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا آبَاءَهُمْ فَاخْرُؤْهُمْ فِي
الدِّينِ وَمَوَالِيكُمْ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَا كِن
مَا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٥﴾

Maksudnya : Panggillah anak-anak angkat itu dengan nama bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Maka jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai maula-maula kamu. Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi berdosa perbuatan yang disengajakan oleh hati kamu. Dan ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

4. Anak yang tersebut tidak ada perhubungan dengan bapa zinanya dan sebelah bapa zinanya tetapi sabit perhubungan dengan ibunya, kerabat ibunya dan masyarakat.
5. Walaupun wanita itu dinikahkan selepas menyedari keadaannya itu namun pernikahannya itu tidak mendatangkan kesan untuk mendapat bapa yang sebenar. Oleh itu jawapannya serupa dengan jawapan di (2) di atas.

(5 Oktober 1977)

23. SEMBAHYANG JUMAAT DI SYARIKAT NAM SING DYEING WORKS, PRAI

Permohonan mengadakan seorang Imam di Syarikat Nam Sing Dyeing Works, Prai pada tiap-tiap hari Jumaat supaya dapat pekerja-pekerja Islam di kilang tersebut yang dianggarkan lebih daripada 40 orang menunaikan sembahyang Jumaat di sebuah bilik khas yang akan dijadikan bilik sembahyang Jumaat. Sebab-sebab permohonan ini dibuat ialah kerana pihak syarikat tidak dapat memberi masa kelepasan untuk mereka menunaikan sembahyang Jumaat di masjid-masjid yang berhampiran dan juga kekurangan masjid yang berdekatan.

Keputusan :-

Mesyuarat bersetuju memberi pendapat dengan sebulat suara iaitu tidak mencukupi syarat-syarat mendirikan sembahyang Jumaat, tetapi tidak ada halangan hendak mengadakan bilik sembahyang.

(26 Oktober 1977)

24. BAI'A'H DAN SUMPAH PERSETIAAN

Membincangkan sepucuk surat daripada Yang Dipertua, Jabatan Hal Ehwal Agama, Kedah yang meminta pandangan mengenai Ijazah "*Bai'ah* dan Sumpah Persetiaan" dan orang-orang yang terlibat dengannya.

Keputusan :-

Mesyuarat berpendapat tidak ada tegahan tetapi jika tidak menepati apa yang disumpah wajib mengeluarkan kifarah sumpah.

(26 Oktober 1977)

25. TANAH WAKAF MADRASAH AL-MASHOOR

Tanah wakaf tapak Madrasah Al-Mashoor dengan bangunannya di Lebu Teik Sun, Pulau Pinang, hendak diambil alih oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri akan menggantikan satu tapak baharu dengan wang untuk membina bangunan sekolah yang diambil tetapi diberi kepada Kerajaan Pusat. Oleh kerana sekolah ini akan ditadbirkan oleh Kerajaan Pusat, jelasnya nama wakaf Madrasah Al-Mashoor akan dihapuskan. Oleh yang demikian fatwa diminta di atas dua perkara berikut :-

1. Apakah hukumnya pada Syarak, tanah wakaf dipindahkan jadi milik Kerajaan?
2. Apakah hukumnya pada Syarak tanah wakaf ditukar ganti? Sekiranya boleh, apakah syarat bagi meluluskannya?

Keputusan :-

Mesyuarat bersetuju memberi keputusan berikut :

1. Dengan tertakluk kepada syarat-syarat wakaf itu, maka bolehlah dipinda milik dengan bertujuan pindah kuasa tadbir Nazir di atas tanah wakaf itu.

2. Pada hukumnya mengikut Mazhab Syafie, tidak diharuskan tetapi, pada Mazhab Hanafi, dibolehkan kerana ada masalah.

(9 November 1977)

**26. TAMBAHAN RUANG MASJID HAJI KASSIM,
KAMPUNG MAKAM**

Bangunan Masjid Haji Kassim, Kampung Makam akan diperbesarkan bagi mengelakkan kesesakan di ruang sembahyang. Tapak yang dicadangkan itu adalah di atas bekas kubur yang tidak digunakan lagi dan kubur ini akan dipindahkan. Oleh yang demikian inilah fatwa diminta dalam masalah ini.

Keputusan :-

Mesyuarat bersetuju memberi keputusan iaitu kubur yang telah hancur bolehlah dipindahkan.

(20 November 1977)



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 1979**

27. FAEDAH SIMPANAN TETAP

Mengenai wang faedah (bunga) sama ada wang bunga bank itu boleh ataupun sah diterima untuk kegunaan membeli alat-alat tulis dan kertas-kertas untuk kegunaan pejabat dan sebagainya.

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah memutuskan diharuskan penerimaan wang faedah dari Simpanan Tetap dengan syarat wang itu digunakan bagi tujuan *masalah* umum.

(10 Januari 1979)

28. PAHALA SEMBAHYANG MAYAT

Ada golongan yang mengatakan sembahyang mayat yang mula-mula mendapat pahala yang lebih dari yang datang kemudian tidak dapat apa-apa.

Keputusan :-

Sembahyang yang mula dapat pahala dan yang kemudian pun dapat juga, tetapi yang mula lebih pahalanya.

(10 Januari 1979)

29. PENGELUARAN ZAKAT BAGI KOPERASI

Pihak Koperasi Peladang ada menjalankan projek tanaman padi seluas 4 ekar. Segala modal yang digunakan dalam menjayakan projek ini adalah terdiri daripada modal yang dilaburkan oleh ahli pelbagai kaum iaitu orang-orang Melayu dan Cina.

Tanaman padi bagi projek ini adalah 2 kali setahun. Jadi dalam sesuatu musim itu kadang-kadang terdapat keuntungan dan kadang-kadang mendapat kerugian. Dan selama lebih kurang 4 tahun pihak Koperasi Peladang tidak mengeluarkan zakat.

Persoalannya adalah seperti berikut :-

1. Adakah wajib pihak Koperasi Peladang mengeluarkan zakat, padahal modal (wang) yang digunakan untuk projek ini adalah terdiri daripada wang orang Cina dan Melayu. Selain daripada itu, pihak Koperasi Peladang juga ada mengeluarkan dividen sebanyak 10% setahun kepada setiap orang yang menjadi ahli Koperasi Peladang?
2. Jika pihak Koperasi wajib mengeluarkan zakat, berapakah *nisabnya* dalam bentuk wang ringgit (lebih senang dikira) yang mesti dikeluarkan oleh pihak Koperasi. Misalnya jika pihak koperasi mendapat keuntungan bersih sebanyak \$300/= bagi

musim yang lepas, jadi berapakah yang wajib bagi pihak Koperasi Peladang mengeluarkannya?

3. Bagaimanakah dengan musim-musim yang lepas (4 tahun yang lepas) kerana pihak Koperasi tidak menyimpan rekod-rekod bagi keuntungan bersih yang tepat. Jika wajib dikeluarkan, adakah segala keuntungan-keuntungan secara kasar itu dijumlahkan semuanya dan dikeluarkan zakat mengikut kadar yang telah ditetapkan?

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah berpendapat :

1. Wajib bagi Koperasi mengeluarkan zakat setakat mana yang melibatkan modal dan usaha ahli-ahli Islamnya sahaja.
2. *Nisab* padi bagi sesuatu musim ialah 363 (gantang) dan kadar zakatnya ialah 1/10, jika diusahakan dengan pengiraan biasa dan 1/20, jika diusahakan dengan menggunakan lain-lain tenaga.
3. Zakat bagi musim-musim yang lalu, dikira terhutang dan keluarannya hendaklah berpandukan kepada anggaran hasil pada tiap-tiap tahun.

(10 Januari 1979)

30. KUTIPAN DARI DERMA KEBAJIKAN

1. Bolehkah diambil komisen yang terhad dari wang kutipan Derma Kebajikan di rumah si mati untuk tujuan kebajikan yang lain?
2. Bolehkah dicatat nama-nama penderma?
3. Bolehkah seorang yang sakit meminum arak dan sebagainya dengan tujuan untuk menyembuhkan penyakitnya itu?

Keputusan :-

1. Tidak boleh digunakan wang derma yang dikumpulkan bagi sesuatu tujuan untuk tujuan yang lain.
2. Boleh dicatat nama-nama penderma tersebut.
3. Arak tidak boleh diminum sama sekali.

(10 Januari 1979)



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 1980**

31. PERTUKARAN NAMA

Zubaidah d/o Abdullah ingin menukarkan nama Islamnya kepada nama Hindu iaitu “Vijaya Letchumi” di dalam sijil kelahiran 3 orang anaknya. Apakah pandangan Islam di dalam hal ini dan bagaimanakah kedudukan ibu ini?

Keputusan :-

Perbuatan Zubaidah d/o Abdullah dianggap telah terkeluar dari agama Islam. Menurut Undang-undang Pentadbiran Agama Islam di Negeri Pulau Pinang, tiada peruntukan yang membolehkan tindakan diambil terhadapnya. Oleh itu, cadangannya untuk menukarkan namanya di atas sijil-sijil kelahiran anak-anaknya tidak dapat dihalang.

(31 Mac 1980)

32. KAHWIN DENGAN KETURUNAN SYED

Seorang gadis yang berketurunan *Syed* hendak berkahwin dengan seorang lelaki Melayu yang bukan berketurunan *Syed* telah dihalang oleh walinya dengan alasan bukan sekufu’ (bukan keturunan yang sama). Wali gadis itu juga telah memberi keterangan kepada Kadi dan keluarga lelaki Melayu itu dan dia tidak mahu mewalikan anak gadisnya itu untuk diadakan dengan lelaki itu dengan alasan yang serupa di atas.

Persoalannya adalah seperti berikut :-

1. Bolehkah diterima alasan bapa gadis itu?
2. Adakah masalah *sekufu'* ini masih bersesuaian pada masa kini?
3. Dengan alasan di atas, bolehkah dikatakan wali *a'dhol* (عضل) ?
4. Apakah hukumnya jika mereka diakadnikahkan juga? Adakah haram hukumnya?
5. Sekiranya keturunan *Syed* tidak boleh diakadkan dengan bukan keturunan *Syed* dengan cara wali Hakim disebabkan tidak *sekufu'*, adakah terdapat mana-mana dalil yang ada menegah perkahwinan keturunan *Syed* dengan bukan keturunan *Syed*?
6. Apakah maksud hadis “tidak ada perbezaan di antara orang Arab dengan keturunan *a'jam* (عجم) melainkan takwa” ?
7. Menurut pandangan Islam dari manakah datangnya keturunan *Syed* di abad ke-15 ini?
8. Jika sekiranya perempuan keturunan *Syed* hendak berkahwin dengan lelaki bukan keturunan *Syed*, dihalang oleh walinya dengan alasan tidak *sekufu'* dan pasangan itu lari berkahwin di luar Malaysia, setelah mereka diakadnikahkan balik ke Malaysia, adakah sah perkahwinan mereka?

Keputusan :-

1. Boleh diterima alasan bapa gadis itu jika benar dia keturunan Rasulullah SAW.
2. Masalah sekufu' boleh dipakai pada masa kini.
3. Tidak boleh dikatakan wali *a'dhol* (عضل).
4. Tidak sah bagi wali hakim mengakadnikahkan mereka kecuali jika tidak diakadkan akan membawa kepada perbuatan dan kejadian yang buruk.
5. Ada dalilnya di dalam kitab *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, juzuk 16, halaman 182-189, cetakan Dar al-Fikr.
6. Maksud hadis ini tidak boleh dikaitkan dengan hak sekufu' melainkan wali dan perempuan bersetuju menggugurkan hak sekufu'.
7. Soalan ini tidak berbangkit dengan masalah yang dikemukakan.
8. Sama seperti jawapan kepada soalan (4).

(31 Mac 1980)

33. PEMBINAAN PARIT SIMEN BERDEKATAN KAWASAN KUBUR

Masalah pembinaan parit simen di atas perenggan tanah masjid berdekatan batu-batu nisan kubur Sungai Rambai yang mana perkara ini menimbulkan perbalahan dan salah faham di antara anak-anak qaryahnya.

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah memutuskan tidak menjadi halangan kedudukan parit bersempadanan dengan tanah perkuburan sekiranya saluran air itu berjalan terus.

(22 September 1980)

34. PEMINDAHAN KUBUR LAMA DI LOT 1214 DI MASJID KELAWEI

Masalah memindahkan kubur-kubur lama di Lot 1214 di Masjid Kelawei yang dibangkitkan oleh Syarikat Peguam Rethina & Co. Butterworth.

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah memutuskan kubur-kubur itu boleh dipindah tetapi patutlah dirujuk kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang dahulu oleh kerana ini berkaitan dengan keselamatan di qaryah berkenaan. Satu pemberitahuan diharamkan mayat-mayat disimpan di situ mulai 22 September 1980 akan dibuat.

(22 September 1980)

35. MASALAH SEMBAHYANG JUMAAT DAN SEMBAHYANG HARI RAYA

1. Masalah mendirikan sembahyang Jumaat di Surau Seberang Jaya yang mana telah siap pembinaannya dengan alasan Masjid Kampung Setol tidak dapat menampung penduduk kawasan Seberang Jaya, akibatnya terpaksa pergi sembahyang ke masjid-masjid yang berdekatan.
2. Masalah mendirikan sembahyang Jumaat di Masjid Haji Saad dengan alasan masjid ini telahpun siap pembinaannya, hanya menunggu masa untuk dirasmikan.
3. Masalah untuk mendirikan sembahyang Jumaat dan sembahyang Hari Raya di Masjid Aceh di mana anak qaryahnya enggan bersembahyang Jumaat di Masjid Negeri Pulau Pinang.
4. Masalah untuk mendirikan sembahyang Jumaat di Masjid Kampung Bharu, Pulau Pinang.

Keputusan :-

1. Jawatankuasa Syariah memutuskan bahawa perkara ini patutlah dibawa ke Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan perkara ini ditangguhkan untuk diselidiki lebih mendalam lagi. Buat sementara waktu penduduk Seberang Jaya hendaklah sembahyang di

masjid-masjid berdekatan seperti yang diamalkan sekarang ini.

2. Jawatankuasa Syariah memutuskan bersetuju didirikan sembahyang Jumaat di Masjid Haji Saad dan meminta mengemukakan senarai calon-calon bagi jawatan pegawai-pegawai masjid seperti Nazir, Imam, Khatib dan Bilal ke Majlis Agama Islam dengan segera.
3. Jawatankuasa Syariah memutuskan bersetuju supaya sembahyang Jumaat diteruskan di Masjid Acheh Kebun Lama, Pulau Pinang seperti mana yang berjalan sekarang kerana kehadiran jemaah dari kawasan berhampiran ramai dan mencukupi daripada yang disyaratkan.
4. Sembahyang Jumaat di Masjid Kampung Bharu tidak akan diadakan selepas penerangan oleh Kadi Pendakwa dan Kadi Bandaraya kepada Jawatankuasa Qaryah berkenaan dalam satu perjumpaan pada 9 September 1980.

(22 September 1980)

**36. WANG POTONGAN DARI BAITULMAL KE
PENTADBIRAN AM MAJLIS AGAMA ISLAM**

Potongan 17% daripada Baitulmal boleh atau tidak dimasukkan dalam Kira-Kira Pentadbiran Am, Majlis Agama Islam?

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah memutuskan bahawa 17% daripada pendapatan Baitulmal dapat dimasukkan dalam Kira-Kira Pentadbiran Am, Majlis Agama Islam Pulau Pinang.

(22 September 1980)



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 1981**

37. MENGHADKAN PERKONGSIAN MILIK YANG RAMAI KE ATAS TANAH PERTANIAN

Setiausaha telah membentangkan sepucuk surat yang telah diterima daripada Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan yang mana antara lain surat itu ingin mendapatkan pandangan dari segi Syarak sama ada Islam membenarkan pihak berkuasa menghadkan perkongsian milik yang ramai ke atas tanah pertanian yang berpindah milik secara pembahagian pusaka. Seterusnya Setiausaha memberitahu bahawa tanah yang kecil itu telah menghalang kemajuan dan pembangunan tanah dan menimbulkan masalah pembayaran cukai serta masalah sosial.

Jika tanah dikekalkan.

Musaleh:

Mendapat punggu bahagian harta.

Mufasid:

- i. Harta tidak boleh digunakan baik untuk mendapatkan hasil bagi menyara hidup.
- ii. Akan menimbulkan perbalahan antara waris kerana mungkin ada yang mendiami di atas harta yang kecil itu.
- iii. Memutuskan silaturrahim antara kerabat.

Jika tanah dijual.

Musaleh:

- i. Waris boleh menggunakan panggunya dari hasil jualan untuk dibuat modal.
- ii. Orang perseorangan akan memiliki harta.

Mufasid:

- i. Waris kehilangan harta. Sedangkan Islam bersikap لا ضرر ولا ضرار فى الإسلام

Keputusan :-

Maka kerana itu Majlis Syariah bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh pihak Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan berdasarkan kepada kaedah menolak kerosakan didahulukan daripada mengambil manfaat dan berpegang kepada hadis :

لا ضرر ولا ضرار فى الإسلام

dan juga kepada kaedah :

المصالح المرسله

Majlis juga mengesyorkan jika tanah pusaka yang hendak dijual itu tiada waris yang berkemampuan untuk membelinya hendaklah dijual kepada Majlis Agama Islam supaya harta itu tidak terjatuh kepada orang yang bukan Islam.

(28 September 1981)

38. FIDYAH SEMBAHYANG DAN PUASA BAGI SI MATI

Adakah perlu *diqadha* sembahyang dan dibayar fidyah puasa bagi si mati oleh ahli-ahli waris?

Keputusan :-

1. Hukum fidyah sembahyang :

Terdapat tiga (3) *qaul* dalam Mazhab Syafie :

- i. Tiada *diqadha* sembahyang si mati dan tiada dikeluarkan fidyah kerana tidak disuruh berbuat demikian.
- ii. *Diqadha* sembahyang si mati oleh warisnya atau kerabatnya dan dikeluarkan daripada harta peninggalannya bagi tujuan itu, tetapi tiada dibuat fidyah.
- iii. Boleh dibuat fidyah atas setiap waktu yang ditinggalkan dengan kadar 15 (tihil) beras bagi setiap sembahyang dan diberikan kepada fakir miskin sahaja.

Pendapat yang muktamad daripada tiga (3) pendapat ialah pendapat yang pertama, iaitu tiada *diqadha* dan tiada difidyahkan sembahyang yang ditinggalkan oleh si mati

2. Hukum fidyah puasa :

عَنْ إِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامُ شَهْرِ رَمَضَانَ ، فَلْيُطْعَمْ عَنْهُ مِنْ كُلِّ يَوْمٍ مِسْكِينًا .
(رواه الترمذي)

Maksudnya :

Daripada Ibn Umar r.a. beliau berkata: Nabi SAW bersabda: "Barangsiapa yang mati sedang ia menanggung hutang puasa bulan Ramadan, maka hendaklah pihak warisnya (mengeluarkan fidyah untuknya dari harta peninggalannya iaitu) memberi makan seorang miskin (satu cupak) bagi tiap-tiap satu hari yang tidak dikerjakan puasanya".

(Hadis Riwayat At-Tirmizi)

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامٌ صَامَ عَنْهُ وَلِيُّهُ .
(رواه البخاري ومسلم).

Maksudnya :

Daripada `Aisyah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa yang meninggal dunia dan memiliki hutang puasa, maka walinya boleh berpuasa untuknya".

(Hadis Riwayat Al- Bukhari dan Muslim).

Pendapat *fuqaha'* yang telah diijma'kan ialah orang yang mati sedang bertanggung atasnya puasa fardu, sedangkan dia mempunyai kesempatan untuk meng*qadha* puasa itu tetapi dia tidak meng*qadhakannya*, diwajibkan mengeluarkan fidyah bagi setiap hari puasa yang ditinggalkan sebanyak satu "mud" (مد) yakni 15 (tahal) beras. Jika puasa itu tidak di*qadhakan* sehingga memasuki tahun seterusnya maka fidyahnya menjadi berganda mengikut bilangan tahun.

(28 September 1981)

39. PENGGUNAAN PERKAKAS MASJID LAMA YANG AKAN DIROBOHKAN (MASJID PAYA KELADI)

1. Apakah hukumnya barang-barang yang telah pun diwakafkan kepada masjid ini seperti batu marmar yang dijadikan lantai masjid dipecah-pecahkan kerana hendak mendirikan masjid yang baharu pula?
2. Boleh atau tidak semua batu-bata yang dipecahkan daripada bangunan masjid lama itu, ditimbuskan semula dalam kawasan tapak bangunan yang baharu?
3. Apakah hukumnya jika barang-barang lama kepunyaan masjid seperti kayu alang, tiang dan sebagainya dijadikan pula bangsal tempat menyimpan perkakas-perkakas masjid?

4. Apakah yang harus dilakukan kepada tapak bangunan yang lama, memadailah ianya dipagar sahaja untuk mengelakkan daripada haiwan masuk ke dalamnya?
5. Apakah pandangan Islam terhadap tanah yang diwakafkan sebagai tanah kubur dan ada tanda-tanda batu nisan di atasnya dan didirikan pula rumah kediaman di atasnya?

Keputusan :-

1. Hukumnya boleh dipecah-pecahkan batu marmar itu.
2. Hukumnya boleh ditimbuskan batu-bata dalam kawasan tapak bangunan yang baharu.
3. Kayu-kayu itu boleh digunakan sebagai bangsal untuk menyimpan barang-barang masjid.
4. Memadailah dipagar sahaja kawasan itu.
5. Hukumnya tidak boleh didirikan rumah di atas tanah yang diwakafkan sebagai tanah kubur.

(28 September 1981)

**40. PEMBERIAN HARTA KEPADA ANAK YANG
DIPELIHARA DARIPADA KETURUNAN
BUKAN BERAGAMA ISLAM**

1. Bagaimanakah caranya untuk memberi tanah kepunyaan saya dan isterinya kepada anak-anak berkenaan?
2. Bagaimanakah cara pemberian terhadap tanah pusaka kepunyaan saya dan isterinya sahaja kepada anak berkenaan?

Keputusan :-

1. Tanah tersebut boleh diberikan kepada anak berkenaan dengan cara *Hibbah* (هبة) semasa tuan atau isteri masih hidup atau mewasiatkan 1/3 bahagian daripada tanah itu selepas tuan atau isteri telah meninggal dunia.
2. Sama seperti di atas.

(28 September 1981)

**41. FATWA MENGENAI AJARAN SALAH
“CRYPTO”**

Setiausaha telah membentangkan laporan-laporan dan juga ajaran-ajaran yang terdapat di dalam ajaran salah “Crypto” yang telah disediakan oleh Pegawai-Pegawai Penyelidik di Jabatan Perdana Menteri. Ajaran-ajaran ini

mengandungi beberapa perkara yang bercanggah dengan yang terdapat di dalam ajaran Islam sebenarnya.

Keputusan :-

1. Jawatankuasa Syariah sebulat suara berpendapat bahawa ajaran “Crypto” adalah sesat dan terkeluar daripada Islam. Orang yang percaya kepada ajaran ini adalah murtad kerana:
 - i. Tidak mempercayai al-Quran.
 - ii. Mengingkari wajibnya sembahyang dan juga Rukun Islam yang lainnya.
 - iii. Mengaku menerima wahyu dari Allah sedangkan wahyu telah pun terputus.
 - iv. Mengatakan Nabi Muhammad SAW menerima wahyu daripada Nabi Isa.
 - v. Mengatakan al-Quran akan turun lagi sebanyak tiga juzuk dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Latin sedangkan al-Quran dalam Bahasa Arab.
 - vi. Mengatakan bahawa Nabi Isa itu adalah Tuhan sebenarnya.
 - vii. Mengaku Tuhan.
 - viii. Mengatakan masjid adalah tokong bagi

- orang-orang Melayu.
2. Orang-orang yang mempercayai dan mengamalkan ajaran itu hendaklah bertaubat dan mengucapkan dua kalimah syahadah.
 3. Hukum bagi orang-orang yang murtad ialah :
 - i. Perkahwinannya terbatal.
 - ii. Mayatnya tidak boleh dikebumikan di perkuburan orang-orang Islam.
 - iii. Tidak boleh pusaka-mempusakai.
 - iv. Gugur hak wilayah perkahwinan.
 - v. Orang-orang Islam tidak boleh menyembahyangkan mayatnya dan tidak boleh mengikut ke kuburnya.

(11 November 1981)



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 1982**

42. SEMBAHYANG JUMAAT BAGI BANDUAN-BANDUAN

Setiasaha memaklumkan kepada mesyuarat bahawa urusetia telah menerima surat daripada Penguasa Kanan Penjara, Pulau Pinang yang ingin mengetahui sama ada banduan-banduan Islam di penjara itu boleh atau tidak menunaikan fardu Jumaat di dalam penjara. Walau bagaimanapun pihak penjara merasakan bahawa keselamatan para jemaah semasa menunaikan sembahyang fardu Jumaat adalah tidak terjamin.

Keputusan :-

Mesyuarat telah membuat kesimpulan bahawa para banduan tidak boleh mendirikan sembahyang fardu Jumaat di dalam penjara berdasarkan kepada sebab-sebab berikut :-

1. Penjara merupakan tempat kurungan yang menyekat seseorang daripada bebas, maka itu adalah merupakan keuzuran yang dimaafkan oleh Syarak.
2. Tidak ada *istihsan*.
3. Tidak menepati hikmah berjumaat.
(Kitab *Al-Iqna'*, juzuk 1, halaman 153)
(Kitab *Al-Iqna'*, juzuk 3, halaman 442, cetakan Dar al-Fikr)

(9 Mac 1982)

43. SEMBAHYANG JUMAAT DI MADRASAH LAHAR TIANG

Setiausaha menyatakan bahawa urusetia telah menerima permohonan daripada Pengerusi Madrasah Lahar Tiang, Kepala Batas untuk mendirikan fardu Jumaat di madrasah kampung berkenaan disebabkan perkara-perkara berikut:-

1. Jarak kampung berkenaan dengan masjid adalah jauh.
2. Penduduk-penduduk kampung ini ialah seramai 100 orang yang mana telah wajib mendirikan fardu Jumaat.
3. Memandangkan kebanyakan penduduk kampung ini bekerja di ladang getah dan mereka ini selalunya pulang lewat, maka bagi mereka tidak sempat kalau ke masjid jauh.
4. Masjid Qaryah Paya Keladi adalah kecil dan tidak dapat menampung jemaah hingga selalu menghadapi kesesakan.
5. Apabila fardu Jumaat ini diadakan di madrasah berkenaan, maka pemuda-pemuda yang selalunya tidak pernah bersembahyang Jumaat, terpaksa berjemaah bersama.

Keputusan :-

Mesyuarat bersetuju sebulat suara supaya diberikan kebenaran kepada anak-anak qaryah Kampung Lahar Tiang mendirikan fardu Jumaat di madrasah berkenaan. Berdasarkan nas dari *Al- Fatawa al-Kubra al-Fiqhiah li Ibn Hajar al-Haitami*, jilid 1, halaman 235, cetakan Dar al-Fikr :

حيث كانت القرى المذكورة متمایزا بعضها عن بعض وكان في كل قرية أربعون من أهل الجمعة لزم أهل كل قرية إقامة الجمعة في بلدهم ولم يجز لهم أن يتركوا بلدهم من غير إقامة الجمعة فيها ويذهبوا إلى أخرى فإن فعلوا ذلك أثموا اثما شديدا – الفتاوى الكبرى الفقهية لابن حجر الهيتمي، جزء الأول، ص ٢٣٥

Maksudnya :

Jika didapati qaryah itu bersambung atau bersempadan dengan yang lain dan didapati ada 40 orang lelaki, hendaklah mereka itu mendirikan Jumaat dan mereka ini tidak boleh keluar daripada kawasan qaryah itu untuk mendirikan Jumaat atau mereka meninggalkan qaryah pergi ke qaryah lain. Sesiapa yang mengerjakan yang demikian itu adalah melakukan satu dosa.

(9 Mac 1982)

44. MEMASANG PITA RAKAMAN BACAAN AL-QURAN DI MASJID MELALUI PEMBESAR SUARA

Apakah hukumnya memasang pita rakaman bacaan ayat-ayat suci al-Quran di dalam masjid melalui pembesar suara, sebelum masuk waktu sembahyang fardu Jumaat dan Subuh?

Keputusan :-

Mesyuarat telah membuat kesimpulan bahawa memasang pita rakaman ayat-ayat suci al-Quran sebelum masuk waktu sembahyang sebagai pemberitahuan adalah tidak dilarang selagi tidak menjadi gangguan kepada orang-orang yang sedang melakukan ibadat.

(9 Mac 1982)

45. TANAH WAKAF KAPITAN KELING BERSENDIRIAN

Majlis sedang merancang untuk membina sebuah bangunan 8 tingkat yang mengandungi rumah-rumah dan ruang perniagaan di atas tapak yang masih kosong dan tidak melibatkan makam yang ada di situ.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa wakaf ini adalah Wakaf Am kerana ianya diberi geran tanah oleh kerajaan sebagai tapak masjid, tujuan ibadat dan keagamaan. Di samping itu juga terdapat satu wasiat yang telah dibuat

pada 25 Februari 1834 yang telah menyebutkan beberapa syarat yang membolehkan wasiat ini diterima sebagai Wakaf Khas. Persoalannya adalah seperti berikut :-

1. Adakah wakaf ini Wakaf Khas atau Wakaf Am?
2. Bolehkah projek yang dirancangkan itu dijalankan di atas tanah wakaf ini kerana di dalam syarat-syarat wakaf ini tidak dinyatakan cara-cara yang tetap tanah itu hendak digunakan?

Keputusan :-

1. Jawatankuasa Syariah berpendapat bahawa tanah wakaf Masjid Kapitan Keling Bersendirian adalah Wakaf Am berdasarkan alasan berikut :-
 - i. Tidak ditentukan tujuan penggunaannya.
 - ii. Syarat bagi hasil itu bertentangan dengan kehendak Syarak.
2. Oleh itu, tanah wakaf Masjid Kapitan Keling Bersendirian adalah Wakaf Am dan harus dibuat pembangunan.

(9 Mac 1982)

46. PERBELANJAAN MENCETAK BORANG-BORANG ZAKAT DAN FITRAH

Setiausaha telah memaklumkan bahawa urusetia telah mengiklankan tender untuk mencetak borang-borang zakat dan fitrah di mana tawaran ini terbuka kepada syarikat-syarikat Percetakan Islam Bumiputra. Lembaga Tender Majlis yang telah membuka empat tawaran yang diterima telah memilih tender yang terendah sekali iaitu dari Syarikat Jasmin Sdn. Bhd. dengan tawaran sebanyak \$255,623.00. Harga tawaran yang ditawarkan itu adalah berdasarkan kepada penggunaan kertas jenis N.C.R. dan bilangan borang-borang yang akan dicetak itu ialah untuk kegunaan 2 hingga 3 tahun kerana urusetia menjangkakan ini akan lebih menjimatkan. Untuk pengetahuan ahli-ahli, peruntukan percetakan yang diluluskan oleh Majlis bagi tahun 1982 hanya sebanyak \$7,000.00 sahaja. Oleh itu, dipohon pandangan Jawatankuasa Syariah sama ada pihak urusetia boleh menggunakan wang fitrah bagi membiayai perbelanjaan percetakan tersebut.

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju memberi pandangan bahawa harus dikeluarkan wang dari hasil zakat dan fitrah untuk tujuan pengurusan kerana ianya termasuk di dalam asnaf

'Amil (عامل)

(9 Mac 1982)

47. **PROJEK DI ATAS TANAH WAKAF MASJID ALIMSAH**

Tanah wakaf ini adalah Wakaf Khas mengikut laporan kajian harta-harta wakaf yang disediakan oleh Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, di mana terdapat sebuah masjid dan sebuah rumah 3 tingkat di atasnya. Rumah pangsa ini telah dirobohkan dan dicadangkan dibina 2 buah bangunan di kawasan itu, iaitu sebuah bangunan rumah pangsa 12 tingkat dan satu lagi kompleks perniagaan 4 tingkat. Masjid yang ada sekarang juga akan diroboh dan masjid baharu dicadangkan dibina di tingkat atas bangunan kompleks perniagaan itu. Persoalannya adalah seperti berikut :-

1. Adakah kawasan tersebut dapat dimajukan dengan projek pembangunan seperti yang dirancangkan di atas?
2. Adakah masjid yang ada sekarang boleh diroboh dan dibina di tingkat atas bangunan empat tingkat yang dicadangkan itu?

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah berpendapat memindahkan masjid dari tempat asalnya dan dibangunkan di atas bangunan yang tinggi walaupun di atas tapak yang asal, tidak boleh di sisi hukum Syarak, sebagaimana tersebut di dalam

kitab *Hasyiatani a'la Syarh al-Mahalli*, juzuk 3, halaman 108, cetakan Dar al-Fikr

(حاشيتان على شرح المحلى) :

تنبيه : لا يجوز تغيير شئ من عين الوقف ولو لارفع منها فان شرط الواقف العمل بالمصلحة اتبع شرطه، وقال السبكي يجوز تغيير الوقف بشروط ثلاثة ان لا يغير مسماه ، و ان يكون مصلحة له كزيادة ريعه ، و ان لا تزال عينه فلا يضر نقلها من جانب الى اخر....

Maksudnya:

Tidak harus menukar/mengubah sesuatu daripada 'ain (bangunan) wakaf sekalipun untuk perubahan yang lebih baik. Jika pewakaf meletakkan syarat untuk tujuan masalah (penambahbaikan), maka hendaklah diikuti syarat tersebut. Menurut (Imam) As-Subki harus menukar (ain/barang) wakaf dengan tiga syarat, iaitu:

1. *Tidak boleh mengubah status namanya.*
2. *Hendaklah perubahan itu bagi tujuan kemaslahatan wakaf seperti menambah nilainya.*
3. *Hendaklah tidak menghilangkan 'ain (fizikal) wakaf. Tidak menjadi halangan jika sekadar mengubahnya ke posisi yang lain.*

(21 Jun 1982)

48. PEMASANGAN PAIP NAJIS DI ATAS TANAH WAKAF (PERKUBURAN MASJID JELUTONG)

Adakah dibolehkan atau dibenarkan pemasangan saluran paip najis bawah tanah yang akan melintasi tanah wakaf perkuburan Masjid Jelutong yang akan dilaksanakan oleh pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang?

Butir-butir mengenai kerja-kerja pemasangan paip najis itu adalah seperti berikut :-

1. Tanah wakaf yang terlibat ialah tanah Lot-Lot 2 & 7 Sekyen 4, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang iaitu tanah wakaf Masjid Jelutong. Di atas tanah wakaf ini telah sedia ada sebuah masjid (Masjid Jelutong) dan sebahagian besarnya digunakan sebagai tanah perkuburan.
2. Saiz saluran paip (betung) yang akan dipasang ialah 48 inci garis pusat.
3. Saluran paip ini akan dipasang melintasi kawasan tanah wakaf sepanjang kira-kira 250 kaki. Ianya akan melalui betul-betul di hadapan mihrab masjid dan melintasi tanah perkuburan yang masih kosong.
4. Sekiranya paip itu dipasang dengan kedudukan letaknya 30 kaki dari mihrab masjid, maka jarak di antara paip itu nanti dengan bahagian tanah perkuburan yang sedang digunakan sekarang ialah kira-kira 50 kaki sahaja.

Oleh itu dipohon fatwa mengenai perkara ini supaya ianya akan dapat dijadikan sebagai asas dan panduan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dalam kerja-kerja pembangunan yang akan dilaksanakan di atas tanah-tanah wakaf supaya tidak melanggar lunas-lunas dan peraturan hukum Syarak.

Keputusan :

Menurut hukum Syarak, setiap wakaf yang telah ditentukan tujuannya tidak boleh dilakukan sesuatu selain dari yang telah disyaratkan. Masalah tanah wakaf Jelutong telah ditentukan tujuannya bagi tanah perkuburan malah tidak harus dibuat sesuatu di atasnya kecuali untuk menanam mayat.

(21 Jun 1982)

49. HUKUM BEKERJA DENGAN BANK

Apakah hukumnya seseorang yang bekerja di bank-bank tempatan yang tidak berlandaskan Islam dan juga hukum seseorang yang berurusan dengan bank-bank tersebut?

Keputusan :-

Adalah harus bagi seseorang itu bekerja dan berurusan di bank-bank tersebut.

(21 Jun 1982)

50. KEDUDUKAN MASJID LAMA DAN BAHARU YANG HENDAK DIBINA (MASJID SUNGAI ARA)

Masjid Qaryah Sungai Ara telah uzur dan tidak dapat menampung bilangan jemaah untuk menunaikan sembahyang fardu Jumaat. Di samping itu juga tapak masjid berkenaan terlibat dengan rancangan kerajaan untuk tujuan pembesaran jalan raya dan sungai. Jawatankuasa Qaryah telah berusaha mendapatkan tanah bersebelahan dengan tapak masjid itu dalam usaha pembesaran dan juga untuk tujuan menghidupkan terus jariah masjid yang telah dibuat sejak beberapa lama.

Persoalannya adalah seperti berikut :-

Sekiranya bangunan masjid ini tidak boleh diroboh bagaimana pula cara penggunaannya, dengan adanya masjid lama dan masjid baharu yang akan didirikan berhampiran dengan masjid lama?

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju sebulat suara memberikan jawapan kepada soalan itu seperti berikut :

Sekiranya masjid lama tidak diroboh walaupun telah didirikan sebuah masjid baharu, maka masjid lama itu hendaklah dipelihara sebaiknya dan digunakan untuk tujuan beribadat seperti mendirikan sembahyang fardu,

mengajar pelajaran agama untuk orang-orang dewasa dan kanak-kanak yang *mumayyiz* serta ibadat-ibadat lain kecuali mendirikan sembahyang fardu Jumaat.

Ini adalah berasaskan kepada keterangan yang didapati daripada kitab *Fathul-Muin*, halaman 420, cetakan Dar al-Faiha' Dimasyq, nasnya seperti berikut :

وَلَا يُنْقَضُ الْمَسْجِدُ إِلَّا إِذَا خِيفَ عَلَى نَقْضِهِ فَيُنْقَضُ وَيُحْفَظُ

Maksudnya :

“Tidak boleh diruntuhkan sesebuah masjid kecuali ditakuti ia akan roboh, maka ketika itu bolehlah dirobohkan dan hendaklah dipelihara sebaik-baiknya”.

(13 September 1982)

51. PEMASANGAN PAIP NAJIS DI ATAS TANAH WAKAF (PERKUBURAN MASJID JELUTONG)

Adakah dibolehkan atau dibenarkan pemasangan saluran paip najis bawah tanah yang akan melintasi tanah wakaf perkuburan Masjid Jelutong yang akan dilaksanakan oleh pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang?

Butir-butir mengenai kerja-kerja pemasangan paip najis itu adalah seperti berikut :

1. Sebahagian tanah wakaf berkenaan akan terlibat

dengan rancangan kerajaan persekutuan dalam projek pembesaran jalan dimana menurut pihak MPPP notis pengambilan tanah tersebut telahpun dikeluarkan oleh pihak berkenaan. Betung najis itu akan dipasang di dalam sebahagian tanah yang akan diambil oleh kerajaan persekutuan dan sebahagian lagi di atas tanah yang tidak akan diambil.

2. Pihak MPPP tidak ada pilihan lain bagi memasang betung itu kerana mereka tidak boleh memasangnya di atas jalan disebabkan perkhidmatan yang sedia ada dan juga masalah lalu lintas. Di atas jalan itu juga terdapat kabel kawasan minyak yang akan menimbulkan masalah yang serius sekiranya berlaku kerosakan.
3. Projek pemasangan betung yang akan dijalankan itu bertujuan untuk menaikkan taraf kesihatan rakyat dan juga menjimatkan perbelanjaan daripada membina loji pembersihan kumbahan (*sewage treatment plant*) kerana pemasangan betung ini akan memenuhi tujuan itu.
4. Pengerusi memberi pandangan bahawa jawatankuasa perlu memberikan pertimbangan dalam perkara ini walaupun di mesyuarat yang lalu jawatankuasa ini telah memutuskan bahawa pemasangan betung itu tidak harus dilakukan di atas tanah wakaf berkenaan. Ini adalah kerana alasan-alasan yang

dikemukakan itu didapati munasabah dan bertujuan untuk kemaslahatan umum.

Keputusan :-

Ahli-Ahli Jawatankuasa bersetuju membenarkan pemasangan bentung berdasarkan kepada nas di dalam kitab *Fathul-Muin*, halaman 413, cetakan Dar al-Faiha' Dimasyq :

وَلَوْ شَرَطَ أَيُّ : الْوَاقِفُ (شَيْئًا) يُقْصَدُ كَشَرَطٍ أَنْ لَا يُؤَجَّرَ مُطْلَقًا،
كَسْتَنَةِ أَوْ أَنْ يُفْضَلَ بَعْضُ الْمَوْقُوفِ عَلَيْهِمْ عَلَى بَعْضٍ وَلَوْ أَنْتَى عَلَى
ذَكَرٍ أَوْ يُسَوِّيَ بَيْنَهُمْ، أَوْ اخْتِصَاصِ نَحْوِ مَسْجِدِ كَمَدْرَسَةٍ وَمَقْبَرَةٍ
بِطَائِفَةٍ كَشَافِعِيَّةٍ (أَتَّبَعَ) شَرَطُهُ فِي غَيْرِ حَالَةِ الصَّرُورَةِ كَسَائِرِ شُرُوطِهِ
الَّتِي لَمْ تُخَالِفِ الشَّرْعَ، وَذَلِكَ لَمَّا فِيهِ مِنْ وُجُوهِ الْمَصْلَحَةِ.

Juga pemasangan betung itu adalah satu perkara yang mesti bagi melaksanakan pembangunan yang sempurna dan juga untuk tujuan kesihatan dan kemudahan umum.

(14 Disember 1982)

52. PENGEQUALIAN BAHAGIAN BAITULMAL

Baitulmal adalah dikecualikan sekiranya si mati meninggal dunia sebelum Seksyen 89(1) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam 3/59 dikuatkuasakan pada 1.1.1962. Untuk makluman ahli-ahli, dari hasil siasatan yang dibuat oleh urusetia, beberapa buah negeri

seperti Kedah, Perak dan Selangor tidak memberi pengecualian ke atas bahagian Baitulmal walaupun si mati meninggal dunia sebelum tarikh Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri tersebut dikuatkuasakan. Setiausaha juga menarik perhatian ahli-ahli kepada Seksyen 351(6), Kanun Tanah Negara Akta 56 Tahun 1965 yang memperuntukkan bahawa tanah-tanah yang terhad kepada Baitulmal bolehlah dipindahmilikan kepada Baitulmal, Majlis Agama Islam dengan kuasa yang diberikan kepada Pegawai Penyelesai Pusaka Kecil, Pulau Pinang.

Keputusan :-

Mengikut hukum Syarak, Baitulmal adalah diutamakan daripada hukum *Ar-Raddu* iaitu mengembalikan harta kepada waris-waris yang tidak menghabiskan harta. Maka Jawatankuasa Syariah sepakat pendapat bahawa semua harta si mati sama ada telah meninggal sebelum kuatkuasa Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam No.3 Tahun 1959 atau selepasnya yang terkena bayar atau terserah milik kepada Baitulmal Negeri berdasarkan nas:

(ولو فقدوا) أي الورثة من الرجال والنساء (كلهم) أو فضل عن وجد منهم شيء (فأصل) المنقول في (المذهب أنه لا يورث ذوو الأرحام) أصلاً وسيأتي بيانهم {قوله صلى الله عليه وسلم : ان الله أعطى كل ذي حق حقه فلا وصية لوارث} ، ووجه الدلالة منه عدم ذكرهم في القرآن. قال سليم في التقريب : وفي الحديث {أنه

صلى الله عليه وسلم ركب إلى قباء يستخير الله تعالى في العمرة والخالة ، فأنزل الله تعالى : لا ميراث لهما { رواه ابو داود في مراسيله ، ومقابل المذهب قول المزني وابن سريج : إنهم يرثون كمذهب أبي حنيفة وأحمد (و) أصل المذهب أيضا فيما إذا لم يفقدوا كلهم ، بأن وجد بعضهم ولم يستغرق التركة أنه (لا يرد) ما بقي (على أهل الفرض) فيما إذا إصل فضل عنهم شيء ، وهذا لولا ما قدرته لكان لا تعلق له بما قبله ، إذ صورة المتن فقد الكل فيكون استئنفا لفقد البعض ، فإذا وجد ذو فرض كالبنيتين والأختين أخذتا فرضيهما ولا يرد عليهما الباقي لقوله تعالى : {فلهما الثلثان مما ترك} والرد يقتضى أخذهما لكل (بل المال) كله في فقدهم كلهم أو الباقي قي فقد بعضهم بعد الفروض (لبيت المال) سواء انتظم أمره بإمام عادل يصرفه في جهته أم لا لأن الإرث للمسلمين ، والإمام ناظر ومستوف لهم ، والمسلمون لم يعدموا ، وإنما عدم المستوفي لهم فلم يوجب ذلك سقوط حقهم ، هذا هو منقول المذهب في الأصل ، وقد يطرأ على الأصل ما يقتضي مخالفته كما قال (وأفتى المتأخرون)

(14 Disember 1982)



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 1983**

53. MENENTUKAN MAYAT-MAYAT YANG MERAGUKAN

Setiausaha memaklumkan bahawa urusetia telah menerima sepucuk surat daripada Jabatan Agama Pahang yang mengemukakan satu masalah untuk mendapatkan ketetapan dan peraturan yang diamalkan di negeri ini. Perkara itu ialah mengenai masalah mayat-mayat yang meragukan yang biasanya dibawa ke hospital-hospital daerah, sebelum diambil tindakan untuk ditanam.

Pengerusi menyatakan bahawa di dalam masalah yang dikemukakan itu terdapat dua perkara yang perlu diambil perhatian. Perkara-perkara itu ialah mengenai jumlah mayat iaitu sama ada mayat itu satu atau mayat-mayat yang bercampur-aduk dimana ianya sukar dikenali.

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah telah bersetuju sebulat suara membuat keputusan bahawa mayat yang tidak diketahui sama ada Islam atau bukan dalam negeri-negeri di Malaysia yang lazimnya penduduknya Islam dilakukan seperti mayat-mayat orang Islam, berdasarkan nas kepada kitab *Nihayah al-Muhtaj*, juzuk 2, halaman 495, cetakan Dar al-Kutub Ilmiah yang berbunyi :

ولو وجد ميت مجهول أو بعضه ببلادنا صلى عليه إذ الغالب فيها

الإسلام

Maksudnya :

*Sekiranya terdapat mayat yang tidak dapat dikenali bercampur aduk antara mayat orang Islam dan mayat orang kafir atau sebahagiannya, di negeri kita disolatkan ke atasnya jika majoritinya orang Islam berdasarkan kepada nas kitab *Tuhfah al-Muhtaj*, juzuk 2, halaman 495. Manakala di dalam kitab *Tuhfah al-Muhtaj*, juzuk 1, halaman 429, cetakan Dar al-Kutub Ilmiah disebutkan:*

(ولو اختلط) من يصلى عليه بمن لا يصلى عليه كأن اشتبه (مسلمون) أو مسلم (بكفار) أو شهيد أو سقط لم تظهر فيه أمانة حياة بغيره وتعذر تمييز بعضهم من بعض (وجب غسل الجميع) وتكفينهم ودفنهم من بيت المال

Maksudnya :

Sekiranya bercampur mayat yang perlu disolatkan dan yang tidak perlu disolatkan contohnya kekeliruan antara mayat-mayat orang Islam atau seorang muslim dengan orang bukan Islam atau syahid atau mati terjatuh tiada zahir padanya tanda hidup selainnya dan sukar dibezakan antara satu sama lain, wajib dimandikan semuanya, dikafankan dan dikebumikan dengan pembiayaan daripada wang Baitulmal.

(17 Mac 1983)

54. HUKUM MELARANG ISTERI MENUNAIKAN SEMBAHYANG

Apakah hukum seseorang Islam yang melarang isterinya mengerjakan sembahyang dan bagaimana hukum nikah suami isteri itu dan juga perhubungan kedua-duanya seterusnya?

Keputusan :-

Hukum orang Islam yang melarang isterinya daripada mengerjakan sembahyang, terhenti sama ada sembahyang itu fardu atau sunat ialah :-

1. Jika sembahyang yang dilarang itu sembahyang sunat, maka wajib si isteri itu meninggalkan sembahyang itu kerana ia hendaklah mengutamakan taat kepada suami daripada mengerjakan perkara sunat.
2. Jika sembahyang yang dilarang itu sembahyang fardu, maka haram hukumnya dan berdosa si suami itu, tetapi tidaklah menjejaskan perkara-perkara lain dalam hubungan suami isteri. Si isteri boleh meneruskan sembahyang yang dilakukannya berdasarkan kepada hadis :-

لا طاعة لمخلوق في معصية الخالق
(مسند إمام أحمد)

Maksudnya :

*Tidak ada ketaatan kepada makhluk pada perkara maksiat
(yang menyalahi perintah Allah).
(Musnad Imam Ahmad)*

(17 Mac 1983)

55. “POST MORTEM” MAYAT ISLAM

Apakah hukum dilakukan “Post Mortem” kepada seseorang yang meninggal dunia akibat sesuatu kemalangan jalan raya atau lain-lain kemalangan dimana kematiannya perlu ditentukan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak polis atau mahkamah?

Keputusan :-

Ahli-Ahli Jawatankuasa Syariah memutuskan bahawa hukum membedah mayat adalah seperti berikut :

Pembedahan mayat hukumnya harus bagi tujuan menegakkan keadilan berdasarkan kepada kaedah :

الضرر يزال

Maksudnya : Kemudaratan dihapuskan.

قال ابن السبكي يستثنى من ذلك ما لو كان أحدهما أعظم ضرورا

Berkata Ibnu Subki : Dikecualikan daripada kaedah ini jika salah satu daripada kemudaratan itu lebih besar ”.

Dalam masalah ini pembedahan harus dilakukan bagi menentukan kematian dengan tujuan menegakkan keadilan. Pada asasnya, Islam melarang menyakiti mayat kecuali dengan sebab Syarie.

(17 Mac 1983)

56. YURAN PENTADBIRAN KIRA-KIRA WAKAF, BAITULMAL, ZAKAT FITRAH DARIPADA 17% KEPADA 20%

Majlis telah bercadang untuk menaikkan Yuran Pentadbiran Kira-Kira Wakaf, Baitulmal, Zakat Fitrah daripada 17% kepada 20% sebagaimana yang dibentangkan di Mesyuarat Majlis yang lalu. Perkiraan itu adalah dibuat berdasarkan kepada alasan bahawa ianya termasuk di dalam 2/8 bahagian yang diambil daripada asnaf-asnaf yang tidak digunakan dan boleh diiktiraf sebagai termasuk di dalam *Asnaf fi ar-Riqab*. Walau bagaimanapun, ahli-ahli majlis ingin mendapatkan pandangan daripada jawatankuasa ini sama ada dasar yang dipegang itu boleh diterima atau tidak. Ini adalah kerana urusetia tidak dapat menemui dasar yang telah dibuat pada asalnya.

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah membuat keputusan bahawa pihak pentadbiran boleh menentukan kadar yuran yang sewajarnya dari Kira-Kira Wakaf untuk mentadbirkan harta-harta wakaf di bawah pengawasannya. Berdasarkan kepada nas dari Kitab :

ويستحسن الناظر ما شرط من الأجرة كما يجوز له رفع الأمر إلى الحاكم ليقرر له أجرة. وقال العراقي في تحريره ومقتضاه أم بأخذه مع الحاجة إما قدر النفقة كما رجحه الرافعي أو الأقل من نفقته وأجرة مثله كما رجحه النواوي. وقد رجح بعض المتأخرين من أصحابنا أن الظاهر هنا أن يستحق أن يقرر له أجرة المثل وأن كان أكثر من النفقة
(تكمّل المجموع، جزء ٥، ص ٣٦٢)

وَيَجُوزُ لِلنَّاطِرِ مَا شُرِطَ لَهُ مِنَ الأَجْرَةِ وَإِنْ زَادَ عَلَى أجرةٍ مِثْلِهِ مَا لَمْ يَكُنِ الوَاقِفُ فَإِنْ لَمْ يُشْرَطْ لَهُ شَيْءٌ فَلَا أجرةَ لَهُ. نَعَمْ: لَهُ رَفْعُ الأَمْرِ إِلَى الحَاكِمِ لِيَقْرَرَ لَهُ الأَقْلَ مِنَ نَفَقَتِهِ وَأجرةَ مِثْلِهِ كَوَلِيِّ اليَتِيمِ. وَأَفْتَى ابنُ الصَّبَّاحِ بِأَنَّ لَهُ الإِسْتِقْلَالَ بِذَلِكَ مِنْ غَيْرِ حَاكِمٍ
(تحفة المحتاج بشرح المنهاج لابن حجر الهيتمي، جزء ٦، ص ٢٩٠)

(فتح المعين شرح قرة العين بمهمات الدين، ص ٤٢٣، دار الفحاء دمشق)

Bagi Kira-Kira Zakat Fitrah pula yuran pentadbiran bolehlah diambil dari asnaf-asnaf yang tidak dibelanjakan /dipakai seperti asnaf *fi sabilillah*, *fi ar-Riqab* dan *ghorimin*.

Manakala bagi Kira-Kira Baitulmal pula, memang telah jelas iaitu ianya terpulung kepada pihak pentadbiran/ kerajaan untuk mengendalikannya.

(28 Mac 1983)

57. WANG KUTIPAN TABUNG MASJID

Jawatankuasa Qaryah Masjid Haji Kassim, Kampung Makam, Pulau Pinang telah mengemukakan masalah mengenai penggunaan wang kutipan tabung masjid. Menurut beliau, masalah yang dikemukakan itu ialah sama ada pegawai-pegawai masjid yang telah diberi upah oleh Majlis Agama Islam dan juga mereka yang tidak mendapat sebarang upah dari majlis ini berhak menerima sebahagian dari wang kutipan tabung masjid yang telah diagih-agihkan.

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah memutuskan bahawa jawatankuasa qaryah boleh menentukan penggunaan wang tabung masjid dan dengan itu juga mereka boleh menentukan pembahagian yang sewajarnya. Ini adalah berdasarkan kepada nas dari kitab :

كتاب الإيمان والنذور - إغاثة الطالبين
ويقع لبعض العوام جعلت هذا للنبي صلى الله عليه وسلم فيصح
كما بحث لأنه اشتهر في عرفهم للنذور وبصرف لمصالح الحجرة
النبوية. قال السبكي : والأقرب عندي في الكعبة والحجرة الشريفة

والمساجد الثلاثة إنما الحرج من عالم شئ لها واقتضى العرف صرفه
في جهة من جهاتها صرف إليها واقتصدت به. اهم. قال شيخان
فإن لم يقتصر العرف شيئاً فالذي يتجه أن يرجع في ترجيع المصرف
لرأى ناظرها. قال وظاهر أن الحكم كذلك في النذر سجد غيرها

(28 Mac 1983)

58. **IDDAH CERAI**

Saya telah bercerai pada 9 Disember 1978 dengan suami saya. Masalahnya ialah saya tidak pernah didatangi haid setelah mengalami keguguran semasa masih menjadi isterinya. Perjalanan haid saya adalah normal sebelum terjadinya keguguran tersebut. Dengan itu bagaimanakah kedudukan iddah saya setelah diceraikan. Untuk pengetahuan, saya telahpun mendapat pengesahan dari doktor pakar bahawa perjalanan haid saya tidak akan normal lagi setelah satu pembedahan dilakukan ke atas saya.

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah berpendapat bahawa haid tidak datang kerana sesuatu sebab yang dibuat ke atasnya dan pihak kedokteran telah berpendapat bahawa puan tidak mungkin lagi didatangi haid kerana usaha baginya telah dibuat sehingga kepada pembedahan. Dengan itu Jawatankuasa Syariah Negeri berpendapat bolehlah puan menunggu selama sembilan bulan dan kemudiannya

beriddah selama tiga bulan berdasarkan pendapat *Qaul Qadim* bagi Imam Syafie yang bersamaan pula dengan pendapat Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hambal yang nasnya seperti berikut :-

وفي القديم تتريص تسعة أشهر إذ هي مدة الحمل غالبا ليعرف فراغ الرحم وبعدها تعتد بثلاثة أشهر وهذا موافق لقول الإمام مالك تصبر سنة بيضاء أى خالية عن الدم لأن ضم الثلاثة أشهر للتسعة سنة كاملة ، وفي قول من القديم تتريص أربع سنين لأنها أكثر مدة الحمل فتتيقن براءة الرحم ثم إن لم يظهر حمل تعتد بالأشهر (نهاية الزين ، ص ١٢٦)
(نهاية الزين في إرشاد المبتدين ، ص ٣٢٩ ، دارالفكر)

Demikian juga pendapat ini berasaskan kepada usul :-

إذا تعارض مفسدتان روعي أعظمها ضررا بارتكاب اخفهما

Maksudnya:

Apabila bertembung dua keburukan, maka raikan mafsadah yang lebih besar dengan melakukan mafsadah yang lebih ringan.

(28 Mac 1983)

59. BARANG-BARANG LAMA HAK MASJID

Adakah dibenarkan pemindahan barang-barang lama hak Masjid Pekan Darat, Sungai Dua, Seberang Perai kepada sebuah surau yang lain? Ini adalah kerana Masjid Pekan Darat sedang diperbaiki dan dengan itu barang-

barang lama seperti kayu, papan, cermin dan bumbung diganti baharu. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Masjid telah menerima permohonan daripada ahli-ahli qaryah yang meminta barang-barang lama masjid bagi tujuan memperbaiki surau yang ada.

Keputusan :-

Ahli-ahli memberi pandangan bahawa perbuatan memberikan barang-barang lama hak masjid kepada sesebuah masjid atau surau lain adalah baik kerana terdapat hadis yang membolehkan barang-barang lama masjid yang tidak boleh digunakan lagi dijual dan hasilnya dimanfaatkan kepada masjid tersebut. Mesyuarat Jawatankuasa Syariah telah memutuskan bahawa hukum memindahkan perkakas sesuatu masjid ke masjid yang lain adalah harus berdasarkan kepada nas :

فلو أن شخصا أراد عمارة جامع خرب بالة جديدة غير آتته ورأى
المصلحة في جعل بابه من محل آخر غير المحل الأول لكونه
بجواز من يمنع الإنتفاع به على الوجه المعتاد جاز له ذلك، لأن فيه
مصلحة: أى مصلحة للجامع والمسلمين
(نهاية الزين في إرشاد المبتدين، ص ٢٧٣، دار الفكر)

(4 Mei 1983)

60. CARA MELETAKKAN JENAZAH DAN DOA SELEPAS SEMBAHYANG JENAZAH

1. Bagaimanakah caranya meletakkan mayat lelaki atau perempuan semasa berada di rumah. Apabila kita menghadap kiblat, kepalanya di sebelah Utarakah atau di sebelah Selatan?
2. Bagaimanakah cara meletakkan jenazah lelaki atau perempuan di waktu sembahyang jenazah? Kepala jenazah itu di sebelah Utarakah atau di sebelah Selatan?
3. Ada doa yang tertentukah dengan mengangkat tangan sesudah sembahyang jenazah?

Keputusan :-

Ahli-ahli Jawatankuasa telah sebulat suara supaya soalan-soalan itu dijawab seperti berikut :

1. Cara meletakkan mayat ialah dengan meletakkannya secara menelentang, muka dan kakinya menghadap ke arah kiblat dan disunatkan meninggikan kepalanya. Nasnya :

دتلنتشکن اُگندي دان دهادفکن موکاڠ دان کدوا تافق کاکيڠ کقبلة
دان دتيغکيکن کفلا سديکيت دغن بنتل دان بارغ سبکيڠ.
(سبيل المهتدين)

2. Cara meletakkan mayat sewaktu disembahyangkan ialah bagi mayat lelaki, kepalanya berada di sebelah kiri Imam dan Imam berdiri berbetulan dengan kepala mayat, manakala bagi mayat perempuan pula kepalanya berada di sebelah kanan Imam dan Imam berdiri berbetulan dengan pinggangnya.
3. Disunatkan membaca doa dan mengangkat tangan selepas menyembahyangkan jenazah. Doa yang lazim dibaca ialah :

اللهم نسألك بحق محمد وأل محمد أن لا تعذب هذا الميت. اللهم
أجعل قبره روضة من رياض الجنان ولا تجعل قبره حفرة من حفر
النيران

(4 Mei 1983)

61. MENGHANTAR AL-QURAN DAN BUKU-BUKU HADIS MELALUI POS

Adalah dimaklumkan bahawa semua barang-barang pos termasuk al-Quran yang dihantar melalui pos adalah diberi layanan yang serupa dengan barang-barang yang lain iaitu dengan memasukkannya ke dalam karung-karung yang ditetapkan sebelum diangkat dari setempat ke setempat mengikut tempat tujuannya. Dalam pengendalian karung-karung itu berbagai perkara boleh berlaku seperti dilangkah, dipijak, atau diletakkan dengan barang-barang

lain yang mungkin kotor, najis dan sebagainya. Ianya juga telah dikendalikan dari awal hingga ke akhir oleh kakitangan yang berlainan agama. Atas sebab-sebab itulah maka ada di antara kakitangan Jabatan Pos yang beragama Islam telah melahirkan kesangsian mereka mengenai pengendalian urusan pengiriman al-Quran dan buku-buku Hadis.

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah berpendapat bahawa membesarkan atau memuliakan al-Quran telah ijmak ulama tentang hukum wajib. Di antara cara memuliakannya ialah tidak menyentuhnya melainkan dengan berwuduk dan tidak pula disentuh oleh orang-orang yang sedang berhad as seperti haid dan nifas dan tidak boleh diletak di tempat yang boleh mencemarkan kebesaran al-Quran.

Nasnya :

تعظيم المصحف الشريف مجمع عليه ومن تعظيمه أن يمسه
محدث ولا حائض ولا نساء وأن لا ينقل إلى دار حرب في
الغزو، وأن لا يوضع في مكان ممتهين
(فتاوى شرعية حسني محمد مخلوف، ص ٤٣)

Maksudnya : *“Memuliakan al-Quran adalah ijmak para ulama’ dan di antara cara memuliakannya ialah tidak menyentuhnya ketika hadas, haid dan nifas. Dan tidak memindahkannya ke negara musuh-musuh Islam dan janganlah diletakkan di tempat yang hina. ”*

Pada pandangan Jawatankuasa Syariah oleh kerana pengiriman al-Quran dari satu tempat ke satu tempat telah dibuat melalui pos maka hendaklah ia dibuat dengan cara yang tidak mencemarkan al-Quran iaitu dengan membuat pengkhususan yakni dengan mengasingkan kiriman al-Quran daripada kiriman barang-barang lain serta hendaklah diuruskan oleh kakitangan yang beragama Islam sahaja.

(4 Mei 1983)

62. PEMBINAAN MASJID BAHARU

Adakah dibenarkan di sisi agama untuk merobohkan bangunan masjid yang ada sekarang ini (Masjid Jamek Kampung Baharu, Tasek Gelugor, Seberang Perai) kerana keadaan masjid itu telah uzur? Jawatankuasa masjid berkenaan bercadang untuk menggantikannya dengan bangunan yang baharu di atas tapak yang sama?

Keputusan :-

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah telah membuat keputusan iaitu harus diruntuhkan masjid lama yang telah uzur untuk dibina masjid yang baharu berdasarkan kepada nas kitab *Nihayat al-Muhtaj*, juzuk 5, Bab Wakaf halaman 395, Dar al-Kutub Ilmiah yang berbunyi:

نعم لو خيف على نقضه نقض وحفظ ليعمر به مسجدا آخر إن رآه
الحاكم والأقرب أولى لا نحو بئر ورباط مالم يتعذر نقله لمسجد

آخر

Dengan syarat dipelihara segala perkakas dan digunakan pada masjid yang baharu jika masih boleh digunakan.

(4 Mei 1983)

63. SURAT BERANTAI (RISALAH WASIAT SYEIKH AHMAD SAUDI)

Beberapa pucuk surat dari orang ramai termasuk daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Setiausaha Qaryah Masjid Lahar Minyak, Daerah Kepala Batas yang memohon untuk mendapatkan fatwa berkenaan risalah tersebut.

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah telah sebulat suara membuat keputusan bahawa wasiat Syeikh Ahmad adalah bidaah yang sesat kerana bertentangan dengan akidah Islam seperti yang terkandung dalam *Surah Ali-Imran* ayat 26 :

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُوِّجِيَ الْمَلِكَ مِنْ تَشَاءَ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِمَّنْ تَشَاءَ وَتُعْزُ مَنْ تَشَاءَ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkau juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja*

adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(4 Mei 1983)

64. ZAKAT WANG SIMPANAN MASJID

1. Adakah wang simpanan masjid patut dikeluarkan zakat pada tiap-tiap tahun?
2. Bagaimanakah wang faedah yang diterima daripada bank itu sepatutnya dipergunakan?

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah telah membuat keputusan seperti berikut :-

1. Syarat harta yang dikenakan zakat ialah cukup *nisab*, sempurna *haul* dan milik yang sempurna. Dalam harta khairat masjid, tidak ada milik bagi orang yang tertentu. Maka kerana itu, ia tidak dikenakan zakat.
2. Faedah yang didapati dari bank atau Institusi Kewangan dari wang khairat boleh diambil dan digunakan untuk *masalah ammah* seperti tandas masjid dan sebagainya.

(4 Mei 1983)

65. PEMBINAAN MASJID BAHARU DI SUNGAI CHENAAM, SEBERANG PERAI SELATAN

Permohonan dari Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan untuk membina sebuah masjid baharu di Sungai Chenaam. Sungai Chenaam ini adalah merupakan sebuah perkampungan baharu yang terletak di dalam qaryah Sungai Acheh dan mempunyai penduduk seramai 935 orang berketurunan Melayu. Sebab-sebab yang diberikan adalah seperti berikut :-

1. Keadaan Masjid Sungai Acheh yang terletak kira-kira 2 batu dari Sungai Chenaam tidak dapat menampung bilangan jemaah seramai 200 keluarga itu kerana kawasannya yang sempit. Demikian juga dengan keadaan Masjid Sungai Bakau yang menjadi jiran terdekat penduduk-penduduk Sungai Chenaam. Kedua-dua masjid tersebut tidak dapat diperbesarkan kerana ketiadaan tanah.
2. Pembinaan Masjid di Sungai Chenaam juga akan dapat memberi manfaat kepada 50 keluarga yang tinggal di sekitarnya.
3. Dengan terbinanya sebuah masjid, maka Perkampungan Sungai Chenaam bolehlah dijadikan sebagai sebuah model kampung tersusun di negeri ini yang mempunyai semua kemudahan lain seperti pondok telefon, tapak perniagaan, bekalan air, bekalan api dan balai raya.

4. Tapak untuk mendirikan masjid ini telahpun dikhaskan dimana seluas 0.2 ekar tanah kerajaan telah disediakan dan letaknya ialah di tengah-tengah kawasan perumahan.
5. Pegawai-pegawai masjid bolehlah dipenuhi oleh orang-orang Sungai Chenaam sendiri.

Keputusan :-

Ahli-ahli Jawatankuasa telah meneliti dan mengkaji permohonan membina masjid untuk dijadikan Masjid Jamek di Perkampungan Sungai Chenaam dan ahli-ahli telah sependapat bahawa harus dibina masjid di tempat berkenaan kerana sebab-sebab berikut :-

1. Bilangan penduduk yang melebihi syarat Jumaat.
2. Perkampungan itu adalah perkampungan tetap dimana penduduk-penduduk bermastautin terus.
3. Letak perkampungan itu jauh dengan masjid yang sedia ada lebih dari dua batu.
4. Masjid yang sedia ada kecil dan tidak dapat menampung bilangan jemaah.
5. Masjid yang sedia ada tidak dapat diperbesarkan lagi kerana ketiadaan tanah.
6. Tapak untuk masjid baharu telah disediakan oleh Kerajaan.

Keputusan ini dibuat berdasarkan kepada nas berikut :

حيث كانت القرى المذكورة متمايزا بعضها عن بعض وكان في كل قرية أربعون من أهل الجمعة لزم أهل كل قرية إقامة الجمعة في بلدهم ولم يجز لهم أن يتركوا بلدهم من غير إقامة الجمعة فيها ويذهبوا إلى أخرى فإن فعلوا ذلك أثموا اثما شديدا - الفتاوى الكبرى الفقهية لابن حجر الهيتمي، جزء الأول، ص ٢٣٥ .

Maksudnya :

Jika didapati qaryah itu bersambung atau bersempadan dengan yang lain dan didapati ada 40 orang lelaki, hendaklah mereka itu mendirikan Jumaat dan mereka ini tidak boleh keluar daripada kawasan qaryah itu untuk mendirikan Jumaat atau mereka meninggalkan qaryah pergi ke qaryah lain. Sesiapa yang mengerjakan yang demikian itu adalah melakukan satu dosa.

dan nas :

ولو أراد جماعة أنشاء قرية لا للسكن فأقيم بها الجمعة لم يجزاً
(الأشباه والنظائر، ص ٧٧)

(31 Mei 1983)

66. TUNTUTAN PEMELIHARAAN ANAK

Bagaimanakah kedudukan anak-anak yang dilahirkan oleh Puan Fatimah Bt. Haji Mohamed yang bersekedudukan dengan seorang lelaki bernama Mark Vivian Perera semenjak tahun 1969? Lelaki tersebut kemudiannya telah memeluk agama Islam dan menukarkan namanya kepada Malik bin Abdullah. Hasil dari bersekedudukan itu, Puan Fatimah telah melahirkan 5 orang anak. Walau bagaimanapun, Puan Fatimah dan Mark Vivian Perera telah berpisah pada tahun 1982 dan Mark Vivian Perera telah menafikan bahawa dia telah memeluk agama Islam. Masalahnya sekarang adalah anak-anak tersebut berada di rumah Mark Vivian Perera dan beliau enggan menyerahkannya kepada Puan Fatimah. Sehubungan dengan itu, maka saya (peguam Mohideen Abdul Kadeer) telah memohon untuk mendapatkan hukum dan fatwa, supaya tuntutan hak pemeliharaan anak-anak itu boleh dikemukakan ke Mahkamah Tinggi. Perkara-perkara itu ialah :-

1. Apakah agama kelima-kelima orang anak tersebut?
2. Siapakah yang berhak memelihara kelima-lima orang anak tersebut sama ada Puan Fatimah atau Mark Vivian Perera?

Keputusan :-

Ahli Jawatankuasa Syariah telah membincangkan soalan yang dikemukakan dan telah membuat keputusan seperti berikut :

Anak-anak adalah mengikut nasab yang lebih tinggi di antara kedua ibu bapa sama ada dari segi agama, merdeka atau keturunan. Pendapat ini berdasarkan kepada nas-nas berikut :-

١- وولد الترتدان انعقدت في الردة وأبواه مرتدان فمرتد وان انعقد قبلها أو فيها واحد أصوله مسلم فمسلم (نهاية، ص ٤١٢)

٢- وولد الترتدان انعقد في الردة وأبواه مرتدان فمرتد تبعاً لهما وإلا بأن انعقد قبل الردة أو فيها واحد أصوله مسلم فمسلم، تبعاً له والإسلام يعلو (الشرقاوي على التحرر، ص ٥٣٩)

٣- والحاصل أن الصور أربع ثبتت الحضانة في ثلاث منها فتثبت للمسلم على المسلم وللکافر على الكافر وللمسلم على الكافر وتمنع في واحدة فلا تثبت للکافر على مسلم (البيجوري على علي ابن القاسم، ص ١٩٣)

٤- قال الأصحاب الولد يتبع أباه في النسب وأمه في الرق والحرية وأشرفها دينا وأخسهما نجاسة وأخفهما زكاة وأغلظهما فدية (الأشباه والنظائر، ص ٢٩١)

Jawapan bagi soalan-soalan yang dikemukakan ialah :-

1. Agama bagi anak-anak pasangan itu mengikut agama ibu mereka kerana ia beragama Islam.
2. Yang berhak mendapat *hadhanah* (حضانة) terhadap anak-anak itu ialah ibu mereka.

(31 Mei 1983)

67. CARA YANG BETUL UNTUK MEMANGGIL ATAU MENYEBUT SESEORANG YANG TELAH MENINGGAL DUNIA

Bagaimanakah cara yang betul dan tepat untuk memanggil seseorang yang telah meninggal dunia, kerana selama ini saya memanggil dengan perkataan “Allahyarham” dan “Allahyarhamah”. Tetapi baharu-baharu ini saya dimaklumkan oleh seorang pensyarah bahawa sebutan yang betul ialah “Allahyarhamha” dan bukannya “Allahyarham”. Oleh itu, saya ingin mendapat pengesahan sebutan yang betul dalam hal ini.

Keputusan :-

Ahli-ahli telah bersetuju menjawab kemusykilan yang dikemukakan itu seperti berikut :-

Istilah yang betul bagi menyebut seseorang lelaki yang telah meninggal dunia ialah “Al-Marhum” (المرحوم) atau “Allahyarhamhu” (الله يرحمه). Manakala sebutan bagi perempuan ialah “Al-Marhumah” (المرحومة) atau “Allahyarhamuha” (الله يرحمها). Tidak boleh di “iskan” kan (دإسكنكن) huruf mim pada “Yarhamha” (يرحمها).

(31 Mei 1983)

68. PELABURAN DALAM AMANAH SAHAM NASIONAL

Persoalannya adalah seperti berikut :-

1. Apakah hukumnya saya membeli saham dalam Amanah Saham Nasional (ASN)?
2. Apakah hukumnya faedah (dividen) yang saya perolehi dari Amanah Saham Nasional (ASN)?
3. Bolehkah saya guna faedah (dividen) dari Amanah Saham Nasional (ASN) itu saya bayar cukai pendapatan saya kepada kerajaan? Apakah hukumnya jika boleh?
4. Ketiga-tiga soalan di atas, bolehkah saya jalankan untuk simpanan saya dalam :
 - i. Bank Simpanan Nasional.

- ii. Bank Perdagangan.
 - iii. Syarikat Guru-Guru Pinjam Meminjam Wang.
5. Dalam Tahun 1973, saya telah beli sebuah rumah dengan bayaran tunai. Dalam Tahun 1977, saya berpeluang membeli sebuah lagi dengan wang Pinjaman Perumahan dari Kerajaan. Apakah hukumnya, saya telah ada sebuah rumah, kemudian saya beli lagi dengan tujuan beri sewa sebelum anak saya mendudukinya?
 6. Mengikut kalendar yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan kalendar yang digunakan oleh surat khabar Utusan Melayu dan Utusan Malaysia adalah tidak sama, yakni berbeza sehari atau dua, yang manakah patut saya ikuti?

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju supaya soalan-soalan itu dijawab seperti berikut :-

1. Hukum membeli saham daripada Amanah Saham Nasional adalah harus.
2. Dividen yang diperolehi adalah halal dan sah dimuamalatkan.
3. Sama seperti di atas.

4. Harus mencampur wang di dalam mana-mana Institusi Kewangan.
5. Hukumnya harus membeli rumah untuk disewakan kerana rumah itu diperlukan untuk anaknya.
6. Boleh mengikut mana-mana kalendar yang dia berasa yakin kerana perkiraan dalam kalendar itu sesuatu yang berdasarkan kepada *dzan* bukannya pasti.

(31 Mei 1983)

69. MEMBINA MASJID BAHARU-MASJID JALAN BHARU, PERAI

Persoalannya adalah seperti berikut :

1. Meminta kebenaran untuk merobohkan bangunan masjid ini kerana akan membina satu bangunan masjid yang baharu.
2. Meminta surat kebenaran untuk mendirikan sebuah surau bagi digunakan oleh para jemaah qaryah sementara menanti siapnya bangunan masjid yang baharu.
3. Meminta surat kebenaran untuk membolehkan para jemaah bersembahyang di surau itu.
4. Meminta nasihat bersabit dengan perkakas-perkakas

lama masjid dan caranya untuk digunakan atau disimpan mengikut hukum Syarak.

Keputusan :-

1. Mesyuarat telah bersetuju membenarkan supaya bangunan masjid tersebut dirobuhkan dan satu bangunan masjid yang baharu dibina di atas tapaknya.
2. Mesyuarat juga bersetuju membenarkan supaya didirikan sebuah surau yang akan digunakan oleh jemaah qaryah sementara menanti siapnya bangunan masjid yang baharu.
3. Para jemaah qaryah dibenarkan bersembahyang di surau berkenaan.
4. Mesyuarat Jawatankuasa Syariah telah memutuskan bahawa perkakas lama masjid boleh dipindahkan ke suatu masjid lain berdasarkan kepada nas :

فلو أن شخصا أراد عمارة جامع خرب بآلة جديدة غير آتته ورأى
المصلحة في جعل بابه من محل آخر غير المحل الأول لكونه
بجواز من يمنع الإنتفاع به على الوجه المعتاد جاز له ذلك، لأن فيه
مصلحة: أي مصلحة للجامع والمسلمين
(نهاية الزين، ص ٢٦٧- باب الوقف، دار الكتب العلمية)

(30 Ogos 1983)

70. PELETAKAN TANAH PEGANGAN NO.205 P.B. 15, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

Menentukan tujuan wakaf dan seterusnya memutuskan sama ada tanah berkenaan boleh dimajukan selaras dengan pembangunan kawasan sekelilingnya. Tanah yang dimaksudkan ialah tanah wakaf Masjid Tengah, Jalan Burma, Pulau Pinang yang berdaftar dengan nama Etam bin Mohamed Neena mengikut "Declaration No.32/147 bertarikh 23.9.1895". Tanah yang tidak mempunyai pemegang amanah yang berdaftar pada masa kini dan ianya sedang ditadbir oleh Jawatankuasa Masjid Tengah. Di belakang masjid ini juga terdapat beberapa buah rumah.

Berpandu kepada "*Declaration*" berkenaan, ahli-ahli telah mendapati bahawa tanah berkenaan telahpun diwakafkan tetapi tujuannya tidak jelas. Dengan itu tanah berkenaan adalah tanah Wakaf Am dan boleh dimajukan.

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju sebulat suara memutuskan bahawa tanah pegangan No.205 P.B 15, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang (Masjid Tengah Jalan Burma) adalah tanah Wakaf Am yang tidak jelas tujuannya serta tidak mempunyai nazir yang khas. Maka dengan itu, adalah wajib bagi nazir am membangunkan tanah tersebut sebagai wakaf berterusan.

(30 Ogos 1983)

71. MENGGUNAKAN WANG DIVIDEN DAN BONUS UNTUK MENUNAIKAN FARDU HAJI

Adakah sah seseorang ahli Amanah Saham Nasional Berhad menggunakan wang dividen dan bonus yang diperolehi dari pelaburannya dalam ASN untuk menunaikan fardu haji?

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju memutuskan bahawa wang dividen dan bonus yang diperolehi daripada pelaburan di dalam Amanah Saham Nasional adalah halal dan harus digunakan untuk menunaikan fardu haji. Keputusan ini adalah dibuat berpandukan kepada keputusan yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Mufti-Mufti Seluruh Malaysia.

(30 Ogos 1983)

72. ZAKAT PERNIAGAAN BAGI PELABURAN DALAM AMANAH SAHAM NASIONAL

Saya telah melabur sejumlah wang dalam ASN dan ASN melabur pula di syarikat-syarikat perniagaan, perladangan, perlombongan, perkilangan, harta dan lain-lain. Jika boleh dibandingkan serupa dengan kegiatan pelaburan LUTH (walaupun tidak 100%). Dengan ASN saya melabur (walaupun selama 10 tahun dari permulaan dijamin tidak rugi). Dalam LUTH saya menabung,

(LUTHlah yang melaburkannya - menurut peruntukan yang tertentu). Menurut LUTH mereka diwajibkan zakat bagi pihak penabung tetapi LUTH sendiri tidak wajib berzakat.

Persoalannya adalah seperti berikut :-

1. Apakah hukum ini juga terpakai kepada ASN?
2. Adakah saya (sebagai pelabur) wajib mengeluarkan zakat sendiri kerana nisabnya cukup dan jika dikenakan zakat, bagaimanakah cara pengiraannya dan pembayarannya?

Keputusan :-

Zakat perniagaan diwajibkan apabila cukup *haul* dan *nisab*, sama ada perniagaan itu secara bersendirian atau bersyarikat. Jika perniagaan itu dilakukan secara bersyarikat, memadai zakat dikeluarkan oleh mana-mana satu pihak oleh syarikat itu atau oleh setiap ahli syarikat.

Dalam masalah yang dibangkitkan, pihak ASN bolehlah dianggap sebagai syarikat perniagaan dan pencarum adalah ahli-ahli syarikat. Jika ASN sendiri tidak mengeluarkan zakat, maka ahli-ahli wajib mengeluarkan zakat mengikut saham dan keuntungan yang diterima apabila cukup *haul* dan *nisab* sebanyak 2.5 % daripada modal dan keuntungan. *Nisabnya* mengikut pasaran

semasa emas ialah 85 gm. Zakat hendaklah dibayar kepada 'amil yang dilantik oleh kerajaan iaitu Majlis Agama Islam Negeri di mana pencarum itu tinggal.

(21 September 1983)

73. JAMUAN MAKAN PADA HARI KEMATIAN

1. Apakah hukumnya di sisi Syarak tentang mengadakan jamuan pada hari kematian semasa jenazah masih berada dalam rumah (yakni belum dikebumikan lagi)?
2. Apakah hukumnya pula bagi mereka yang makan jamuan itu, kerana terdapat setengah-setengah golongan mengatakan haram hukumnya dan ada pula mengatakan tidak?

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah telah bersetuju memutuskan bahawa hukum menyediakan makanan pada hari kematian adalah satu perbuatan yang tidak digalakkan oleh Islam. Ia juga tidak haram jika sekiranya wang yang digunakan itu tidak bersangkutan dengan harta peninggalan si mati. Penyediaan makanan itu adalah harus hukumnya jika ia dilakukan untuk mengelakkan daripada cacian. Nas di dalam halaman 275 kitab :

نهاية الزين، ص ٢٧٥ ، باب في الوصية، دارالكتب العلمية.
أما الطعام الذي يجتمع عليه الناس ليلة دفن الميت المسمى
بالوحشة فهو مكروه ما لم يكن من مال الأيتام وإلا فيحرم ، كذا
فى كشف اللثام

Maksudnya : *“Adapun makanan yang disediakan untuk jamuan pada malam pengkebumian mayat yang dinamakan “wehsyah” maka hukumnya makruh selama mana ianya bukan dari harta anak yatim dan jika ia melibatkan harta anak yatim, maka hukumnya haram”.*

(21 September 1983)

74. CADANGAN MAJLIS MELABUR MELALUI PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR (STOCK MARKET)

Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan di dalam mesyuaratnya pada 23.8.1983 telah membincangkan mengenai cadangan majlis untuk melabur melalui pasaran saham Kuala Lumpur (Stock Market) dan menetapkan supaya dirujuk kepada Jawatankuasa Syariah untuk mendapatkan fatwa mengenainya. Sehubungan dengan itu urusetia telah menjemput wakil-wakil daripada Keris Securities untuk menerangkan perjalanan pasaran saham yang dijalankan oleh syarikat berkenaan. Setiausaha seterusnya menjemput Tuan Yusof dan Tuan Haji Ismail untuk memberikan maklumat.

Tuan Haji Ismail dan Tuan Yusof telah menerangkan mengenai perjalanan jual beli saham yang dilakukan oleh Syarikat Keris Securities sebagai broker saham. Menurut mereka, setakat ini syarikat berkenaan telahpun dilantik sebagai broker bagi tujuan berkenaan oleh Majlis Agama Islam Selangor. Fakta-fakta pembelian itu adalah berdasarkan kepada keteguhan saham serta pemberian dividen dan bonus memuaskan. Menurut mereka juga, Keris Securities hanya mengendalikan pembelian saham-saham yang tidak bercanggah dengan kehendak Islam sebagaimana yang telah disenaraikan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Pengendalian syarikat berkenaan “broker saham” juga adalah di bawah kawalan kerajaan dan dengan itu ianya berjalan mengikut akta yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Wakil-wakil Keris Securities seterusnya memaklumkan bahawa terdapat tiga jenis saham yang boleh dimiliki oleh seseorang iaitu saham-saham jangka panjang, jangka pertengahan dan juga jangka pendek. Dari ketiga-tiga jenis saham itu, saham jangka panjang adalah dirasakan lebih menguntungkan kerana ia menjanjikan dividen dan bonus yang lumayan tertakluk kepada kedudukan saham-saham itu. Syarikat Keris Securities juga akan menjalankan kajian dari semasa ke semasa dalam menentukan bahawa saham-saham yang akan dan telah dibeli itu tidak bersalahan dengan hukum Islam. Sebagai sebuah syarikat yang telah dilantik oleh

mana-mana badan atau orang perseorangan, maka laporan-laporan serta cadangan-cadangan mengenai pembelian dan penjualan saham-saham akan dihantar setiap tiga bulan sekali supaya Badan-Badan atau orang-orang yang melantiknya dapat mengikuti perjalanan jual beli saham miliknya dari semasa ke semasa. Ahli-ahli juga dimaklumkan bahawa bayaran perkhidmatan yang dikenakan oleh Syarikat Keris Securities adalah standard.

(Kedua-dua wakil Syarikat Keris Securities meninggalkan mesyuarat selepas memberikan keterangan di atas).

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju sebulat suara membuat keputusan bahawa perjalanan jual beli saham yang dilakukan oleh syarikat berkenaan adalah tidak bercanggah dengan hukum Islam.

Ini adalah kerana, Majlis bolehlah disifatkan menjadi ahli kepada mana-mana syarikat jika Majlis ini membeli saham-saham syarikat berkenaan, melalui broker saham yang dilantiknya. Berdasarkan kepada penjelasan yang telah diberikan oleh Tuan Haji Ismail dan Tuan Yusof dari Syarikat Keris Securities iaitu pelaburan yang akan dilakukannya bagi pihak Majlis ini adalah sama seperti menjadi ahli sesebuah syarikat itu, dan ia tidak bercanggah dengan hukum Syarak, maka adalah harus bagi Majlis

ini melabur di dalam syarikat-syarikat berkenaan melalui broker saham berdasarkan kepada nas :

رَوَى أَبُو دَاوُدَ عَنْ سَمْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُنَا أَنْ نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِي يُعَدُّ لِلْبَيْعِ.

Maksudnya : “Telah meriwayatkan Abu Daud daripada Samrah bahawa Rasulullah SAW menyuruh kami mengeluarkan sedekah dari barang yang diperniagakan.

(21 September 1983)

75. WANG PAMPASAN INSURANS

Jabatan Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia, Pulau Pinang ingin mendapatkan kepastian mengenai pembahagian Wang Pampasan Insurans yang ditinggalkan oleh Shamsuddin B. Shabudin (si mati). Menurut Jabatan Pemegang Amanah Raya, pihak Koperasi Diraja (M) Berhad telah menyerahkan kepadanya wang sebanyak \$5,960.00 dan baki sebanyak \$12,500.00 akan dibayar kepada pihaknya kelak. Yang menjadi masalah ialah si mati telah menamakan kedua ibu bapanya sebagai penama bagi menerima pampasan tersebut yang mana mereka tidak bersetuju dengan pembahagian faraid (فرائض) yang telah dipohon oleh balu si mati, kerana menyangka bahawa wang tersebut adalah hak mereka sebagai penama yang ditentukan oleh si mati. Bagaimanakah hendak menentukan sama ada

harta pusaka si mati wajib diserahkan kepada kedua-dua penama tersebut ataupun harta pusaka itu wajib diserahkan kepada waris-waris menurut pembahagian faraid?

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju memutuskan bahawa semua harta pusaka sepatutnya dibahagikan mengikut pembahagian faraid dan mengeneipkan pembahagian yang dibuat oleh si mati secara menentukan penama. Penentuan penama bolehlah dianggap sebagai wasiat, dimana wasiat tidak sah kepada waris. Ibu bapa adalah waris kepada si mati, maka kerana itu perkara yang dipersoalkan ini hendaklah dibahagikan mengikut hukum faraid.

(21 September 1983)

76. HARTA PUSAKA AHMAD BIN NOORDIN

Permohonan untuk menentukan wakaf bagi harta pusaka Ahmad bin Noordin di Lot 997 (Lot lama 202 (2)) Mk. 4, Seberang Perai Tengah. Untuk tujuan tersebut, Peguam Majlis iaitu Encik Farid dijemput untuk menterjemahkan wasiat sebagaimana yang terdapat di dalam “ Registry of Deeds Vol. 85 Page 472 No. 162, Settlement of Penang”.

Encik Farid menyatakan bahawa wasiat yang dirujuk kepada itu menyatakan bahawa harta pusaka Encik

Ahmad bin Noordin, si mati adalah diwakafkan kepada anak cucu serta keturunannya oleh Setee Aisah iaitu ibu kepada Encik Ahmad bin Noordin. Wasiat itu telah menentukan beberapa perkara yang perlu dilakukan oleh waris-waris dari perolehan yang diterima daripada harta yang diwakafkannya itu. Beliau berpendapat bahawa wakaf itu adalah Wakaf Khas keluarga yang telah ditentukan nazirnya/pemegang amanahnya.

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju memutuskan bahawa surat amanah / surat wasiat tersebut adalah jelas menunjukkan bahawa harta pusaka Ahmad bin Noordin, si mati di Lot 997 (Lot lama 202 (2), Mk. 4, S.P.T) adalah merupakan Wakaf Khas keluarga dan ia boleh dibangunkan oleh pemegang amanah itu sendiri selama mana tidak bercanggah dengan syarat-syarat *wakif* (orang yang mewakafkannya).

(21 September 1983)

77. HARTA PUSAKA SAEDAH BINTI NOORDIN

Harta pusaka Saedah binti Noordin, si mati di Lot-Lot 200, 251 & 252, Mk. 4, S.P.T. adalah serupa dengan harta pusaka peninggalan Ahmad bin Noordin. Kedua-dua si mati iaitu Saedah binti Noordin dan Ahmad bin Noordin

adalah dari keluarga yang sama. Tanah wakaf ini adalah tanah pertanian tetapi pemegang amanahnya sekarang bercadang untuk membangunkan tanah ini dengan projek perumahan. Seterusnya setiausaha menjemput Encik Farid untuk menterjemahkan wasiat yang telah dibuat oleh Setee Aisah binti Haji Mahmood.

Encik Farid memaklumkan bahawa wasiat bagi harta pusaka ini adalah sama seperti yang telah diterjemahkannya bagi harta pusaka Ahmad bin Noordin. Beliau berpendapat bahawa tanah wakaf ini adalah Wakaf Khas keluarga yang juga telah ditentukan kegunaan perolehan daripada tanah tersebut.

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju memutuskan bahawa harta pusaka Saedah binti Noordin, si mati di Lot-Lot 200, 252 & 252, Mk. 4, S.P.T adalah merupakan Wakaf Khas keluarga dan ia boleh dibangunkan oleh pemegang amanah itu sendiri selama mana tidak bercanggah dengan syarat-syarat *wakif* (orang yang mewakafkannya).

(21 September 1983)

78. MASALAH SEMBAHYANG JUMAAT

Adakah diwajibkan kepada ahli-ahli qaryah Sungai Dua menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Universiti Sains Malaysia, sedangkan jumlah anak-anak qaryah

Sungai Dua belum lagi mencukupi 40 orang? Masjid USM pula terletak di dalam qaryah Sungai Dua, jadi adakah penuntut-penuntut USM boleh diambil kira sama di dalam mencukupkan bilangan 40 orang yang dimestikan di dalam fardu Jumaat.

Keputusan :-

1. Harus dan sah didirikan sembahyang Jumaat di Masjid Universiti Sains Malaysia kerana Masjid Sungai Nibong adalah kecil dan tidak boleh menampung seluruh anak-anak qaryah Sungai Nibong apatah lagi dihimpun dengan penduduk yang bermukim di qaryah itu, sedangkan mereka juga wajib Jumaat. Demikian juga Masjid Sungai Gelugor tidak boleh menampung keseluruhan anak-anak qaryah yang bermastautin di qaryah itu apatah lagi jika dicampur dengan penduduk yang bermukim di qaryah itu. Oleh itu, Masjid Universiti adalah untuk memenuhi hajat dan satu keperluan bagi kedua-dua qaryah.
2. Mengenai bilangan empat puluh (40) itu disyaratkan bagi mengesahkan sembahyang Jumaat di dalam sesuatu qaryah. Apabila penduduk qaryah itu melebihi bilangan yang diperlukan, sedang masjid yang ada tidak boleh menampung bagi memuatkan keseluruhan penduduk maka harus diduakan bersembahyang Jumaat dalam satu qaryah. Soal

bilangan empat puluh tidak timbul.

3. Masjid Universiti mempunyai bilangan pemastautin lebih daripada 40 orang apabila dicampur dengan penduduk Sungai Dua dan sebahagian penduduk Minden Height.
4. Penduduk-penduduk Sungai Dua wajib berjemaah di Masjid Universiti kerana itu yang berhampiran dengan tempat mereka.

Hujahnya adalah seperti berikut :-

- قال بعض الفقهاء : إنه يحرم أن يقام مسجد بجوار مسجد، إلا لحاجة كضيق المسجد الواحد
- وقال بعض الفقهاء : يقرر أنه إذا كانت هناك ضرورة إلى المسجدين قبلت صلاة الجمعة فيهما
- ((يسألونك في الدين والحياة، ج ٦، ص ٦١-٦٢، دار الجيل))
- قاعدة : الحاجة تنزل منزلة الضرورة عامة كآنة أو خاصة

Maksudnya : *Berkata sesetengah fuqaha' : Adalah haram mendirikan masjid berhampiran dengan masjid lain, kecuali kerana keperluan seperti sempit masjid yang satu; dan telah berkata sesetengahnya pula : Sekiranya diperlu kepada adanya dua (2) masjid, maka diterima sembahyang Jumaat di keduanya.*

(18 November 1983)

79. PELBAGAI MASALAH AGAMA

1. Adakah boleh membiayai perbelanjaan ibu bapa ke tanah suci Mekah sedangkan diri sendiri (pembiaya) belum lagi pernah ke tanah suci, dan adakah haji tersebut tidak sah?
2. Bagaimanakah kedudukannya menunaikan fardu haji dengan duit jualan tanah pusaka tanpa mendapat persetujuan ahli keluarga yang lain?
3. Apakah hukum makan dan minum dalam keadaan berhadass besar selama lebih daripada 12 jam (lelaki)?
4. Bagaimanakah keadaan, jika menyimpan wang di Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) dengan tujuan hendak ke tanah suci tetapi terlebih dahulu mengeluarkannya untuk berkahwin?
5. Apakah hukum bagi seseorang yang tidak berkahwin setelah menjangkau umur 30 tahun dengan alasan tidak ada pasangan yang sesuai sedangkan ia mempunyai segala kemampuan?
6. Ada orang yang sembahyang 2 atau 3 waktu sahaja dalam sehari semalam kerana malas. Apakah sembahyang tersebut akan diterima oleh Allah SWT?

Keputusan :-

1. Sah ibadat haji ibu bapa dengan perbelanjaan anak walaupun anak itu belum mengerjakan haji untuknya sendiri. Tetapi tidak sah sekiranya anak itu mengerjakan haji untuk ibu bapanya sedang ia sendiri belum menunaikan fardu haji.

Perbezaan antara keduanya ialah :

- i. Ibu bapa mengerjakan haji dengan sendiri atas biaya anak sekalipun anak belum lagi menunaikan haji.
 - ii. Anak yang menolong berbuat kebajikan kepada kedua ibu bapa mendapat pahala sama dengan pahala kebajikan yang dibuat oleh kedua ibu bapanya menurut pandangan Islam.
2. Sekiranya tanah pusaka hak bahagiannya yang dijual untuk mengerjakan haji, hukumnya sah kerana itu adalah miliknya. Tetapi jika tanah pusaka itu belum dibahagi-bahagikan di antara waris, maka penjualan itu tidak sah tetapi hajinya sah sedang perbuatannya menjual dan menggunakan wang untuk tujuan haji itu adalah haram.
 3. Hukum makan dan minum dalam keadaan berhadas besar adalah makruh. Hukum berkekalan dalam hadas besar dalam satu jangka masa yang hingga tertinggal waktu sembahyang hukumnya adalah haram.

4. Perintah mengerjakan haji bukan segera, maka kerana itu mengeluarkan wang yang disimpan di Tabung Haji untuk tujuan hendak berkahwin, hukumnya harus.
5. Hukum berkahwin itu berbagai-bagai:-
 - i. Wajib, sekiranya ia sangat berhajat untuk berkahwin hingga sekiranya ia tidak berkahwin mungkin memudaratkan dirinya atau mungkin tercebur kepada maksiat sedang ia berkemampuan untuk berkahwin.
 - ii. Sunat, sekiranya ia ada perasaan hendak berkahwin tetapi jika ia tidak berkahwin tidaklah mendatangkan mudarat kepada dirinya.
 - iii. Haram, sekiranya apabila ia berkahwin akan merosakkan dirinya dan 'ibadatnya kepada Allah SWT walaupun ia berkemampuan.
6. Sembahyang yang difardhukan ialah lima waktu. Bagi orang yang sembahyang kurang daripada 5 waktu, maka ia adalah 'asi (عاصي) kepada Allah SWT. Sembahyang yang dilakukan jika cukup syarat dan rukunnya adalah sah. Soal diterima atau tidak adalah hak Allah SWT yang menentukannya.

(18 November 1983)

80. KEDUDUKAN TANAH TAPAK MASJID MACHANG BUBOK DAN PEMBINAAN SEBUAH BANGUNAN KELAS AGAMA DI ATAS KAWASAN TANAH LAPANG YANG SAMA

1. Lot 2140 (Lot lama 689(2)) dan Lot 2144 (Lot lama 690 (3)), Mk. 16, S.P.T. adalah merupakan 2 bidang tanah yang telah dijual oleh tuan tanah iaitu Al-Marhum Tuan Haji Ahmad Bin Hussain kepada:
 - i. Haji Ahmad bin Haji Hussain.
 - ii. Haji Harun bin Lebai Othman.
 - iii. Samsudin bin Haji Ahmad.

2. Mengikut Interim Register, ketiga-tiga mereka didaftarkan sebagai Pemegang Amanah kepada kedua-dua tanah tersebut. Walau bagaimanapun tanah tersebut tidak dicatatkan di dalam *Conveyance 1060/106* sebagai tanah wakaf dan ketiga-tiga pembeli itu hanya dicatatkan sebagai Pemegang Amanah kepada Masjid Machang Bubok. Pada masa ini terdapat sebuah bangunan masjid yang dibina di bahagian penjuru kedua-dua lot tersebut, manakala kawasan lain di sebelah masjid itu merupakan tanah lapang. Bolehkah ditentukan sama ada tanah Lot 2140 dan Lot 2144 itu boleh diterima atau tidak sebagai tanah wakaf Masjid Machang Bubok?

3. Bolehkah dibina dan didirikan sebuah bangunan kelas agama di atas tanah lapang tersebut? Bangunan

yang dicadangkan berupa bangunan kayu bercampur bata berukuran 20 kaki x 70 kaki. Peruntukan bagi membina kelas ini yang disediakan oleh Pejabat Daerah Bukit Mertajam dijangka dapat menampung seramai 90 orang murid untuk mengikuti pelajaran agama.

Keputusan :-

1. Tanah Lot 2140 dan Lot 2144 adalah jelas kedudukannya sebagai tanah wakaf Masjid Machang Bubok. Ini adalah berdasarkan kepada kenyataan yang zahir iaitu terdapat sebuah masjid di atas tapak itu dan juga masjid berkenaan mempunyai Pemegang Amanah yang menguasainya.

(وسئل) عما اذا وجدنا صورة مسجد ولم ندر هل وقف مسجدا
أم لا فهل تثبت له أحكام المساجد (فأجاب) بقوله الظاهر أنه يثبت
له ذلك عملا بظاهر الحال
(الفتاوى الكبرى الفقهية لابن حجر الهيتمي، ج ٣، ص ٢٦٤- ٢٦٥
مطبعة عبدالحميد احمد حنفي)

Maksudnya : *Telah ditanya kepada Rasulullah SAW, jika kita dapati bentuk masjid dan tidak diketahui adakah ia wakaf masjid atau tidak, adakah sabit hukum masjid?*
Jawab Baginda : *Yang zahir adalah sabit bagi bangunan itu hukum masjid berdasarkan kepada kenyataan zahir.*

2. Boleh dibina apa-apa bangunan di atas tanah yang diwakafkan untuk masjid dengan syarat tidak mengganggu kehormatan masjid dan boleh dipecahkan apabila diperlukan untuk perluasan masjid.

(18 November 1983)

81. MENDIRIKAN SEBUAH BALAI MESYUARAT DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 306. T.S.9, KAMPUNG DODOL, JALAN PERAK, PULAU PINANG

Adakah boleh dibina sebuah bilik mesyuarat di atas sebahagian Lot 306. T.S.9, Kampung Dodol, Jalan Perak, Pulau Pinang? Menurut makluman, kawasan yang dipohon itu adalah merupakan sebahagian daripada tanah perkuburan. Walaupun di atas tapak yang dipohonkan itu tiada batu-batu nisan tetapi di bahagian hadapannya terdapat batu-batu nisan lama dan terdapat juga beberapa buah rumah yang terdiri di sebelahnya.

Dengan itu, jawatankuasa ini adalah diminta menentukan sama ada permohonan untuk mendirikan balai mesyuarat di atas tapak berkenaan boleh diluluskan atau tidak.

Keputusan :-

1. Mesyuarat telah bersetuju dengan sebulat suara bahawa cadangan pembinaan Balai Mesyuarat di atas tapak berkenaan adalah tidak sesuai dan bertentangan dengan kehendak hukum Syarak.

2. Tidak harus didirikan apa-apa bangunan atau ditanam apa-apa pokok tumbuhan di atas tanah yang diwakafkan untuk perkuburan lebih-lebih lagi jika perkuburan itu masih lagi digunakan.

الأرض الموقوفة أو الموصى بها للدفي فيها لا يجوز لأحد ولو الواقف
الإنتفاع بمالم يقبر فيها
بغية المسترشدين

Maksudnya : *Tanah yang diwakafkan atau diwasiatkan untuk perkuburan tidak harus bagi sesiapa sekalipun orang yang membuat wakaf menggunakan selain daripada untuk tujuan perkuburan.*

82. PEMBESARAN MASJID BAGAN LEBAI TAHIR

1. Adakah dibolehkan memindah tandas yang ada di dalam bangunan masjid sekarang ini ke satu kawasan yang luar dari bangunan masjid ? Adapun tapak tandas yang hendak dipindahkan itu akan diubahsuai menjadi tempat sembahyang.
2. Adakah dibenarkan mengikut hukum Syarak membina bangunan tambahan bahagian Utara masjid yang akan melibatkan dua (2) buah kubur lama yang mana waris-warisnya tidak dapat dikesan?

Keputusan :-

Mesyuarat telah sependapat dalam membuat keputusan bahawa tapak bekas tandas adalah bersih dan boleh digunakan bagi tujuan membesarkan masjid, kerana tanah itu membersihkan dirinya sendiri. Demikian juga keadaannya dalam hal memindahkan kubur lama untuk hal yang sama kerana hukumnya adalah harus. Walau bagaimanapun, setelah kerja-kerja pembesaran masjid itu siap dilaksanakan, maka hendaklah diisytiharkan keseluruhan bangunan itu sebagai masjid.

(18 November 1983)

83. WANG LEBIHAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUTIPAN ZAKAT DAN FITRAH

Pendapatan yang di bawah kira-kira zakat dan fitrah adalah melebihi daripada perbelanjaan mengikut hukum-hukum Syarak pada tiap-tiap akhir tahun kewangan Majlis. Menurut amalan biasa, wang lebihan tersebut dibawa ke tahun berikutnya dan disimpan di bank dalam Simpanan Tetap. Dalam kajian, 8 buah negeri telah memasukkan baki tersebut ke dalam tabung Baitulmal supaya lebih luas lagi penggunaannya dan yang bakinya dihabiskan di dalam tahun itu juga atau dibawa ke hadapan dan dimasukkan ke dalam kira-kira asnaf yang sama. Dengan itu, pihak kami ingin mendapatkan pandangan Jawatankuasa

Syariah sama ada Majlis ini dapat memasukkan baki dari kira-kira zakat fitrah tersebut ke dalam Baitulmal?

Keputusan :-

Zakat yang dikutip oleh pihak berkuasa boleh disimpan di dalam Baitulmal, tetapi hendaklah diadakan kira-kira yang berasingan serta tidak boleh digunakan selain daripada tujuan asnaf yang lapan. Segala zakat yang terkumpul mestilah diagihkan kepada asnaf-asnaf yang mustahak.

Hujahnya :-

وحاصل الكلام عليه كما في المنهج وشرحه أنه إذا عدت الأصناف أو فضل عنهم شيء وجب نقلها أو نقل الفاضل إلى مثلهم بأقرب بلد إلى مال المتصدق فإن عدم بعضهم أو وجدوا كلهم وفضل عن كفاية بعضهم شيء رد نصيب البعض المعدوم أو الفاضل على الباقيين إن نقص نصيبهم عن كفايتهم ولا ينقل إلى غيرهم لانحصار (إعانة الطالبين ج ٢ ، ص ١٩٦ ، داراحياء الكتب العلمية)

Maksudnya : Dan hasil perkataan atas perkara itu sebagaimana tersebut di dalam Al-Minhaj dan juga syarahnya bahawa apabila tidak didapati asnaf atau berlebihan daripada mereka sesuatu, wajib dipindahkan atau dipindahkan yang berlebihan kepada orang yang seumpama mereka di negeri yang berhampiran dengan harta zakat itu. Maka jika sekiranya tiada sebahagian dari mereka atau semua mereka itu ada, sedang zakat

itu berlebihan dari keperluan setengah dari mereka dikembalikan bahagian yang tiada atau yang berlebihan kepada yang baki dari mereka. Jika kurang bahagian mereka dari keperluan mereka tidaklah boleh dipindahkan kepada orang lain daripada mereka kerana tertentu hak kepada mereka. Dan jika sekiranya tidak kurang bahagian mereka dipindahkan yang demikian kepada asnaf yang ada di negeri berhampiran. Pihak yang berkuasa harus menggunakan zakat yang belum diagihkan sepenuhnya untuk membuat sesuatu rancangan yang boleh memberi faedah kepada asnaf yang berhak berdasarkan kepada kaedah usul :

1. *تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة
(الأشباه والنظائر، ص ١٨٤)*
2. *الحاجة تنزل منزلة الضرورة عامة كانت أو خاصة
(الأشباه والنظائر، ص ٦٢)*

Maksudnya :

1. *Tadbiran pemerintah atas rakyat bergantung kepada masalah.*
2. *Keperluan mengambil tempat darurat (kemestian) sama ada umum atau khusus.*

(21 Disember 1983)

84. PINJAMAN BANK SWASTA UNTUK MEMBESARKAN PERNIAGAAN DAN MEMBELI RUMAH

Bagaimanakah hukumnya di sisi agama Islam, membuat pinjaman dari bank swasta untuk membesarkan perniagaan dan membeli rumah?

Keputusan :-

Hukum terhadap faedah bank ialah jelas haram, kecuali jika pinjaman itu tidak mengenakan riba seperti pinjaman yang berbentuk *mudharabah* (مضاربة) yakni membahagikan keuntungan atau dalam *bai' al-islam* yakni pihak yang pertama membeli barang dan dijual kepada pihak yang kedua dengan harga yang ditetapkan, tetapi pembayarannya ditangguhkan.

(21 Disember 1983)

85. WANG FAEDAH DARI BANK SIMPANAN NASIONAL

Jawatankuasa Qaryah Masjid Sungai Batu ingin penjelasan mengenai wang sebanyak \$500.00 sebagai faedah atas wang simpanan masjid di Bank Simpanan Nasional (BSN). Adakah wang faedah tersebut boleh digunakan untuk membeli alat-alat atau digunakan untuk membuat pagar masjid?

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju membuat keputusan iaitu faedah dari bank boleh digunakan bagi maksud *masalahah ammah* sahaja dan haram digunakan untuk faedah diri sendiri dan tanggungannya. Harus disedekahkan kepada *fuqara'* (orang-orang fakir) atau miskin dengan tidak mengharapkan pahala daripada Allah SWT.

(21 Disember 1983)



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 1984**

86. MEMOHON KEBENARAN MENDIRIKAN SEMBAHYANG JUMAAT DI DALAM PUSAT INSAFDIRI, BUKIT MERTAJAM

Setiausaha memaklumkan bahawa urusetia telah menerima surat daripada Pengetua, Pusat Insafdiri, Bukit Mertajam yang memohon kebenaran untuk mendirikan sembahyang Jumaat di dalam Pusat tersebut. Untuk makluman ahli-ahli, Pusat Insafdiri ini adalah merupakan Pusat Tahanan bagi bekas-bekas penagih dadah bagi mendapatkan rawatan dan pemulihan. Biasanya pelatih-pelatih tersebut akan tinggal selama sekurang-kurangnya satu tahun dalam Pusat itu dan di sepanjang tempoh itu mereka tidak dibenarkan meninggalkan kawasan Pusat kecuali dengan beberapa sebab yang difikirkan perlu dan mustahak sahaja. Bilangan pelatih-pelatih Islam di Pusat berkenaan ialah seramai 155 orang dan surau yang terdapat di dalam Pusat itu pula boleh menampung jemaah seramai 150 orang. Pada masa ini, Pusat berkenaan mempunyai 2 orang guru agama sambilan yang mengajar agama kepada pelatih-pelatih dan juga bertindak sebagai Imam untuk menunaikan sembahyang fardu Maghrib dan Isyak. Perkara yang menjadi masalah ialah pelatih-pelatih berkenaan tidak menunaikan sembahyang Jumaat sepanjang tempoh berada di Pusat berkenaan. Oleh yang demikian, Jawatankuasa ini telah diminta untuk membuat keputusan dalam perkara ini.

Keputusan :-

Mesyuarat Jawatankuasa ini telah bersetuju bahawa harus mengadakan Jumaat di Pusat Insaftdiri berdasarkan masalah kepada penghuni Pusat tersebut berpegang kepada pendapat Imam Ghazali dan Imam Asnawi seperti berikut :-

١. بأن القاضي إن رأى المصلحة في منعه منع وإلا فلا وهذا أولى ولو
أجتمع في الحبس أربعون فصاعدا.
٢. قال الاسنوي: فالقياس أن الجمعة يلزمهم، وإذا لم يكن فيهم من
يصلح لإقامتها فهل لو أحد من البلد التي لا يعتبر فيها الاجتماع
إقامة الجمعة لهم أم لا. (الإقناع في حل الفاظ ابي جاع، ص.
٣٧٣)
٣. والظاهر كما قاله بعض المتأخرين أن له ذلك.

Maksudnya :

1. *Imam Ghazali berkata: pemerintah jika melihat padanya masalah untuk mengadakannya ataupun tidak dan ini adalah lebih utama walaupun didapati dalam tahanan itu 40 orang lelaki lebih kurang.*
2. *Dan kata Imam Asnawi: maka qias sesungguhnya Jumaat wajib bagi mereka itu, jika tidak pada mereka itu, mereka yang mendirikan Jumaat maka tiap-tiap seorang daripada anak qaryah itu yang patut padanya*

melakukan Jumaat ataupun tidak.

3. *Zahir ayat sepertimana telahpun berkata ulama yang mutaakhirin bahawa mereka itu hendaklah mendirikan Jumaat.*

(8 Mei 1984)

87. PENGGUNAAN UBAT PENYAKIT JANTUNG BAGI PESAKIT-PESAKIT YANG SEDANG BERPUASA

Setiausaha memaklumkan bahawa urusetia telah menerima surat daripada Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Agama, Negeri Kedah yang ingin mendapatkan penjelasan mengenai penggunaan sejenis ubat berupa pil-pil halus yang diletak di bawah lidah bagi pesakit-pesakit jantung yang sedang berpuasa. Untuk makluman ahli-ahli, Bahagian Fatwa Majlis Agama Islam Kedah telah mendapatkan keterangan lanjut mengenai penggunaan ubat tersebut daripada pihak Hospital Besar Alor Setar yang menerangkan bahawa ubat itu menjerab masuk melalui saluran darah di permukaan bahagian bawah lidah yang bersentuh dengan ubat itu. Ubat itu seterusnya akan dibawa larut ke seluruh badan pesakit apabila digunakan.

Keputusan :-

Jawatankuasa ini telah bersetuju sebulat suara berpendapat tidak harus bagi pesakit jantung menggunakan pil yang diletak di bawah lidah sewaktu ia berpuasa. Jika dilakukan, ia membatalkan puasa. Keterangannya:

١. فيفطر من ابتلع ريقا متغيرا بحمرة نحو تنبل وان تعسر إزالتها

بصبغ خيط فتله بغمه

٢. فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ

Maksudnya :

1. *Batallah puasa barangsiapa menelan air liur yang telahpun berubah dengan kemerah-merahan (gelema) seumpama sirih andai kata susah menghilangkannya ataupun sampul benang direntap di dalam mulut.*
2. *...maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam musafir; (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miski....
(Surah al-Baqarah : 184).*

(8 Mei 1984)

88. KAWASAN QARYAH BAGI MASJID AL-MALIK KHALID, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Setiausaha memaklumkan bahawa urusetia telah menerima surat daripada Setiausaha Lembaga Hal Ehwal Agama Islam, Universiti Sains Malaysia yang meminta kelulusan Jawatankuasa ini untuk memperakukan kawasan qaryah bagi Masjid Al-Malik Khalid, Universiti Sains Malaysia seperti yang ditunjukkan di dalam peta yang dikemukakan kepada ahli-ahli.

Keputusan :-

Jawatankuasa ini telah bersetuju sebulat suara di atas peta kawasan bagi Qaryah Masjid Al-Malik Khalid, Universiti Sains Malaysia yang dicadangkan itu dan bersetuju memperakukannya sebagai satu qaryah baharu. Berpegang kepada Kitab:

حيث كانت القرى المذكورة متمایزا بعضها عن بعض وكان في كل قرية أربعون من أهل الجمعة لزم أهل كل قرية إقامة الجمعة في بلدهم ولم يجز لهم أن يتركوا بلدهم من غير إقامة الجمعة فيها وهبوا إلى أخرى فإن فعلوا ذلك أثموا اثما شديدا

(الفتاوى الكبرى الفقهية لابن حجر الهيتمي، الجزء ١، ص ٢٣٥ دارالفكر)

Maksudnya :

Jika didapati qaryah itu bersambung atau bersempadan dengan yang lain dan didapati ada 40 orang lelaki,

hendaklah mereka itu mendirikan Jumaat dan mereka ini tidak boleh keluar daripada kawasan qaryah itu untuk mendirikan Jumaat atau mereka meninggalkan qaryah pergi ke qaryah lain. Sesiapa yang mengerjakan yang demikian itu adalah melakukan satu dosa.

(8 Mei 1984)

89. PERKHIDMATAN KAKITANGAN ISLAM DI BAHAGIAN NAJIS, JABATAN KESIHATAN, MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

Setiausaha memaklumkan bahawa urusetia telah menerima surat daripada Setiausaha Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang ingin mendapatkan penjelasan dari segi agama berkenaan kedudukan Penyelia-Penyelia yang beragama Islam yang menjalankan tugas di Bahagian Najis. Mereka itu hanya bertugas mengendalikan kerja-kerja mengawasi, menyelia kakitangan dan mengikuti lori najis di dalam tugas harian. Untuk makluman ahli-ahli, kerja-kerja mengangkat najis adalah dikendalikan oleh kakitangan yang bukan beragama Islam.

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah berpendapat bahawa bekerja mengambil upah untuk membersihkan najis atau apa-apa juga untuk kebersihan dan kesihatan umum adalah sah dan halal perolehannya kerana ia merupakan satu daripada fardu kifayah ke atas penduduk setempat.

Nas :

صحيح البخاري: النظافة من الإيمان

Maksudnya :

Islam amat menggalakkan penganut-penganutnya untuk menjaga kebersihan. Apatah lagi kebersihan itu telahpun dijadikan dasar oleh pemerintah dan mereka yang bekerja di dalamnya adalah tidak menjadi kesalahan.

(8 Mei 1984)

90. AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

Menurut Setiausaha, urusetia telah menerima surat daripada Yang di Pertua Majlis dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Agama Perak yang ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan pencaruman kakitangan Majlis kepada Pejabat Pertubuhan Keselamatan Sosial dan didapati skim Perkeso adalah sama seperti Insuran kerana dibayar premiumnya semata-mata untuk melindungi pekerja di masa bekerja sahaja. Kemudahan daripada caruman itu selepas berhenti atau pencen tidak dibayar balik. Beliau meminta kerjasama Jawatankuasa ini memberikan penjelasan mengenai perkara ini untuk mengelakkan ianya daripada bercanggah dengan Hukum Syarak jika pembayaran itu terus dilaksanakan.

Keputusan :-

قاعدة: دراء المفسد مقدم على جلب المصالح
الحديث: لا ضرر ولا ضرار في الإسلام
رواه ابن ماجه والدارقطني

Maksudnya: Mengikut kaedah: Menolak kerosakan didahulukan di atas segala yang mendatangkan kebaikan.

1. Caruman ahli dan majikan di atas dasar muhibbah.
2. Pembayaran Perkeso kepada ahli di atas dasar pertolongan.
3. Tidak ada pihak yang mengambil keuntungan daripada baki tuntutan, perolehan terpulang kepada pertubuhan yang dimiliki oleh masyarakat.

(8 Mei 1984)

91. PERKARA FATWA MENGENAI BAYARAN DAM

Setiausaha memaklumkan mesyuarat bahawa urusetia telah menerima surat daripada Penolong Pengarah LUTH yang ingin mendapatkan hukum mengenai pembayaran Dam yang dicadangkan akan dilakukan oleh pihak LUTH bagi pihak jemaah haji. Setiausaha seterusnya telah menerangkan kepada mesyuarat mengenai cara-

cara pelaksanaannya sebagaimana yang dimaklumkan oleh pihak LUTH kepada urusetia. Beliau juga telah menerangkan *akad wakalah* antara jemaah haji dengan wakil LUTH yang dilantik khusus untuk melaksanakan pekerjaan tersebut.

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju sebulat suara mengambil keputusan seperti berikut :

1. Jawatankuasa ini berpendapat bahawa *sighah wakalah* dan penerimaan wakalah seperti yang disebutkan dalam surat itu adalah sah kerana di dalam pelaksanaan itu syarat-syarat *wakalah* telahpun sempurna dengan adanya:
 - i. *Mubasyarah*
 - ii. Milik; dan
 - iii. *Huryatutasaruf* (kuasa melaksana).
2. Pelaksanaan haji itu boleh diwakilkan berdasarkan kepada nas:

(مغني المحتاج إلى معرفة معاني ألفاظ المنهاج، جزء الثاني، صفحة ٢٨٤ دارالمعرفة) ١ (فَلَا يَصِحُّ فِي عِبَادَةِ) لِأَنَّ الْمَقْصُودَ مِنْهَا الْأَبْتِلَاءَ وَالِإِخْتِبَارَ بِإِتْعَابِ النَّفْسِ، وَذَلِكَ لَا يَحْصُلُ بِالتَّوَكُّلِ. (إِلَّا الْحَجَّ) وَالْعِمْرَةَ عِنْدَ الْعِجْزِ، (وَتَفْرِيقَةَ زَكَاةٍ) وَكِفَارَةَ، وَنَذْرَ، وَصَدَقَةَ، (وَدَبْحَ) هَدْيٍ وَجَبْرَانَ وَعَقِيقَةَ، (وَأَضْحِيَّةٍ) وَشَاةٍ وَلَيْمَةَ وَنَحْوَهَا.

Maksudnya :

Tidak sah melakukan ibadah kerana maksud daripada ibadat itu ialah cubaan dan mengambil pengajaran dengan menyusahkan diri. Yang demikian itu tidak boleh dilakukan dengan wakil kecuali pada melakukan ibadat haji dan ibadat umrah di waktu tidak berkuasa, agihan zakat, bayaran kifarat, membayar nazar, sedekah dan penyembelihan korban ataupun akikah kenduri.

(8 Mei 1984)

92. POHON MERAYU DIKELUARKAN FATWA

Setiausaha memaklumkan bahawa urusetia telah menerima surat daripada Encik Mohd. Saad bin Abdullah yang ingin mendapatkan fatwa mengenai pembahagian harta pusaka Osman bin Ahmad gemulah datuknya yang telah meninggal dunia pada tahun 1953. Walau bagaimanapun, anak si mati Rahmah binti Osman telah meninggal dahulu daripada bapanya dan tidak mendapat sedikitpun dari harta peninggalan bapanya. Oleh yang demikian Encik Mohd. Saad bin Abdullah telah memohon dikeluarkan fatwa yang membolehkan anak lelaki kepada Rahmah binti Osman (telah meninggal dahulu daripada bapanya) mendapat bahagian di dalam pembahagian harta pusaka Osman bin Ahmad.

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju sebulat suara menolak permohonan Encik Mohd. Saad yang meminta supaya dikeluarkan fatwa yang membolehkan anak lelaki Rahmah binti Osman mendapat bahagian daripada harta pusaka Osman bin Ahmad.

(8 Mei 1984)

93. PELETAKAN JAWATAN SEBAGAI BILAL

Setiausaha memaklumkan bahawa urusetia telah menerima surat peletakan jawatan daripada Encik Majid bin Said, Bilal Masjid Sungai Kedak dengan alasan bahawa kesihatan beliau selalu terganggu dan memerlukan rehat yang banyak. Untuk makluman ahli-ahli, beliau telah memegang jawatan sebagai bilal di masjid berkenaan selama lebih kurang 3 tahun.

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju sebulat suara menerima peletakan jawatan Encik Majid bin Said sebagai Bilal Masjid Sungai Kedak dan meminta jawatankuasa qaryah berkenaan mencalonkan seorang calon baharu untuk tindakan urusetia selanjutnya.

(8 Mei 1984)

94. PELETAKAN JAWATAN IMAM MASJID KAMPUNG PAYA SIMPANG 4, BALIK PULAU

Menurut Setiausaha, urusetia telah menerima surat daripada Pejabat Kadi Balik Pulau mengenai peletakan jawatan Imam Masjid Kampung Paya, Simpang 4, Balik Pulau. Jawatankuasa qaryah berkenaan juga telah mencalonkan nama-nama pegawai masjid lain yang perlu digantikan.

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju menerima peletakan jawatan Imam Masjid berkenaan dan akan memanggil calon-calon yang dikemukakan itu untuk ditemu duga.

(8 Mei 1984)

95. PELETAKAN JAWATAN NAZIR DILULUSKAN

Setiausaha memaklumkan bahawa urusetia telah menerima salinan surat daripada Setiausaha, Jawatankuasa Qaryah Masjid Sungai Puyu yang mengemukakan keputusan jawatankuasa berkenaan menerima peletakan jawatan Encik Zakaria Pawanchee, Nazir Masjid Kampung Benggali atas sebab-sebab keuzuran.

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju sebulat suara menerima peletakan jawatan Nazir berkenaan dan berharap supaya calon baru dikemukakan kepada urusetia untuk tindakan selanjutnya.

(8 Mei 1984)

96. PELETAKAN JAWATAN IMAM DAN PEMILIHAN YANG BARU

Menurut Setiausaha, Pengerusi Qaryah Masjid Pekan Darat telah menyampaikan keputusan mesyuarat yang diadakan di qaryah berkenaan yang memohon kebenaran daripada Majlis ini untuk menggugurkan kesemua pegawai yang ada sekarang dan akan digantikan dalam satu pemilihan yang akan diadakan. Pengguguran itu adalah untuk membolehkan pegawai-pegawai yang ada, menjawat jawatan lain yang telah dikosongkan.

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju menerima permohonan yang dikemukakan oleh Pengerusi Qaryah berkenaan dan akan menemuduga calon-calon baharu yang akan dikemukakan.

(8 Mei 1984)

**97. MEMOHON KEBENARAN SEMBAHYANG
JUMAAT DI MASJID KAMPUNG BAHARU
JALAN AIR ITAM**

Keputusan :-

Sesudah jawatankuasa meneliti memorandum yang dihantar oleh jawatankuasa masjid tersebut bertarikh 5hb. Jun 1984 dan setelah menimbang segenap sudut serta penjelasan lanjut daripada Kadi Besar mengenai Kampung Baharu, maka jawatankuasa berpendapat permohonan Jawatankuasa Qaryah Masjid Kampung Baharu ditolak. Di antara alasannya :-

1. Sebelum Masjid Negeri dibangunkan, pihak Majlis telahpun membuat satu perundingan dengan qaryah masjid tersebut. Hasil perbincangan itu, pihak Qaryah Masjid Kampung Baharu telah memberi persetujuan tidak mengadakan sembahyang Jumaat di masjid tersebut dan anak-anak qaryah masjid tersebut dimasukkan ke dalam Qaryah Masjid Negeri.
2. Masalah berbilang Jumaat : Kalaulah Masjid Negeri itu kecil dan tidak boleh menampung kehadiran jemaah untuk menunaikan sembahyang Jumaat, kemungkinan dibolehkan. Apa yang sedia kita maklum bahawa Masjid Negeri itu boleh menampung ribuan jemaah dan jika dibenarkan

Masjid Kampung Baharu mengadakan sembahyang Jumaat, tidak sah sembahyang Jumaat mereka itu disebabkan bilangan penduduk-penduduk qaryah yang terlalu kecil.

3. Jika Jawatankuasa Syariah membenarkan Masjid Kampung Baharu menunaikan sembahyang Jumaat maka sudah tentu bilangan orang yang bermastautin Qaryah Masjid Negeri akan berkurangan walaupun dicampur dengan penduduk Greenlane sekalipun tidak akan mencukupi bilangan untuk mendirikan sembahyang Jumaat.
4. Tidak ada *masyaqqah* (kepayahan) pada nilai Syarak bagi anak-anak Qaryah Kampung Baharu menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Negeri.
5. Nilai *masyaqqah* (kepayahan) kepada anak-anak Qaryah Masjid Kampung Baharu menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Negeri adalah diberikan ganjaran pahala.
6. Menurut kaedah usul fekah :

دراء المفاسد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya :

Menolak kerosakan, didahulukan di atas segala yang mendatangkan kebaikan.

(4 September 1984)

98. **MASALAH AZAN DUA KALI PADA SEMBAHYANG JUMAAT, KHATIB MEMEGANG TONGKAT DAN KHATIB MEMAKAI TUDUNG KEPALA SEMASA MEMBACA KHUTBAH**

Azan dua kali pada sembahyang Jumaat :

Keputusan :-

Jawatankuasa berpendapat bahawa ada nas-nas yang mengatakan dibolehkan azan dua kali pada sembahyang Jumaat. Di antara nasnya (*Sahih Tarmizi*, juzuk 4, halaman 201) (*Sunan Abi Daud*, juzuk 4, halaman 200, hadis ke-4607).

Mengikut Sabda Nabi SAW :

1. عليكم بسنتي وسنة الخلفاء الراشدين من بعدي
2. أصحابي كالنجوم بأيهم اقتديتم اهتديتم
3. أَخْبَرَنِي السَّائِبُ بْنُ يَزِيدَ يَقُولُ : "أَنَّ الْأَذَانَ كَانَ أَوَّلَهُ حِينَ يَجْلِسُ الْإِمَامُ عَلَى الْمِنْبَرِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فِي عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَأَبِي بَكْرٍ، وَعُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا". فَلَمَّا كَانَ خِلَافَةَ عُثْمَانَ وَكَثُرَ النَّاسُ أَمَرَ عُثْمَانُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ بِالْأَذَانِ الثَّلَاثِ، فَأَذَّنَ بِهِ عَلَى الزُّورَاءِ، فَتَبَّتْ الْأَمْرَ عَلَى ذَلِكَ.

Maksudnya :

- i. *Lazim di atasmu dengan sunnahku dan sunnah-sunnah khalifah yang dipimpin kemudian*

daripada aku.

- ii. *Sahabat-sahabatku adalah seperti bintang yang mana di antara mereka itu dijadikan ikutan, ikutilah mereka supaya kamu mendapat petunjuk.*

- iii. *Aku dengar Said bin Zaid berkata bahawasanya “bang” pada hari Jumaat mula-mulanya pada ketika duduk Imam di atas mimbar di zaman Rasulullah SAW, Saidina Abu Bakar dan Saidina Omar. Manakala Saidina Osman menjadi khalifah dan manusia bertambah ramai, Saidina Osman menyuruh “bang” yang ketiga pada hari Jumaat. Maka “bang” itu dilakukan di atas satu tempat, maka kekallah perbuatan “bang” yang kedua pada hari Jumaat sehingga pada hari ini sepertimana dilakukan di zaman Saidina Osman. Majlis bersetuju dengan amalan “bang” dua kali yang dilakukan oleh umat Islam pada hari ini.*

Memegang tongkat semasa khatib membaca khutbah:

Keputusan :-

Menurut keterangan yang diberi di dalam kitab *Fiqh a’la Al-Mazahib Al-Arba’ah* (الفقه على المذاهب الأربعة) juzuk 1, halaman 358, keterangannya adalah seperti berikut :

من سنن الخطبة أن يشغل الخطيب يسراه بسيف، ولو من

خشب، أو عصا، أو نحو ذلك. روى أبو داود أنه صلى الله عليه وسلم قام في خطبة الجمعة متوكئا على عصا أو قوس

Maksudnya :

Disunatkan khatib semasa membaca khutbah memegang pedang, kayu ataupun tongkat dengan tangan kirinya.

Diriwayatkan oleh Abu Daud, berkata Rasulullah SAW ketika berdiri membaca khutbah Jumaat memegang tongkat atau pedang atau busar anak panah.

Majlis bersetuju dan menjadikan pegangan untuk masyarakat Islam dan dijadikan fatwa.

Memakai tudung kepala semasa khatib membaca khutbah:

Keputusan :-

Di dalam kitab *Nihayah az-Zain fi Irsyad al-Mubtadin*, halaman 139-140, cetakan Dar Kutub Ilmiah.

ويسن للإمام أن يزيد في حسن الهيئة والعمامة والارتداء للإتباع ولأنه منظور إليه. وفي تنبيه الأخيار كان النبي صلى الله عليه وسلم: "لا يفارق الطيلسان، وكان طول طيلسانه ستة أذرع، وعرضه ثلاثة أذرع اه. وهو شبه الأردية يوضع على الرأس والكتفين والظهر". كما نقل عن السيوطي.

Maksudnya :

1. *Disunatkan Imam untuk menambahkan keelokkan dan kehebatan bagi menarik pandangan para jemaah dengan memakai serban dan tudung kepala.*
2. *Rasulullah SAW memakai kain tudung kepala semasa membaca khutbah. Panjang kain tudungnya ialah 6 hasta dan lebarnya 3 hasta yang diletakkan di atas kepalanya dan menutupi kedua bahunya dan belakangnya sepertimana yang telah diterangkan oleh Imam Sayuti.*

Majlis bersetuju dan dijadikan fatwa.

(4 September 1984)

99. MASALAH SEMBAHYANG HADIAH KEPADA MAYAT DAN AMALAN-AMALAN YANG DILAKUKAN DENGAN TUJUAN KEBAJIKAN

Masalah sembahyang hadiah kepada mayat. Adakah sampai kepada mayat ?

Keputusan :-

Setelah berbincang, Jawatankuasa berpendapat tidak ada satu sembahyang yang dinamakan sembahyang hadiah kepada mayat. Apa yang difahamkan daripada hadis ialah sembahyang sunat mutlak sepertimana yang terdapat di dalam kitab *Nihayah az-Zain fi Irsyad al-Mubtadin*,

halaman 105-106, cetakan Dar Kutub Ilmiah:

(نهاية الزين في إرشاد المبتدين ، ص ١٠٥-١٠٦)
ومنه صلاة ركعتين للإنسن في القبر .

Maksudnya :

Setengah daripada sunat sembahyang 2 rakaat bagi mayat sesudah ditanam. Mengikut riwayat, Rasulullah SAW pernah bersabda :

روى عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال : (لا يأتي على الميت أشد من الليلة الأولى ، فارحموا بالصدقة من يموت فمن لم يجد فليصل ركعتين يقرأ فيهما: أى فى كل ركعة منهما فاتحة الكتاب مرة، وآية الكرسي مرة، وألهاكم التكاثر مرة، وقل هو الله أحد عشرة مرات، ويقول بعد السلام: اللهم إنى صليت هذه الصلاة وتعلم ما أريد، اللهم ابعث ثوابها إلى قبر فلان ابن فلان، فيبعث الله من ساعته إلى قبره ألف ملك مع كل ملك نور وهدية يؤنونه إلى يوم ينفخ فى الصور) ويعطي الله المصلى بعدد ما طلعت عليه الشمس حسنات ويرفع الله له أربعين ألف درجة حجة وعمرة ويبنى له ألف مدينة في الجنة ويعطى ثواب ألف شهيد ويكسى ألف حلة....

Maksudnya :

Pada malam pertama mayat dikebumikan, keadaan mayat itu berada dalam keluh kesah. Oleh kerana itu kasihanilah kamu untuk mengurangkan keluh kesah mayat itu dengan bersedekah. Jika tidak mampu bersedekah,

sembahyanglah dua rakaat. Bacalah padanya pada tiap-tiap rakaat satu kali al-Fatihah, satu kali ayat kursi, satu kali surah al-Takaathur dan 10 kali surah al-Ikhlash dan hendaklah berdoa sesudah salamnya : Ya Allah Ya Tuhanku, aku telah bersembahyang dan Kau mengetahui maksudku. Wahai Tuhanku, anugerahkanlah pahala ke kubur polan bin polan maka mengutus oleh Allah pada tiap-tiap waktu ke kuburnya seribu malaikat dan tiap-tiap malaikat itu bercahaya-cahaya menjadi temannya sehingga hari kiamat.

Majlis bersetuju sembahyang yang tersebut dinamakan sembahyang sunat mutlak, bukan sembahyang hadiah.

Amalan-amalan kebajikan kepada mayat. Adakah sampai kepada mayat?

Keputusan :-

Terdapat di dalam kitab *I'ana al-Tholibin* (إعانه الطالبين) halaman 218-219, juzuk 3, cetakan Dar Ihya al-Kutub al-Arabiah:

وتنفع ميتا) من وارث وغيره (صدقة) عنه ومنها وقف لمصحف وغيره وبناء مسجد وحفر بئر وغرس شجر منه في حياته أو من غيره عنه بعد موته (ودعاء) له اجماعا وضح في الخبر أن الله تعالى يرفع درجة العبد في الجنة بإستغفار ولده له.

Maksudnya :

Bertolongan waris-waris dan orang-orang yang lain kepada mayat dengan niat sedekah adalah pahala yang sampai kepada mayat. Umpamanya mewakafkan al-Quran, membina masjid, mengorek telaga, menanam tanaman pada masa hidupnya atau dilakukan oleh orang lain selepas dia mati ataupun dua orang yang hidup kepadanya dan disebut dalam hadis iaitu Tuhan mengangkat darjat hamba-hambanya di dalam syurga dengan memohon ampun daripada anak-anaknya.

Majlis bersetuju dan berpendapat bahawa segala amalan kebajikan dikaitkan untuk si mati adalah sampai pahalanya.

(4 September 1984)

100. KEBENARAN MEROBOH MASJID LAMA DAN MEMBINA MASJID BAHARU (MASJID TITI TERAS)

Keputusan :-

Setelah mendengar penerangan daripada Setiausaha, maka Masjlis bersetuju memberi kebenaran kepada penduduk-penduduk Qaryah Masjid Titi Teras untuk merobohkan masjid yang lama dan digantikan dengan masjid yang baharu. Sehubungan dengan itu, anak-anak qaryah diminta supaya memelihara segala perkakas-

perkakas lama yang masih kukuh untuk digunakan pada masjid baharu.

(4 September 1984)

101. MEMOHON FATWA BERSABIT DENGAN TINJU

Keputusan :-

Setelah Jawatankuasa mengkaji dengan teliti segala laporan-laporan yang diberi oleh Encik Hussain b. Hj. Mahluddin, Mejar Udara merangkap Pengerusi Tinju TUDM dan pandangan-pandangan doktor yang diberikan. Mengikut pendapat-pendapat doktor di negeri-negeri lain juga sama bahawa sukan yang dinamakan tinju itu adalah sejenis sukan yang mendedahkan diri seseorang ke arah jalan yang merbahaya yang mengakibatkan ada kalanya membawa maut. Oleh itu, pendapat Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

- i. Bertinju itu adalah haram hukumnya. Menurut nas dalam kitab suci al-Quran surah al-Baqarah, ayat 195 yang berbunyi :

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Maksudnya :

“Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

- ii. Si peninju telah menyalahgunakan pancaindera yang telah dikurniakan Allah untuk berbakti kepada-Nya, bukan dijadikan manusia untuk berlawan dan mencederakan lawannya sesuai dengan firman Allah dalam surah Adz-Dzaariyat, ayat 56 yang berbunyi :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya :

“Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah-Ku”.

- iii. Ya, dikenakan hukuman hudud menurut Islam sekiranya peninju itu menumbuk lawannya hingga membawa maut. Peninju itu dikenakan hukuman qisas.
- iv. Penganjur, pengelola dan sesiapa juga yang bekerjasama dengan hal-hal yang bersangkutan dengan tinju itu semuanya mendapat dosa yang sama. Menurut hadis yang disabdakan oleh Rasulullah SAW :

الدال على الخير كفاعله والدال على الشر كفاعله
- رواه الترمذي

Maksudnya :

Penganjur, pengelola, pengarah dan sebagainya yang telah menganjurkan satu-satu urusan kebajikan adalah sama-sama mendapat pahala seperti orang yang mengerjakannya. Sebaliknya jika penganjur, pengelola, pengarah dan sebagainya yang telah menganjurkan satu-satu urusan kejahatan adalah sama-sama mendapat dosa seperti yang mengerjakannya.

- v. Tidak ada jalan untuk berdolak dalih minum arak, tidak juga menjadi halal dengan niat meminum Sunkist atau Cocacola.
- vi. Pemerhati, penonton sama-sama berdosa dengan peninju lebih-lebih lagi peninju itu mendedahkan auratnya (memakai seluar pendek dan sendat pula).
- vii. Sepanjang yang diketahui tidak ada sukan tinju yang dianjurkan oleh Islam kecuali berenang dan bermain anak panah atau peraduan menembak di zaman moden ini. Menurut hadis Rasulullah SAW :

علموا أولادكم السباحة والرمية.

(Rujukan hadis: Kitab al-Jami' al-Saghir, hadis no. 5477)

Maksudnya :

Berilah, latihlah anak-anak kamu dengan berenang dan memamah.

Selain daripada itu, ada juga terdapat Rasulullah SAW berlumba kuda dengan sahabat-sahabatnya. Perlumbaan kuda itu sebagai rawatan supaya kempis perutnya dan diberi makan kadar berpatutan supaya kurang berat badannya.

- viii. Dalam peraduan tinju terdapat unsur-unsur judi dan mendatangkan permusuhan antara peninju-peninju.
- ix. Tujuan bertinju tidak sampai kepada kesihatan badan dan faedah kepada kesihatan tubuh badan.

Dengan alasan-alasan yang tersebut Jawatankuasa berpendapat tinju adalah haram hukumnya.

(4 September 1984)

102. PELANTIKAN NAIB KADI DAN PENAMBAHAN QARYAH MASJID DAERAH KADI, KEPALA BATAS KEPADA DAERAH KADI BAGAN TUAN KECIL

Urusetia memaklumkan bahawa pada 12.8.1984, Tuan Haji Ahmad bin Haji Abd. Majid, Naib Kadi Padang Menora telah meninggal dunia dan untuk kemudahan umat Islam di kawasan itu urusan nikah kahwin dan sebagainya perlu dilantik dengan kadar yang segera

pengisian jawatan Naib Kadi. Beliau seterusnya menerangkan bahawa Allahyarham Tuan Haji Ahmad bin Haji Abd. Majid adalah menjadi Naib Kadi bagi 2 kawasan iaitu bagi kawasan Guar Perahu bagi daerah Kadi Bukit Mertajam dan kawasan Padang Menora di bawah daerah Kadi Kepala Batas dan Bagan Tuan Kecil. Dengan keadaan ini 2 jawatan Naib Kadi perlu diwujudkan dengan kadar segera.

Untuk memudahkan urusan pentadbiran Mahkamah Kadi, urusetia menerangkan 3 buah qaryah masjid di dalam daerah Kadi Kepala Batas yang dahulunya di bawah kawasan Naib Kadi Padang Menora dimasukkan ke dalam pentadbiran daerah Kadi Bagan Tuan Kecil memandangkan kawasan Padang Menora itu dibahagikan kepada 2 pentadbiran Kadi.

Keputusan :-

Jawatankuasa telah bersetuju di atas penerangan yang dibuat oleh urusetia dan Majlis meminta urusetia supaya mengeluarkan surat kepada Kadi-Kadi yang berkenaan mengemukakan calon-calon untuk menjawat 2 jawatan Naib Kadi di Padang Menora dan Guar Perahu.

(4 September 1984)

103. **PERNIAGAAN YANG BERCANGGAH DENGAN HUKUM ISLAM DI BANGUNAN-BANGUNAN YANG DIWAKAFKAN**

Keputusan :-

Sesudah Jawatankuasa berbincang berpandukan kepada nas-nas dan kitab-kitab, Jawatankuasa telahpun mengeluarkan pendapat iaitu “Wakaf” ialah satu amalan *at-taqarrub* untuk mendekatkan diri manusia dengan Allah SWT, ianya merupakan ibadat dan amalan kebajikan. Setiap amalan untuk menghampirkan diri kepada Allah tidak boleh dilakukan perkara-perkara yang haram, oleh itu bangunan, tanah yang diwakafkan, disewakan pula kepada peniaga-peniaga bagi menjalankan urusaniaga yang bercanggah dengan hukum-hukum Islam mestilah ditegah kerana bercanggah dengan konsep wakaf.

Pihak-pihak yang bertanggungjawab berdosa membiarkan atau membenarkan bangunan-bangunan wakaf digunakan untuk perkara maksiat, sama ada dilakukan sendiri oleh orang yang berwakaf atau orang yang menerima amanah wakaf melakukan sesuatu yang bercanggah dengan hukum-hukum Islam, maka hukumnya haram berdasarkan kepada pendapat ulama di dalam Kitab :

حاشية البجيرمي على الخطيب، جزء الثالث، صفحة ١٩٤ (٦٢٢)
: والشرط الرابع أن لا يكون في محظور كعمارة الكنائس ونحوها
من متعبدات الكفار للتعبد فيها أو قناديلها، أو حصرها، أو خدامها،

أو كتب التوراة والإنجيل، أو السلاح لقطع الطريق لأنه إغانة على معصية والوقف شرع للتقرب فيهما.

Maksudnya :

Syarat wakaf tidaklah digunakan benda-benda yang diwakaf kepada perkara-perkara yang ditegah oleh Syarak (Haram) seperti mendirikan gereja, rumah berhala dan lain-lain tempat ibadat orang-orang kafir atau membina kotanya, memasang lampunya, bekerja dengannya, menolong mencetakkan kitab Taurat dan Injil atau membeli alat-alat pemusnahan kerana merosakkan jalan raya kerana semuanya itu menolong melakukan maksiat. Di dalam kitab:

بغية المسترشدين، صفحة ٢٦٠: وإن ظن أنه يستعمله في حرام، كالحرير للبالغ، ونحو العنب للسكر والرقيق للفاحشة، والسلاح لقطع الطريق، والظلم، والافيون والحشيش لإستعماله المخدر حرمت هذه المعاملة.

Maksudnya :

Apabila didapati meragukan penggunaan wakaf itu pada perkara-perkara haram adalah hukumnya haram seperti menjual sutera bagi orang lelaki yang cukup umur, memproses buah anggur untuk dijadikan minuman yang memabukkan, membeli hamba untuk dijadikan perempuan sundal, atau alat-alat yang boleh memusnahkan jalan raya, melakukan kezaliman,

memproses candu, memproses ganja dan segala-gala kerja yang bercanggah dengan hukum Islam di atas tanah wakaf hukumnya haram.

(13 Disember 1984)

104. WANG FAEDAH BANK - CARA MEMBELANJAKAN WANG FAEDAH DARI AKAUN SIMPANAN SURAU BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG

Keputusan :-

Setelah berbincang, Jawatankuasa Fatwa berpendapat wang faedah dari Bank dikira riba, amalan riba adalah haram menurut beberapa banyak nas dari al-Quran dan Hadis. Dalam surah al-Baqarah, ayat 275, 276 dan 278 yang berbunyi :-

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ
الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ
الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ
إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾
يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرْبِي الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٧٦﴾
يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾

Maksud ayat 275 :

“Orang yang memakan riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: Bahawa sesungguhnya jual beli itu sama saja seperti riba. Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Maka sesiapa yang telah sampai peringatan dari Tuhannya lalu ia berhenti, maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (mengambil riba) maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya”.

Maksud ayat 276 :

“Allah susutkan riba, dan mengembangkan sedekah. Dan Allah tidak suka kepada setiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, dan selalu melakukan dosa”.

Maksud ayat 278 :

“Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah sisa riba (yang belum dipungut), jika benar kamu orang yang beriman”.

Dengan keterangan-keterangan ayat al-Quran di dalam surah al-Baqarah, Jawatankuasa berpendapat wang faedah Bank itu eloklah diserahkan kepada Baitulmal di bawah kelolaan Majlis-Majlis Agama Islam Negeri

kerana Baitulmal adalah pemegang amanah pemerintah bagi menjalankan pentadbirannya. Ahli-ahli persatuan diharamkan menggunakan wang faedah itu dengan apa cara jua sekalipun yang faedahnya kembali kepada ahli-ahli persatuan.

(13 Disember 1984)

105. BENDERA DIKIBARKAN PADA HARI-HARI KEBESARAN DAN LAMPU BERWARNA-WARNI MENGHIASI MALAM PERAYAAN

Adakah menjadi kesalahan di sisi agama Islam jika bendera-bendera dikibarkan pada hari-hari kebesaran dan menghiasi lampu-lampu yang berwarna-warni pada malam-malam perayaan seperti hari raya?

Keputusan :-

Setelah berbincang, ahli-ahli berpendapat bahawa mengibarkan bendera dan memasang lampu berwarna-warni pada hari-hari kebesaran agama seperti malam *Maulidin Nabi, Israk Mikraj, Nuzul Quran* dan malam-malam Jumaat serta menaikkan bendera-bendera pada hari-hari tertentu hukumnya harus dan digalakkan oleh Islam berdasarkan kepada pendapat-pendapat di dalam kitab: (طبعة دار إحياء الكتب العربية)

(إعانة الطالبين، جزء ٣، ص ٣٢٤، إحياء الكتب العربية): قال معروف الكرخي قدس الله سره من هياً لأجل قراءة مولد الرسول

طعاما وجمع اخوانا وأوقد سراجا ولبس جديدة وتعطر وتجميل
تعظيما لمولده حشره الله تعالى يوم القيامة مع الفرق الأولى من
النبیین وكان في أعلى عليین.

Maksudnya :

Telah berkata oleh Makruf al-Qurkhi, sesiapa yang menghidupkan kerana membesarkan pembacaan Maulidur Rasul dengan mengadakan jamuan, menghimpunkan sanak saudara, memasang lampu-lampu, memakai pakaian-pakaian yang baharu, memakai bau-bauan, menghiaskan tubuh badan kerana membesarkan hari keputeraan Rasulullah, mereka itu dihimpun oleh Allah Taala pada hari Qiamat bersama-sama dengan orang-orang yang mendapat keistimewaan bersama dengan para-para Nabi dan ditempatkan mereka itu ke dalam syurga yang paling tinggi.

(13 Disember 1984)

106. KEMUSYKILAN MENGENAI MENERJAKAN HAJI BAGI ORANG YANG MENINGGAL DUNIA DAN AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

Keputusan :-

1. Setelah Jawatankuasa meneliti soalan yang tersebut, Jawatankuasa berpendapat sesiapa yang ada kemampuan menunaikan fardu Haji, lalu ia meninggal dunia sebelum menunaikan fardu Hajinya,

maka wajiblah warisnya mengerjakan Haji baginya atau mengupah orang asing mengerjakan Haji bagi si mati, setelah ditolak upah orang yang mengerjakan Haji dan hutang-hutangnya baharulah harta yang baki itu dibahagikan kepada waris-waris, sebaliknya jika seseorang yang mati itu tidak berkemampuan pada masa hidupnya untuk menunaikan fardu Haji maka sunat sahaja hukumnya bagi waris-warisnya mengerjakan Haji baginya atau mengupah orang asing mengerjakannya, setelah dilaksanakan Haji bagi si mati maka gugurlah fardu Haji di atas si mati mengikut keterangan dari Kitab :

القليوبي وعميرة، جزء الثاني، صفحة ٩٠ : النوع الثاني إستطاعة تحصيله لغيره. فمن مات وفي ذمته حج وجب الاحتجاج عنه من تركته كما تقضى منها ديونه. فلو لم يكن تركه استحب لوارثه أن تحج عنه. فإن حج عنه بنفسه أو بإستجار سقط الحج عن الميت

Maksudnya :

Bahagian yang kedua, berkuasa dihasilkan oleh orang lain, sesiapa yang mati sebelum mengerjakan Haji maka wajiblah di atas warisnya mengerjakan Haji baginya atau diupah orang lain melaksanakan baginya, setelah ditolak upah orang yang mengerjakan Haji dan hutang-hutangnya baharulah hartanya diberi kepada waris, sebaliknya jika si mati itu tidak berkuasa melaksanakan Haji pada masa hidupnya adalah disunatkan bagi

warisnya untuk melaksanakan Haji si mati atau mengupah orang lain melaksanakannya barulah gugur Haji dari orang yang mati.

الحديث : روى مسلم عن بريدة : أن امرأة قالت يا رسول الله إن أمي ماتت ولم تحج قط . أفأحج عنها؟ قال: حجي عنها.
- رواه مسلم

Maksudnya :

Diriwayat oleh Muslim daripada Baridah, seorang perempuan telah bertanya kepada Rasulullah, ibunya telah meninggal dunia tidak sempat mengerjakan Haji, apakah aku disuruh mengerjakan Haji untuknya? Rasulullah menjawab: kerjakanlah Haji untuknya.

2. Amanah Saham Nasional (ASN), Jawatankuasa berpendapat wajib mengeluarkan zakat apabila cukup *haul* dan milik yang sempurna walaupun modalnya diperolehi dengan cara berhutang dan wajib dikira di atas pokok/modal, dividen dan bonus mengikut pendapat dalam kitab:

الفقه على المذهب الأربعة، "قسم العبادة"، صفحة ٥٩٤: وكذلك يجب على من استدان مالا من غيره. أن يزكّيه أن حال عليه الحول. وهو في ملكه باستقراط ملكا تاما.

Maksudnya :

*Begitulah wajib atas orang yang meminjam harta daripada orang lain hendaklah dikeluarkan zakat apabila cukup *haul* hutang itu adalah miliknya kerana*

bahawasanya yang mempunyai harta dengan cara berhutang itu adalah dikira milik yang sempurna. Cara mengeluarkannya $1/40 = 2 \frac{1}{2} \%$.

(13 Disember 1984)

107. PELETAKAN JAWATAN PEGAWAI-PEGAWAI MASJID

Urusetia memaklumkan pihaknya telah menerima surat peletakan jawatan :

1. Bilal Masjid Batu Feringghi.
2. Bilal Masjid Kelawai.
3. Imam Masjid Kubang Buaya.
4. Imam Masjid Bumbung Lima.
5. Khatib Masjid Tuan Guru, Tanjung Tokong.
6. Bilal Masjid Tuan Guru, Tanjung Tokong.

Setelah menimbang keterangan-keterangan yang diberi oleh urusetia, Mesyuarat telah bersetuju menerima peletakan jawatan pegawai-pegawai yang berkenaan dan mengarahkan pihak urusetia supaya mendapatkan calon-calon baharu bagi masjid-masjid yang pegawai-pegawainya telah meletakkan jawatan.

Keputusan :-

Setelah menimbang keterangan-keterangan yang diberi oleh urusetia, mesyuarat telah bersetuju menerima

peletakan jawatan pegawai-pegawai yang berkenaan dan mengarahkan pihak urusetia supaya mendapatkan calon-calon baharu bagi masjid-masjid yang pegawai-pegawainya telah meletakkan jawatan.

(13 Disember 1984)



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 1985**

108. BARANG-BARANG RAMPASAN (KERAMAT BUKIT CENDANA)

Keputusan :-

Sesudah jawatankuasa berbincang dengan berpandukan kepada nas-nas telah mengeluarkan pendapat bahawa segala harta benda yang telah dihibahkan dan tidak diketahui tuan punyanya, harus pihak yang berkuasa mempergunakannya untuk *masalah ammah* berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh An-nasai An Ibn Omar (*Maktarul Ahadis*):

إِذْ أُعْطِيتْ شَيْئًا مِنْ غَيْرِ أَنْ تَسْأَلَ فَكُلْ وَتَصَدَّقْ

Maksudnya :

Apabila engkau diberi akan sesuatu yang bukan engkau minta, maka makanlah dan sedekahkan.

(1 Mac 1985)

109. PERTUKARAN NAMA

Seseorang wanita bukan Islam menganut agama Islam setelah berkahwin dengan pemuda Islam/Melayu. Namanya ditukar kepada nama Islam. Setelah kematian/bercerai suami, wanita tersebut rujuk kembali kepada agama asalnya. Beliau ingin menukar semula nama

Islamnya kepada nama asal. Boleh atau tidak ditukar nama itu? Minta diberi sebab.

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah telah memutuskan iaitu seorang yang murtad daripada agama Islam hukumnya wajib dibunuh sesudah dipinta ianya bertaubat dan diberi masa 3 hari. Sekiranya perkara itu tidak dijalankan, orang itu tidak boleh ditolong dengan apa jua bentuk kerana jika ditolong bererti meredhai perbuatan keluarnya daripada Islam. Meredhai keluarnya seorang daripada Islam hukumnya haram. Oleh yang demikian, menolong, menunjuk, bekerjasama dalam keluarnya seseorang daripada Islam adalah hukumnya sama iaitu haram.

Berdasarkan kepada kaedah Usul Fiqh :-

الرضا بالكفر كفر

Maksudnya :

Sesiapa yang meredhai akan seseorang menjadi kafir maka ianya juga menjadi kafir.

Di dalam surah al-Baqarah, ayat 217:

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فِيمَتَّ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي
الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢١٧﴾

Maksudnya :

“...dan sesiapa yang murtad di antara kamu dari agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya yang baik di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya (selama-lamanya).

(1 Mac 1985)

110. TUKAR GANTI HARTA WAKAF LOT 698 DAN 703 KEPADA LOT 554, 555, 556 DAN 557 DI MUKIM YANG SAMA

Soalan mengenai cadangan tukar ganti harta wakaf Lot 698 dan 703 kepada Lot 554, 555, 556 dan 557 di mukim yang sama. Tujuan pertukaran itu ialah untuk memudahkan urusan pentadbiran tanah-tanah tersebut.

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah bersetuju sebulat suara membuat keputusan seperti berikut :

Dalam masalah penukaran tanah daripada tanah perkongsian wakaf sekolah dan Masjid Sungai Bakap, hukumnya adalah harus berdasarkan kepada manfaat kepada kedua belah pihak (dengan secara *Istibdal*) berdasarkan kepada pendapat dalam Kitab *Muhadarah*

fil wakfi, halaman 156:

وإختلف الشافعية إذا أصبح العقار الموقوف لا يأتي بنفع مطلقا،
ففرق أجاز الاستبدال ليكون الوقف مفلا، وفرق منعه.

Maksudnya :

Bersalahan ulama-ulama Mazhab Shafie apabila terhadap harta yang diwakafkan itu tidak mendatangkan manfaat semata-mata, maka satu golongan daripada ulama-ulama Shafie menghukumkan harus ditukar ganti supaya harta yang diwakafkan itu hidup dan satu golongan menegahnya.

Juga berdasarkan kepada kaedah Usul Fiqh :

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة.

Maksudnya :

Polisi/pentadbiran kerajaan ke atas rakyatnya bergantung kepada kepentingan umum (masalah).

(1 Mac 1985)

111. PELETAKAN JAWATAN PEGAWAI-PEGAWAI MASJID

Setiausaha memaklumkan bahawa urusetia telah menerima beberapa surat peletakan jawatan seperti berikut :

1. Khatib dan Bilal Masjid Alma, Bukit Mertajam.
2. Khatib dan Bilal Masjid Changkat, Nibong Tebal.
3. Bilal Masjid Padang Benggali.
4. Khatib dan Bilal Masjid Permatang Batu.
5. Nazir, Khatib dan Bilal Masjid Permatang Bendahari.

Keputusan :-

Setelah meneliti sebab-sebab peletakan jawatan dan menimbangkan keterangan-keterangan yang telah disampaikan, mesyuarat telah bersetuju menerima peletakan jawatan pegawai-pegawai yang berkenaan dan mengarahkan pihak urusetia supaya mendapatkan calon-calon baharu bagi masjid-masjid yang terlibat.

(1 Mac 1985)

112. PERJALANAN KOPERASI

Soalan telah diterima daripada Tuan Haji Mohd. Nor bin Ahmad dari Taman Brown, Gelugor, mengenai perkara-perkara berikut:

Sebuah koperasi serbaguna yang mempunyai ahli 4/5 orang yang beragama Islam dan selebihnya bukan beragama Islam dan demikian juga kedudukan Lembaga Pengarahnya. Mengikut penyata tahunan, yuran adalah daripada ahli-ahlinya. Manakala untuk aktiviti pembangunan tanah, koperasi telah meminjam daripada sebuah syarikat kewangan yang di kenakan bunga 13%.

1. Adakah pinjaman itu dibolehkan Syarak?

Koperasi juga telah melaburkan yuran ahli-ahli yang sebahagiannya di dalam simpanan tetap di sebuah bank tempatan dengan kadar faedah yang diterima sebanyak 11%.

2. Apakah hukumnya dari segi Syarak, tindakan untuk membuat simpanan tetap itu?

3. Apakah hukum dari segi Syarak, tindakan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang telah membuat simpanan tetap dan mendapat faedah tersebut?

Ahli-ahli Lembaga Pengarah juga telah melaburkan hampir \$1/2 juta wang yuran ahli-ahli ke dalam badan kewangan.

4. Adakah tindakan Lembaga Pengarah itu dibolehkan Syarak dan apa hukumnya?

5. Apakah yang dipersoalkan nanti akan tanggungjawab

Lembaga Pengarah di akhirat kelak?

Keputusan :-

1. Meminjam dan memberi faedah hukumnya haram.
2. Menyimpan untuk tujuan keselamatan adalah harus hukumnya, tetapi faedahnya hendaklah dipulangkan kepada Baitulmal.
3. Koperasi menyimpan wang di dalam bank dengan tujuan mendapat faedah hukumnya adalah haram.
4. Menyimpan di dalam simpanan tetap untuk melakukan riba adalah juga haram hukumnya.
5. Tiap-tiap Lembaga Pengarahnya akan dipersoalkan tentang peranan masing-masing di akhirat kelak.

Hukum riba amat besar dosanya dari dosa-dosa yang lain menurut keterangan dalam al-Quran surah al-Baqarah, ayat 275 :

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَاَ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

Maksudnya :

“Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Maka sesiapa yang telah sampai

peringatan dari Tuhannya lalu ia berhenti, maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (mengambil riba) maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya”.

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, hadis no. 1598:

لعن الله أكل الرباء وموكله وشاهديه وكاتبه.

Maksudnya :

Telah melaknat oleh Allah Taala orang yang memakan riba, orang yang mewakilkannya, orang yang menyaksikannya dan orang yang menulisnya.

Kaedah usul yang terdapat di dalam kitab *Al-Asybah Wan Nadhoir*, halaman 117, cetakan Dar al-Fikr:

كل تصرف تقاعد عن تحصيل مقصودة فهو باطل.

Maksudnya :

Tiap-tiap pekerjaan yang terhenti pada mendatangkan hasil yang dimaksudkan adalah batal.

(29 Mac 1985)

113. FATWA MENGENAI PEMBAYARAN ELAUN

Keputusan :-

Jawatankuasa telah bersetuju iaitu menasihatkan Majlis Agama Islam Negeri ini seboleh-bolehnya tidak menggunakan wang perolehan zakat selain daripada asnaf yang lapan tetapi di dalam keadaan-keadaan yang tertentu dimana perkara ini tidak dapat dielakkan bagi tujuan pentadbiran, diharuskan untuk kadar keperluan sahaja berdasarkan kepada pendapat di dalam Kitab *Tafsir al-Manar*, halaman 501, cetakan:

وقال في الروضة الندية ومن جملة سبيل الله الصرف في العلماء الذين يقومون بمصالح المسلمين الدينية. فإن لهم في مال الله نصيبا سواء كانوا أغنياء أو فقيرا بل الصرف في هذه الجهة من أهم الأمور لأن العلماء ورثة الأنبياء وحملة الدين، وبهم تحفظ بيضة الإسلام وشريعة سيد الأنام وقد كان علماء الصحابة يأخذون من يرد عليهم. فلا مرفي ذلك مشهور.

Maksudnya :

Dan daripadanya termasuk di dalam golongan sabilillah ialah pemberian kepada ulama yang bekerja untuk masalah orang-orang Islam di dalam urusan keagamaan kerana bagi mereka habuan pada harta-

harta Allah sama ada mereka itu kaya ataupun miskin. Bahkan membelanjakan pada jalan itu adalah daripada perkara-perkara yang penting. Sesungguhnya para-para ulama itu waris kepada Nabi. Mereka bertanggungjawab di dalam urusan agama yang dengan merekalah terpelihara kesucian agama Islam dan syariatnya dan mereka juga penghulu segala makhluk. Sesungguhnya ulama di kalangan para-para sahabat mereka mengambil daripada pemberian sekadar yang diperlukan dengan tambahan yang banyak, dan amalan ini adalah satu perkara yang masyhur di sisi ulama.

(29 Mac 1985)

114. PELETAKAN JAWATAN BILAL

Setiausaha memaklumkan bahawa urusetia telah menerima permohonan peletakan jawatan sebagai bilal di Masjid Pondok Upeh. Sebab-sebab peletakan jawatan itu ialah kerana keuzuran. Bilal yang berkenaan ialah Encik Harun bin Saad.

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju menerima peletakan jawatan daripada Encik Harun bin Saad, Bilal Masjid Pondok Upeh dan meminta urusetia menulis surat kepada qaryah berkenaan untuk mendapat calon baharu.

(29 Mac 1985)

115. KENDURI KEMATIAN

Keputusan :-

1. Jamuan yang diadakan selagi mayat ada di rumah dan belum dikebumikan hukumnya adalah haram dan termasuk dalam *bidaah mungkarat*. (Rujukan : Syarah 21.9.1983
2. Jamuan selepas mayat dikebumikan adalah digalakkan (sunnat) dengan syarat tidak harus dikaitkan dengan hari-hari malam pertama, kedua, ketiga, ketujuh keempat belas, keempat puluh dan keseratus hari. Jika dikaitkan dengan masa dan hari-hari tersebut, maka hukumnya adalah bidaah.
3. Semua jamuan yang diadakan untuk si mati jika tidak melibatkan harta anak-anak yatim atau hutang si mati yang belum dijelaskan maka hukumnya adalah dibolehkan. Tetapi sekiranya ia melibatkan harta anak-anak yatim atau hutang si mati yang belum dijelaskan, maka hukumnya adalah haram. Ini adalah berdasarkan kepada keterangan yang didapati di dalam Kitab *Nihayat az-Zain fi Irsyad al-Mubtadin*, halaman 275, cetakan Dar al-Fikr dan Kitab *I'ana al-Tholibin*, juzuk 2, halaman 145.

أما الطعام الذي يجتمع عليه الناس ليلة دفن الميت المسمى

(بالوحشة) فهو مكروه مالم يكن من مال الأيتام وإلا فيحرم.

Maksudnya :

Adapun makanan yang disediakan untuk jamuan pada malam penanaman mayat atau dinamakan wahsyah, hukumnya makruh sekiranya tidak melibatkan harta anak yatim. Sekiranya ia melibatkan harta anak yatim, hukumnya adalah haram.

(28 Mei 1985)

116. KEPERCAYAAN KEPADA IMAM MAHADI

Keputusan :-

Beriman atau mempercayai Imam Mahadi hukumnya adalah wajib. Sesungguhnya Imam Mahadi akan zahir mulai di Makkah, di Madinah atau Baitulmaqdis. Terdapat di dalam Kitab *Muktasar*, halaman 147, hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud:

وفي حديث أبي داود لو لم يبق من الدنيا إلا يوم واحد لطول الله تعالى ذلك حتى يبعث الله تعالى فيه رجلا من أمتي أو من أهل بيتي يواطى اسمه إسمي وإسم أبيه إسم أبي.

Maksudnya :

Jikalau tidak kekal dunia ini kecuali hari yang satu, nescaya memanjang oleh Allah Taala yang demikian itu hingga dibangkitkan padanya seorang lelaki daripada umatku atau daripada ahli keluargaku dan khabarkan namanya, namaku dan nama bapanya, nama bapaku.

أن المهدي عليه السلام يظهر أولاً في الحرمين الشريفين ثم يأتي بيت المقدس.

Maksudnya :

Sesungguhnya Imam Mahdi a.s. akan lahir mulanya di Kota Makkah dan Madinah. Kemudian dia akan datang ke Baitulmaqdis. Ini di dalam Kitab Syarah Fikah Akbar.

(28 Mei 1985)

117. KEPERCAYAAN KEPADA DAJJAL

Keputusan :-

Percaya kepada kemunculan Dajjal hukumnya wajib. Dajjal akan lahir ke dunia selepas lahirnya Mahadi. Berpandukan kepada sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim:

ليس من بلد ألا سيطؤه الدجال إلا مكة والمدينة.

Maksudnya :

Tidak ada negeri yang tidak dimasuki oleh Dajjal kecuali bandar Makkah dan Madinah.

وفي رواية آخر فلا أدع قريته إلا هبطتها في أربعين ليلة غير مكة،
وطيبة فهما محرمتان على كلتا همتا.

Maksudnya:

Pada riwayat lain, disebutkan : Maka tidak tertinggal satu kampung semuanya dimasuki oleh Dajjal dalam masa 40 hari dan malamnya selain daripada Kota Makkah dan Kota Madinah. Kedua-duanya diharamkan atas Dajjal memasukinya atau salah satu daripada keduanya.

(28 Mei 1985)

118. MENYIMPAN WANG DI BANK SIMPANAN NASIONAL

Keputusan :-

Menyimpan wang di Bank Simpanan Nasional adalah hukumnya harus dengan tujuan mengambil kemudahan dan keselamatan. Faedah yang didapati daripada wang simpanan itu hukumnya haram. Sekiranya faedah itu dikeluarkan, ia hendaklah menyerahkannya kepada Baitulmal untuk digunakan untuk tujuan *maslahah*. Hukum riba adalah jelas sebagaimana disebutkan di dalam surah al-Baqarah, ayat 275 :

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَاَ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ
وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

Maksudnya :

”Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba .Maka sesiapa yang telah sampai peringatan dari Tuhannya lalu ia berhenti ,maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu dan perkaranya terserahlah kepada Allah .Dan sesiapa yang mengulangi lagi) mengambil riba (maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.“

(28 Mei 1985)

119. PELETAKAN JAWATAN

1. Jawatan khatib bagi Masjid Kuala Juru.

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju menerima peletakan jawatan khatib bagi Masjid Kuala Juru yang telah dipohon oleh khatib berkenaan iaitu Encik Osman bin Harun atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Mesyuarat juga meminta urusetia berhubung dengan pengerusi qaryah masjid tersebut untuk mendapatkan calon yang baharu.

2. Jawatan Bilal bagi Masjid Permatang Kuang.

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju menerima peletakan jawatan bilal bagi Masjid Permatang Kuang. Calon yang telah dicadangkan oleh jawatankuasa qaryah masjid tersebut akan ditemu duga.

(28 Mei 1985)

120. KERJA-KERJA MENULIS, MENCETAK DAN MENJUAL AYAT-AYAT AL-QURAN OLEH ORANG YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM

Mendapatkan fatwa mengenai : kerja-kerja menulis, mencetak dan menjual ayat-ayat al-Quran oleh orang-orang yang bukan Islam telah menimbulkan rasa tidak senang dan bantahan di kalangan orang-orang Islam kerana dianggap mencemarkan kesucian ayat-ayat al-Quran. (Daripada Bahagian Agama Hal Ehwal Agama Jabatan Perdana Menteri untuk Muzakarah Mufti-Mufti).

Keputusan :-

Setelah berbincang, ahli-ahli bersetuju dan berpendapat sesudah mengkaji di dalam al-Quran dan kitab-kitab hadis, adalah didapati bahawa orang-orang yang bukan Islam tidak boleh sama sekali mencampuri urusan-urusan dan hal-hal mengenai ayat-ayat suci al-Quran, Hadis dan

menulis kitab-kitab yang bersangkutan dengan Islam. Berdasarkan kepada Firman Allah di dalam surah al-Waqiah, ayat 77, 78 dan 79 :

إِنَّهُ لَقُرْآنٌ كَرِيمٌ ﴿٧٧﴾

فِي كِتَابٍ مَّكْنُونٍ ﴿٧٨﴾

لَا يَمَسُّهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ ﴿٧٩﴾

Maksudnya :

Bahawa sesungguhnya itulah Al-Qur'an yang mulia, (yang sentiasa memberi ajaran dan pimpinan). Yang tersimpan dalam Kitab yang cukup terpelihara. Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci.

الحديث : ويدل عليه ما روى مالك في الموطاء عن عبدالله أبي بكر بن محمد بن عمرو بن حزم: أن في الكتاب الذي كتبه رسول الله صلى الله عليه وسلم لعمر بن حزم أن لا يمس القرآن إلا طاهر. أخرجه مالك مرسلًا.

Maksudnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Malik di dalam kitab Al-Muwatta` daripada Abdullah Abi Bakar bin Mohamad bin Amru bin Hazmi: Sesungguhnya terdapat kitab yang ditulis oleh Rasulullah SAW kepada Amru bin Hazmi, Rasulullah berpesan bahawa jangan disentuh al-

Quran kecuali orang-orang yang suci.

Berpegangkan kepada nas-nas yang tersebut, Jawatankuasa telah bersetuju meminta pihak-pihak yang berkuasa wajiblah mempertahankan kebesaran dan kesucian ayat-ayat al-Quran dalam apa jua bentuk.

(28 Jun 1985)

121. HUKUM MENGGUNAKAN PIL MENAHAN KEDATANGAN HAID BAGI MENERJAKAN HAJI

Apakah hukum menggunakan pil menahan kedatangan haid bagi orang-orang perempuan yang sedang mengerjakan fardu haji dan saya mengerjakan *haji tamattuk* sudah tentu saya wajib mengeluarkan dam. Apakah andaikata saya tidak bermalam di Mudzalifah iaitu dalam wajib haji, adakah saya dikenakan dam? Ada orang yang mengatakan kepada saya hanya dikenakan 1 dam sahaja. Apakah betul pendapat ini?

Keputusan :-

Sesudah berbincang, Jawatankuasa berpendapat bahawa perempuan yang menggunakan pil menahan kedatangan haid dalam masa mengerjakan haji, hukumnya harus jika tidak mendatangkan kemudharatan kepada penggunaanya. Berdasarkan pendapat di dalam Kitab *Al-asybah wan nazair* yang bermaksud: *Apabila bertembung dua kemudharatan di atas seseorang, haruslah dipilih mana*

yang lebih ringan daripada kedua-duanya.

أن تعارض على الشخص مفسدتان قدم أخفهما.

Orang yang meninggal bermalam di Mudzalifah bagi orang yang mengerjakan haji tamattuk adalah dikenakan dua dam. Dam pertama kerana mengerjakan *haji tamattuk* disebabkan mengerjakan haji di dalam bulan-bulan haji dan Jemaah itu bukan daripada penduduk kota Mekah, berdasarkan Firman Allah di dalam al-Quran surah al-Baqarah, ayat 196 :

وَأْتِمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ وَلَا تَحْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحَلَّهُ ۚ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِّن رَّأْسِهِ ۖ فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ ۚ فَإِذَا أَمِنْتُمْ ۖ فَمِن تَمَنَعَ بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجِّ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ ۚ فَمَنْ لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامٌ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ ۖ فِي الْحَجِّ وَسَبْعًا إِذَا رَجَعْتُمْ ۚ تِلْكَ عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ ۚ ذَٰلِكَ لِمَنْ لَّمْ يَكُنْ أَهْلُهُ حَاضِرِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١٩٦﴾

Maksudnya:

Dan sempurnakanlah ibadat Haji dan Umrah kerana Allah maka sekiranya kamu dikepong (dan dihalang daripada menyempurnakannya ketika kamu sudah berihram, maka kamu bolehlah bertahallul, serta) sembelihlah binatang korban yang mudah didapati; dan janganlah kamu mencukur kepala kamu (untuk bertahallul), sebelum binatang korban itu sampai (dan disembelih) di tempat sembelihannya. Maka sesiapa di

antara kamu sakit, atau terdapat sesuatu yang menyakiti di kepalanya (lalu ia bercukur), hendaklah ia membayar fidyah iaitu berpuasa, atau bersedekah, atau berkorban. Apabila kamu telah merasa aman, maka sesiapa yang ingin mengerjakan Umrah, sebelum ibadat Haji, (wajiblah menyembelih) korban yang mudah didapati. Kalau tidak didapati (binatang korban), maka wajib ia berpuasa tiga hari dalam masa Haji dan tujuh hari lagi apabila kembali (ke tempat masing-masing). Itulah sepuluh (hari) yang sempurna. Hukum ini ialah bagi orang yang tidak tinggal tetap (disekitar) masjid Al-Haram (Mekah). Dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah; dan ketahuilah bahawasanya Allah Maha berat balasan siksa-Nya (terhadap orang yang melanggar perintah-Nya).

Dam yang kedua kerana tidak bermalam di Mudzalifah sepertimana yang terdapat di dalam kitab *Nihayah az-Zain fi Irsyad al-Mubtadin*, halaman 206, cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiah:

(مبيت بمزدليفة) والواجب فيه لحظة من النصف الثاني من الليل
فإن دفع منها قبل النصف الثاني لزمه العود فإن لم يعد حتى طلع
الفجر لزمه دم.

Maksudnya :

Bermalam di Mudzalifah diwajib padanya ialah satu lahzah daripada pertengahan malam. Maka jika jemaah itu bertolak meninggalkan Mudzalifah sebelum pertengahan malam wajib baginya kembali semula, maka jika jemaah itu tidak kembali ke Mudzalifah sehingga naik matahari maka wajib baginya dam.

(28 Jun 1985)

122. HUKUM HALAL DAN HARAM DI DALAM MAKANAN

Apakah yang dimaksudkan haram, halal, makruh dari segi makanan sahaja. Di dalam al-Quran, apakah barang-barang makanan haram, halal dan makruh serta pandangannya. Soalan daripada presiden persatuan pengguna Pulau Pinang.

Keputusan :-

Jawatankuasa berpendapat :

1. Yang dimaksudkan haram dari segi makanan itu ialah memakan makanan yang diharamkan oleh Syarak seperti haram memakan makanan yang bernajis, bangkai, makanan beracun dan makanan-makanan yang mengandungi bahan-bahan yang memabukkan dan mengganggu kesihatan tubuh badan.
2. Yang dimaksudkan halal dari segi makanan

iaitulah memakan makanan yang tidak diharamkan oleh Syarak dari segi jenis pembuatan dan pengeluarannya.

3. Yang dimaksudkan dengan makruh dimakan iaitu makanan yang terlekat bau busuknya di mulut, pakaian dan tubuh badan. Berdasarkan kepada ayat al-Quran surah al-Baqarah, ayat 168 :

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Maksudnya :

Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.

الحديث: أن الحلال بين وأن الحرام بين وبينهما أمور متشبهات الخ - رواه مسلم عن النعمان بن بشير.

Maksudnya :

Halal itu terang dan haram juga terang. Di dalam halal dan haram itu ada perkara-perkara yang meragukan di antara kedua-keduanya.

Dengan yang demikian, Jawatankuasa berpendapat semua manusia hendaklah memakan makanan yang ternyata halal dan meninggalkan makanan yang ternyata haramnya dan juga meninggalkan perkara-perkara yang meragukan di antara kedua-keduanya.

(28 Jun 1985)

123. MEROBOHKAN MASJID LAMA (MASJID PONGSU SERIBU, KEPALA BATAS)

Soalan diterima daripada pengerusi Qaryah Masjid Pongsu Seribu, Kepala Batas yang ingin mendapatkan kebenaran untuk merobohkan masjid lama bagi mendirikan bangunan masjid baharu di atas tapak lama.

Keputusan :-

Setelah berbincang, ahli-ahli telah bersetuju meluluskan permohonan merobohkan masjid yang lama dan mendirikan bangunan masjid baharu di atas tapak yang sama. Jawatankuasa Syariah juga telah bersetuju membenarkan anak-anak qaryah mendirikan sembahyang di tempat sementara sehingga bangunan masjid baharu siap didirikan.

(31 Oktober 1985)

124. KEDUDUKAN KELUARGA ENCIK ISMAIL BIN MOHAMAD ALI YANG TELAH MURTAD

Soalan daripada Kadi Daerah Nibong Tebal yang ingin mendapatkan fatwa berhubung dengan kedudukan keluarga Encik Ismail Bin Mohamad Ali yang telah murtad.

Keputusan :-

Ahli-ahli telah membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan seterusnya telah bersetuju membuat keputusan seperti berikut:-

1. Jawatankuasa berpendapat harus diberitahu di Daerah Seberang Perai Selatan, bahawa keluarga Encik Ismail bin Mohamad Ali telah keluar daripada agama Islam.
2. Kadi daerah bolehlah mengeluarkan surat pekeliling kepada qaryah-qaryah untuk menerangkan mengenai keluar Encik Ismail bin Mohamad Ali serta keluarganya daripada agama Islam.
3. Apabila berlaku kematian di antara mereka, maka ia tidak lagi menjadi fardu kifayah kepada masyarakat Islam di daerah itu. Ini adalah berdasarkan kepada nas surah al-Baqarah, ayat 217 :

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ ۖ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَٰئِكَ حَبِطَتْ
أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ۖ وَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۗ هُمْ فِيهَا
خَالِدُونَ ﴿٢١٧﴾

Maksudnya :

dan sesiapa yang murtad di antara kamu dari agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya yang baik di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya (selama-lamanya).

Seseorang yang murtad daripada agama Islam hukumnya wajib dibunuh sesudah dipinta dia bertaubat dan diberi masa selama tiga hari. Sekiranya perkara itu tidak dijalankan, maka orang itu tidak boleh ditolong dengan apa juga bentuk kerana jika ditolong bererti meredhai keluarnya daripada agama Islam.

Berdasarkan kaedah usul fiqh :

الرضا بالكفر كفر.

Maksudnya :

Sesiapa yang meredhai akan seorang menjadi kafir, maka dia juga menjadi kafir.

Dengan pendapat-pendapat yang demikian maka kadi

daerah yang tersebut dibolehkan mengeluarkan surat pekeliling itu sebagai memutuskan mereka itu daripada masyarakat Islam.

(31 Oktober 1985)

125. BAHAGIAN BELAKANG MASJID YANG DI GUNAKAN SEBAGAI TEMPAT SEMBAHYANG, DI GUNAKAN UNTUK TUJUAN YANG LAIN

Permohonan mendapatkan fatwa sama ada boleh atau tidak bahagian belakang masjid yang digunakan sebagai tempat sembahyang, digunakan juga sebagai tempat makan, tempat mesyuarat hal masjid, tempat belajar agama bagi anak-anak dengan menggunakan kerusi meja semasa ianya tidak digunakan untuk bersembahyang. Soalan ini ialah daripada Pengerusi Jawatankuasa Qaryah Masjid Sungai Gelugor, Pulau Pinang.

Keputusan :-

Setelah berbincang Jawatankuasa telah berpendapat iaitu harus hukumnya menggunakan bahagian belakang masjid sebagai tempat makan, tempat mesyuarat hal masjid, tempat belajar agama bagi anak-anak qaryah dengan menggunakan kerusi meja dengan syarat dijaga kebersihan dan kehormatan masjid. Ini adalah berdasarkan kepada pendapat di dalam kitab *Al-Asybah Wan Nadhoir*, halaman 139 :

وحریم المسجد فحکمه حکم المسجد.

Maksudnya :

Dan kawasan masjid hukumnya seperti masjid.

(31 Oktober 1985)

126. BANGUNAN MASJID LAMA DIROBOHKAN ATAU DIWAKAFKAN KEPADA TEMPAT ATAU QARYAH LAIN

Soalan daripada setiausaha Qaryah Masjid Permatang Batu, sama ada boleh atau tidak bangunan masjid lama dirobohkan atau diwakafkan kepada tempat atau qaryah lain kerana masa ini sebuah masjid baharu telah didirikan berhampiran dengan bangunan masjid lama.

Keputusan :-

Ahli-ahli yang berbincangkan perkara ini dengan panjang lebar telah bersetuju membuat keputusan seperti berikut :

1. Jawatankuasa Syariah berpendapat harus dirobohkan bangunan masjid lama sekiranya hendak didirikan masjid baharu di atas tapak yang lama.
2. Jawatankuasa menasihatkan kepada anak-anak qaryah itu bahawa masjid yang ada tidak boleh dirobohkan dan dibawa ke tempat lain. Jawatankuasa qaryah juga dinasihatkan supaya mengambil daya usaha memelihara bangunan masjid yang lama

serta mengadakan kelas-kelas fardu ain dan latihan sembahyang kepada kanak-kanak di samping memelihara kehormatan masjid itu.

3. Haram sengaja merobohkan masjid lama. Ini adalah berdasarkan kepada surah at-Taubah, ayat 18:-

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنِ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ
الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن
يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya :

Hanyasanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah itu ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk

(31 Oktober 1985)

**127. RAYUAN MENGENAI SEMBAHYANG FARDU
JUMAAT DI MASJID KAMPUNG BAHARU,
PULAU PINANG**

Keputusan :-

Jawatankuasa membuat keputusan rayuan ini ditangguhkan buat sementara waktu bagi membolehkan pihak jawatankuasa mengarahkan Penyelia Qaryah untuk membuat satu penyiasatan supaya dikemukakan jawapan kepada Jawatankuasa Syariah sebelum ianya dapat diputuskan di persidangan Jawatankuasa Syariah yang akan datang.

(31 Oktober 1985)

**128. PERMOHONAN MENDAPATKAN IZIN
MENGUBAHSUAI BANGUNAN MASJID DAN
MEMUNGUT DERMA**

Keputusan :-

Ahli-ahli telah bersetuju meluluskan permohonan mengubahsuaikan bangunan masjid dengan syarat hendaklah memohon kebenaran memungut derma daripada Setiausaha, Majlis Agama Islam, Pulau Pinang.

Pengubahsuai itu adalah diharuskan mengikut pendapat di dalam Kitab *Bughiyah Al-Murtarsyidin*, halaman 67

يجوز توسع المسجد وتغير بنائه بنحو وقع للحاجة بشرط اذن
الناظر من جهة الوقف.

Maksudnya :

Harus meluaskan bangunan masjid dan mengubahsuai binaanya dengan tujuan untuk memenuhi hajat dengan syarat mendapat keizinan pihak-pihak yang berkuasa masjid.

(31 Oktober 1985)

**129. PERMOHONAN MENDAPATKAN
KEBENARAN UNTUK MEMBINA BANGUNAN
TAMBAHAN DI SEBELAH MIHRAB**

Keputusan :-

Setelah berbincang, Jawatankuasa bersetuju meluluskan permohonan anak-anak Qaryah Masjid Sungai Bakau untuk membina dan menyambung bangunan masjid di sebelah Mihrab yang ada sekarang seluas lebih kurang 72 kaki x 80 kaki.

(31 Oktober 1985)

130. PERMOHONAN MENGUBAHSUAI BANGUNAN MASJID SHEIKH EUSOFF DARIPADA SETIAUSAHA JAWATANKUASA QARYAH MASJID SHEIKH EUSOFF, PULAU PINANG

Keputusan :-

Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah telah membuat keputusan meluluskan permohonan mengubahsuai Masjid Sheikh Eusoff. Walau bagaimanapun, Setiausaha Jawatankuasa Qaryah Masjid Sheikh Eusoff adalah dinasihatkan supaya meminta kebenaran memungut derma mengikut peraturan biasa. Kelulusan mengubahsuai bangunan masjid itu adalah berdasarkan kepada nas di dalam kitab *Tafsir Baidhawi*, halaman 190 :

العمارة المعروفة من بناء المسجد وتشبيدها ومر مئها عند خرابها

Maksudnya :

Menghidupkan syiar masjid itu dikenali dengan membina bangunan masjid, meninggikan bangunan dan mengubahsuai bangunannya dibolehkan merobohkannya.

(31 Oktober 1985)

131. PERMOHONAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA MASJID LAHAR YOOI SERTA PERMOHONAN TEMPAT SEMBAHYANG JUMAAT

Keputusan :-

Setelah berbincang, Jawatankuasa bersetuju membenarkan Jawatankuasa Masjid Lahar Yooi merobohkan masjid yang lama dan diganti dengan bangunan yang baharu dengan syarat segala batu bata dan kayu-kayu hendaklah ditimbus di dalam bangunan baharu dan juga kayu-kayu yang boleh dipakai hendaklah diguna semula. Jawatankuasa Syariah juga bersetuju membenarkan anak-anak qaryah mendirikan Jumaat di surau Tambak, Lahar Yooi.

(31 Oktober 1985)

132. PELETAKAN JAWATAN PEGAWAI-PEGAWAI MASJID

Setiausaha memaklumkan mesyuarat bahawa urusetia telah menerima beberapa pucuk surat peletakan jawatan pegawai-pegawai masjid seperti berikut, atas sebab-sebab keuzuran :

1. Encik Zakaria bin Husain dari Masjid Kuala Muda – Khatib.
2. Encik Wahab bin Hamid dari Masjid Ara Kuda-Imam.

3. Encik Ismail bin Ba dari Masjid Ara Kuda – Khatib.

Keputusan :-

Setelah menimbangkan permohonan tersebut, ahli-ahli jawatankuasa telah bersetuju menerima peletakan jawatan itu dan meminta pengerusi qaryah berkenaan mengemukakan calon bagi menggantikan pegawai yang meletakkan jawatan kepada urusetia.

(31 Oktober 1985)



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 1986**

133. KEDUDUKAN TABUNG KEBAJIKAN KHAS DAN AM YANG DITUBUHKAN DI QARYAH BERKENAAN

Keputusan :-

1. Jawatankuasa berpendapat bahawa tabung kebajikan khas itu hendaklah digunakan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan masjid dan juga kepentingan agama Islam seperti menguruskan mayat, kelas fardu ain. Manakala tabung kebajikan am pula, jawatankuasa menasihatkan supaya ditubuhkan jawatankuasa kecil bagi mentadbirkan perkara-perkara yang bersangkutan dengan sukan, pelajaran dan lain-lain dan tabung ini janganlah bersangkutan dengan masjid atau diletakkan di dalam masjid.
2. Untuk mendapat gambaran yang jelas, jawatankuasa mengarahkan setiausaha supaya berhubung dengan setiausaha qaryah masjid tersebut bagi mendapatkan penerangan dan gambaran yang jelas tujuan tabung kebajikan itu diadakan. Sesudah mendapat penerangan lanjut dari setiausaha qaryah tersebut, soalan itu akan dilaporkan balik dalam Mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang akan datang.

(7 April 1986)

134. PENGGUNAAN TANAH PERKUBURAN LAMA UNTUK DIJADIKAN TEMPAT MENYIMPAN MOTOSIKAL DAN BASIKAL

Keputusan :-

Jawatankuasa berpendapat bahawa hukumnya adalah haram untuk mendirikan bangunan bagi meletak kenderaan di atas tanah perkuburan lama walaupun raja yang berkuasa sekalipun. Tanah perkuburan tidak boleh digunakan selain daripada untuk tujuan penanaman mayat sahaja sekalipun tanah perkuburan itu tidak lagi digunakan untuk mengkebumikan mayat orang Islam. Jawatankuasa Syariah seterusnya menasihatkan jawatankuasa masjid tersebut supaya tanah perkuburan lama itu dipagar untuk menjaga kehormatan mayat-mayat yang telah ditanam di dalamnya berdasarkan kepada nas di dalam kitab *Tuhfah al-Muhtaj*, juzuk 6, halaman 286 yang bermaksud:

وفي الأنوار ليس للإمام إذا اندرست مقبرة ولم يبق بها أثر اجارتها للزراعة
أي مثلا وصرف علتها للمصالح.

Maksudnya:

Di dalam Kitab al-Anwar, "Tidak boleh bagi imam (pemerintah) yang berkuasa menggunakan tanah perkuburan bagi lain-lain tujuan selain daripada penanaman mayat walaupun sudah tidak digunakan dan tidak didapati kesannya."

(7 April 1986)

135. PENGGANTUNGAN KALIMAH “ALLAH” DAN “MUHAMMAD” DI RUMAH PERSATUAN AMAL ORANG-ORANG CINA NIBONG TEBAL

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah berpendapat hukumnya adalah haram jika dibiarkan kalimah “Allah” dan “Muhammad” kekal digantung di dalam rumah Persatuan Amal Orang Cina Nibong Tebal atau di rumah kepunyaan orang bukan Islam kerana takut dicemari kesuciannya dan boleh menimbulkan kekeliruan kepada umat Islam. Oleh yang demikian, jawatankuasa ini menasihatkan kepada pihak-pihak yang berkuasa di daerah itu mesti mencari jalan untuk menurunkan kalimah tersebut dan mendapatkannya dari tangan orang yang bukan Islam. Jika tidak, seluruh umat Islam di daerah itu akan menanggung dosa akibat daripadanya.

Nasnya terdapat di dalam Kitab *I'alah al-Tholibin*, juzuk 3, halaman 4 :

وان قل وهو صادق بالآية وما دونها ولو حرفا

Maksud :

“Walaupun sedikit ayat yang digantungkan itu benar ayat al-Quran atau selainnya, sekalipun satu huruf, adalah hukumnya haram.”

(7 April 1986)

**136. MENGADAKAN SEMBAHYANG FARDU
JUMAAT DI MADRASAH KAMPUNG
PERMATANG TINGGI, KEPALA BATAS**

Keputusan :-

Pengerusi memaklumkan bahawa beliau telahpun dihubungi oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Bahagian Agama yang menerangkan mengenai kedudukan qaryah tersebut. Memandangkan beberapa kejadian yang telah berlaku di Masjid Paya Keladi, maka beliau telah meminta kepada Pengerusi supaya menerangkan kedudukan ini kepada Jawatankuasa Syariah yang bersidang pada hari ini dan Jawatankuasa Syariah telahpun bersetuju dengan pandangan ini supaya perkara ini ditangguhkan untuk siasatan lanjut.

(7 April 1986)

137. PELETAKAN JAWATAN KHATIB

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju menerima permohonan peletakan jawatan sebagai khatib oleh Encik Othman bin Md. Sham dari Masjid Kampung Binjai, Bayan Lepas setelah menimbang dan meneliti permohonannya.

(7 April 1986)

**138. PERMOHONAN UNTUK MEMBAIKI DAN
MEMPERBESARKAN MASJID TUAN GURU
TANJUNG TOKONG, PULAU PINANG**

Keputusan :-

Setelah menimbang dan meneliti permohonan tersebut, Jawatankuasa Syariah telah bersetuju meluluskannya.

(7 April 1986)

**139. PERMOHONAN UNTUK MENGGAZETKAN
TAPAK TANAH MASJID BARU RANCANGAN
TANAH SUNGAI CHENAAM**

Setiausaha telah membentangkan pelan kasar yang menunjukkan sempadan Qaryah Masjid Baru Sungai Chenaam dengan Qaryah Masjid Sungai Aceh untuk makluman ahli-ahli.

Keputusan :-

Setelah berbincang, Jawatankuasa Syariah telah bersetuju meluluskan permohonan untuk menggazetkan tapak tanah Masjid Baru Sungai Chenaam dan sempadannya dengan Masjid Sungai Aceh.

(7 April 1986)

**140. PERMOHONAN KELULUSAN UNTUK
MENGUBAHSUAI MASJID HAJI KASSIM,
KAMPUNG MAKAM, PULAU PINANG**

Keputusan :-

Setelah meneliti dan membincangkan permohonan ini, Jawatankuasa Syariah telah bersetuju meluluskannya.

(7 April 1986)

**141. RAYUAN UNTUK MENDIRIKAN
SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DI MASJID
KAMPUNG BARU AIR ITAM, PULAU PINANG**

Keputusan :-

1. Setiausaha telah membentangkan rayuan untuk mendirikan sembahyang fardu Jumaat di Masjid Kampung Baru Air Itam, Pulau Pinang. Ini berdasarkan kepada pendapat di dalam kitab *I'annah al-Tholibin*.
2. Setelah membincangkan dengan panjang lebar, mesyuarat telah bersetuju dengan rayuan yang dibuat oleh anak-anak qaryah Masjid Kampung Baru Air Itam untuk mendirikan sembahyang fardu Jumaat; Jawatankuasa Syariah yang bersidang hari ini telah menimbang dari segenap sudut kepentingan umat Islam di kawasan itu dan telah bersetuju membenarkan Masjid Kampung Baru Air Itam

mendirikan sembahyang fardu Jumaat berasingan daripada Masjid Negeri. Ini berdasarkan kepada pendapat di dalam kitab *I'ana al-Tholibin* :

قال ابن عجيل ولو تعددت مواضع متقاربة وتميز كل بإسم فللكل حكمه
قال شيخنا انما يتجه ذلك إن عد كل مع ذلك قرية مستقلة عرفا.
(فللكل حكمه) أي فللكل موضع من هذه المواضع حكم مختص به،
فإن كان كل موضع مشتملاً على أربعين كاملين لزمتهم الجمعة والا فلا
تلتزمهم، وإن كان لو اجتمعوا كلهم في موضع واحد يبلغون الأربعين، وإن
سمع أهل كل موضع نداء الآخر.

Maksudnya :

“Telah berkata oleh Ibnu Ujail; Jikalau berbilang-bilang tempat atau qaryah yang berdekatan dan qaryah-qaryah itu ada mempunyai nama-nama yang tertentu, maka tiap-tiap qaryah itu ada hukumnya. Dan telah berkata Sheikh kami: Yang dikehendaki demikian itu jika didapati qaryah yang berasingan pada uruf sekalipun.

Maka tiap-tiap qaryah daripada qaryah itu, mempunyai hukum yang tertentu: Iaitu, maka setiap tempat daripada tempat-tempat berkenaan mempunyai hukum yang khusus baginya dan jika didapati qaryah itu mempunyai 40 orang lelaki yang sempurna wajib mereka itu

mendirikan Jumaat dan jika tidak, tidak wajiblah di atas mereka itu walaupun di dapati bilangan mereka itu pada satu-satu qaryah 40 orang walaupun mendengar anak-anak qaryah itu azan qaryah yang lain”.

(7 April 1986)

**142. HARTA PUSAKA SAEDAH BINTI NOORDIN,
SI MATI LOT 200, 251 DAN 252, MUKIM 4,
SEBERANG PERAI TENGAH**

Keputusan :-

Ahli-ahli telah membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan telah bersetuju memberi keputusan kepada soalan itu seperti berikut :

1. Harus dilakukan pembangunan di atas tanah wakaf itu oleh pemegang amanahnya sama ada berkongsi dengan orang Islam atau bukan Islam dengan syarat tidak berlaku penjualan terhadap tanah wakaf tersebut.
2. Tidak boleh dilakukan pembahagian unit-unit rumah mengikut nisbah tertentu di antara pemegang amanah dengan pemaju, yang mana pada pendapat jawatankuasa ini pihak pemaju akan menjual bahagian tersebut. Hukum penjualan harta wakaf adalah haram.

3. Jika pemegang amanah menyeleweng daripada aturan Syarak, maka bolehlah pihak Majlis Agama menahan dan seterusnya berkuasa di atas tanah itu.
4. Jika sekiranya pembinaan bangunan di atas tanah wakaf yang tersebut adalah untuk disewa dan wang hasilnya dikembalikan kepada pemegang amanah, maka hukumnya dibolehkan. Itupun dengan syarat bahawa bangunan-bangunan yang disewakan itu tidaklah digunakan untuk perkara-perkara maksiat.

(8 Mei 1986)

143. MERESTUI PENUKARAN NAMA DARI MASJID JAMEK LAHAR YOOI KEPADA MASJID TAQWA LAHAR YOOI

Keputusan :-

Setelah membincangkannya, mesyuarat telah bersetuju sebulat suara meluluskan penukaran nama dari Masjid Jamek Lahar Yooi kepada Masjid Taqwa Lahar Yooi.

(8 Mei 1986)

144. PENGKEBUMIAN URI BAYI

Keputusan :-

Ahli-ahli telah membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan bersetuju membuat keputusan seperti

berikut :-

1. Uri orang-orang Islam adalah suci dan dengan itu tidak boleh dibakar.
2. Jawatankuasa Syariah menasihatkan supaya pihak berkuasa hospital berusaha menanam uri orang-orang Islam, dan juga menasihatkan supaya mana-mana orang Islam yang melahirkan anak di hospital supaya membawa balik uri-uri itu untuk ditanam di tempat masing-masing.
3. Uri orang-orang Islam tidak boleh dijual. Hukumnya haram.

(8 Mei 1986)

145. MEMOHON MENDAPAT FATWA DAN PANDANGAN MEMBOLEHKAN TABUNG KEBAJIKAN QARYAH MASJID, MEMAINKAN PERANAN UNTUK FAEDAH MASYARAKAT ISLAM KHUSUSNYA

Keputusan :-

Setiausaha memaklumkan bahawa beliau telahpun mendapat gambaran jelas mengenai kedudukan perkara ini sebagaimana yang telah diarahkan di mesyuarat yang lalu. Hasil dari penerangan tersebut, ahli-ahli telah membincangkan dengan panjang lebar dan seterusnya membuat keputusan seperti berikut :-

1. Jawatankuasa Syariah menasihatkan supaya jawatankuasa qaryah mengasingkan wang pokok dan wang faedah hasil dari simpanan tetap dalam bank mulai tahun 1973 sehingga hari ini.
2. Wang pokok ataupun modal asal bolehlah digunakan untuk hal-hal wakaf khas seperti memperbaiki masjid, membayar sugu hati kepada pegawai-pegawai masjid, dan memberi derma untuk kematian anak-anak qaryah.
3. Wang faedah yang didapati daripada simpanan tetap bolehlah dimasukkan ke dalam tabung am untuk kegunaan sukan anak-anak qaryah, pelajaran, biasiswa, membeli buku teks, membantu kanak-kanak miskin, membiayai yuran peperiksaan dan lain-lain yang ada hubungan dengan kebajikan masyarakat setempat.
4. Wang pokok yang ada buat masa sekarang ini hendaklah dilaburkan dalam Bank Islam.

(8 Mei 1986)

146. MEMOHON KEBENARAN MENDIRIKAN SEMBAHYANG JEMAAH DAN JUMAAT DI SEKOLAH AGAMA KAMPUNG PERLIS, BALIK PULAU

Keputusan :-

Setelah menimbangkan permohonan tersebut, mesyuarat telah bersetuju meluluskan kebenaran mendirikan sembahyang jemaah dan Jumaat di Sekolah Agama Kampung Perlis, Balik Pulau mulai 16.4.1986 hingga 14.6.1986. (Sehingga siap masjid dibaiki).

(8 Mei 1986)

147. PELETAKAN JAWATAN IMAM

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju menerima peletakan jawatan imam daripada Encik Yaakop bin Haji Ishak dari Masjid Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan.

(8 Mei 1986)

148. MENETAPKAN NISAB BAGI BARANG PERHIASAN EMAS YANG DIKENAKAN ZAKAT

Setiausaha telah membentangkan soalan yang diterima dari Setiausaha Jawatankuasa Zakat Dan Fitrah mengenai perkara tersebut.

Keputusan :-

Setelah membincangkannya, mesyuarat telah bersetuju memberi pandangan berikut :-

1. Barang-barang emas yang menjadi perhiasan wanita tidak dikenakan zakat walau banyak mana sekalipun dengan syarat barang-barang perhiasan itu hendaklah dipakai.
2. Barang-barang perhiasan wanita jika tidak dipakai dan disimpan, wajib dikeluarkan zakat mengikut nisab bermula dari 20 misqal iaitu bersamaan 25 mayam dan 2.7108 saga atau 93.6 gm. Zakatnya ialah sebanyak 2½%.
3. Orang-orang lelaki yang menyimpan barang-barang kemas perhiasan wanita untuk dipakai oleh isteri atau anak-anak cucunya tidak juga dikenakan zakat. Jika sekiranya barang-barang itu disimpan seperti harta, maka wajiblah dikeluarkan zakat.

Nas-nasnya ialah dari :

وَلَا زَكَاةَ فِي حُلِيِّ مُبَاحٍ، وَلَوْ اتَّخَذَهُ الرَّجُلُ بَلَا قَصْدٍ لُبْسٍ أَوْ غَيْرِهِ، أَوْ
اتَّخَذَهُ لِإِجَارَةٍ أَوْ إِعَارَةٍ لِمَرْأَةٍ، إِلَّا إِذَا اتَّخَذَهُ بِنَيْتَةٍ كَنْزٍ فَتَجِبُ الزَّكَاةُ فِيهِ.

Kitab *Fathul Muin*, halaman 233, cetakan Dar Ibn Hazm yang bermaksud :

Tidak dikenakan zakat pada perhiasan yang diharuskan dan jikalau seorang lelaki sekalipun menyimpannya tanpa tujuan untuk dijadikan perhiasan atau lainnya atau untuk disewa, dipinjam atau diberi pakai kepada orang perempuan, melainkan sekiranya disimpan barang perhiasan itu dengan niat simpan seperti harta maka wajib atasnya zakat.

(ولا زكاة في حلّي مباح) كالحلّي من ذهب أو الفضة للبس امرأة (ولو) اتخذه بلا قصد أو قصد لإعارة أو (لإجارة) لها إلا إن أسرفت كخلخال وزن مجموع فرديته مائتا مثقال مثلا فلا يحل لها، وتجب زكاته.

Kitab *Nihayah az-Zain*, halaman 170, cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiah yang bermaksud :

Tidaklah dikenakan zakat pada perhiasan yang diharuskan seperti perhiasan emas dan perak untuk kegunaan perempuan walaupun pengambilannya dengan tidak niat atau niat untuk dipakai atau untuk disewa dan dipinjam baginya. Kecuali disimpan seperti gelang kaki ataupun seberat timbangan tiap-tiap sebelah gelang kaki 200 misqal umpamanya. Jika disimpan sebagai harta, maka wajiblah di atasnya zakat.

(8 Mei 1986)

149. PELETAKAN NAZIR DAN IMAM ENCIK RAMLI BIN AHMAD

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju meluluskan pelantikan Encik Ramli bin Ahmad dari Masjid Simpang Tiga Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan sebagai nazir dan imam di masjid tersebut.

(8 Mei 1986)

150. MEMOHON PENJELASAN MENGENAI WANG FAEDAH BANK

Keputusan :-

1. Jawatankuasa berpendapat wang faedah dari bank dikira riba, amalan riba adalah haram menurut beberapa banyak nas-nas dalam al-Quran dan hadis-hadis nabi. Di dalam al-Quran surah al-Baqarah, ayat 275 yang bermaksud :

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya :

Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

يَمْحُوْهُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرِي الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٧٦﴾

Surah al-Baqarah, ayat 276 yang bermaksud :

Allah susutkan riba, dan mengembangkan sedekah. Dan Allah tidak suka kepada setiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, dan selalu melakukan dosa.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾

Surah al-Baqarah, ayat 278 yang bermaksud :

Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah sisa riba (yang belum dipungut,) jika benar kamu orang yang beriman.

Di dalam Kitab *Bughiyah al-Murtasyiddin*, halaman 271 yang bermaksud :

“Jika terdapat harta-harta yang haram atau harta rampasan hendaklah dikembalikan harta itu dengan segera kepada pemerintah”.

2. Berpandukan kepada nas-nas tersebut Jawatankuasa Fatwa berpendapat wang faedah bank itu adalah haram dan pihak-pihak yang berkenaan hendaklah menyerahkan kepada Baitulmal di bawah Majlis Agama Islam negeri ini kerana Baitulmal pemegang amanah pemerintah. Dengan itu ahli-ahli persatuan, anak-anak qaryah diharamkan menggunakannya dengan apa jua yang boleh mengembalikan faedahnya kepada ahli-ahli dan anak-anak qaryah.

(3 Julai 1986)

151. MENDAPATKAN PENJELASAN MENGENAI KES TANAH BALIK PULAU, PULAU PINANG ORIGINATING SUMMONS NO.280 TAHUN 1980

Keputusan :-

1. Di dalam kes ini Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa orang yang mendakwa dan yang kena dakwa hendaklah mendirikan 2 orang saksi atau sebarang bukti-bukti di dalam sebarang penjanjian. Oleh kerana itu Jawatankuasa Fatwa berpendapat kedua-dua pihak bersumpah dan sumpah itu tidak semestinya dimana-mana masjid yang tertentu. Sumpah itu hendaklah dengan lafaz “Wallahi, Wabillahi, Watallahi”.
2. Apabila sumpah itu telahpun dilaksanakan, maka harta itu terpulang kepada sesiapaupun yang sedang memerintah tanah itu buat masa sekarang. Sumpah itu juga hendaklah dilakukan di hadapan kadi dan jangan dilakukan di mana-mana masjid.

(3 Julai 1986)

152. SIJIL TAULIAH MENYEMBELIH LEMBU, KERBAU DAN KAMBING

Mesyuarat telah menjemput Tuan Haji Kamaruddin, Penyelia Qaryah untuk memberikan laporan mengenai perkara ini.

Keputusan :-

Setelah mendengar laporan yang disampaikan oleh Tuan Haji Kamaruddin, Jawatankuasa Fatwa telah bersetuju supaya Penyelia Qaryah Daerah Timur Laut iaitu Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Salleh memberi tunjuk ajar mengenai cara-cara menyembelih lembu, kerbau dan kambing menurut kehendak Pengarah Perkhidmatan Haiwan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

(3 Julai 1986)

153. BUKU DR. KASSIM AHMAD “HADIS SATU PENILAIAN SEMULA”

Keputusan :-

Setelah meneliti kandungan buku tersebut jawatankuasa sebulat suara berpendapat:-

1. Buku hadis satu penilaian semula yang ditulis oleh Dr. Kassim Ahmad adalah menyeleweng daripada akidah Islam. Hal ini kerana terdapat di dalamnya penulis mengingkari atau tidak mempercayai hadis Rasulullah SAW.
2. Orang-orang yang mengingkari hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan dengan sanad-sanad yang sahih adalah terkeluar daripada agama Islam.
3. Sesiapa juga yang mengingkari Sunnah adalah

hukumnya murtad. Orang-orang yang murtad wajib segera bertaubat dan hendaklah mengucap dua kalimah syahadah.

4. Orang-orang yang murtad terputus ikatan perkahwinan suami isteri, tidak sah menjadi wali perkahwinan dan tidak boleh menerima pusaka orang Islam dan mayatnya tidak boleh dikuburkan bersama-sama di dalam perkuburan Islam.
5. Pengarang buku “Hadis Satu Penilaian Semula”, mengikut pendapat Jawatankuasa Fatwa adalah seorang yang bukan ahli agama dan tidak mengetahui bahasa al-Quran dan hadis. Oleh yang demikian, Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa bersetuju meminta pihak-pihak yang berkuasa dalam negeri ini menahan pengeluarannya daripada bacaan umum dan menasihatkan orang-orang Islam di negeri ini yang memiliki buku tersebut supaya memusnahkannya atau menyerahkannya kepada Majlis Agama Islam negeri ini.
6. Jawatankuasa Fatwa juga meminta Majlis Agama Islam negeri ini supaya mendakwa pengarang buku ini di dalam Mahkamah Kadi Besar mengikut seksyen 160 (i) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang No. 3 Tahun 1959.

(3 Julai 1986)

154. PELETAKAN JAWATAN IMAM MASJID AL-TAQWA

Keputusan :-

Setelah meneliti surat peletakan jawatan tersebut berdasarkan kepada alasan yang diberikan, mesyuarat telah bersetuju supaya urusetia menulis surat kepada Setiausaha Jawatankuasa Qaryah Masjid Al-Taqwa untuk menentukan kedudukan peletakan jawatan imam ini. Perkara ini akan dibawa semula untuk diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Syariah akan datang.

(3 Julai 1986)

155. DEFINASI LEBAI

Keputusan :-

Ahli-ahli telah membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan seterusnya bersetuju supaya definasi “Lebai” itu diberikan seperti berikut :

“Lebai ertinya seseorang Islam yang belajar ilmu agama Islam atau mengajar ilmu agama Islam dan melaksanakan amalan-amalannya. Kebiasaannya seseorang lebai itu memakai kopiah putih. Adapun memakai serban itu hukumnya sunat (dikalakkan) dalam agama Islam untuk sekalian orang-orang Islam”.

(3 Julai 1986)

156. PENYERAHAN TANAH WAKAF KEPADA MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG BAGI MAKSUD JALAN SIMPANAN

Setiausaha Pembangunan telah menerangkan kedudukan perkara ini sebagaimana yang dijelaskan di dalam kertas kerja yang diedarkan kepada ahli-ahli.

Keputusan :-

Setelah membincangkannya dengan panjang lebar, mesyuarat telah bersetuju memberikan jawapan kepada soalan yang dikemukakan itu seperti berikut :

1. Majlis boleh menyerahkan tanah wakaf seluas kira-kira 1,157 kaki persegi kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang bagi tujuan pembinaan pembesaran jalan untuk kepentingan umum.
2. Bayaran ganti rugi itu ialah dalam bentuk wang tetapi ianya tidak boleh dibelanjakan oleh Majlis selain daripada untuk membeli tanah sebagai ganti tanah yang telah diserahkan kepada pihak Majlis Perbandaran itu.

(3 Julai 1986)

157. MASALAH YANG BERKAITAN DENGAN TANAH SYARIKAT

Setiausaha memaklumkan mesyuarat bahawa soalan yang dikemukakan oleh peguam bagi pihak Encik Sharif bin Osman ialah :

1. Jika seorang dicalonkan sebagai penama, bolehkah dianggap sebagai pusaka?
2. Apakah tujuan pelanggannya dicalonkan sebagai penama oleh si mati?
3. Apakah penama itu akan mewarisi harta peninggalan si mati?

Keputusan :-

Mesyuarat telah membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan bersetuju memberi jawapan kepada soalan berkenaan seperti berikut :-

1. Tanah tersebut dianggap sebagai pusaka apabila pemiliknya meninggal dunia. Seseorang yang dicalonkan sebagai penama berhak menuntut harta itu bagi pihak waris-waris si mati mengikut hukum Syarak.
2. Tujuannya ialah supaya menjadi kemudahan kepada penama untuk menuntut harta peninggalan si mati untuk dibahagikan kepada waris-waris menurut

hukum Syarak.

3. Tidak semestinya penama itu mewarisi tanah tersebut jika ianya bukan termasuk di dalam golongan waris-waris yang berhak menerima pusaka. Sekiranya ia waris, maka ia berhak menerima pusaka itu walaupun dia bukan seorang penama.

(10 Oktober 1986)

158. SOALAN DARIPADA ENCIK SALEHUDDIN BIN MOHAMED, BUTTERWORTH

Mesyuarat telah membincangkan soalan-soalan yang dikemukakan adalah seperti berikut :-

1. Apakah tekaan dan kemenangan di dalam Rancangan Tekaria T.V itu termasuk dalam kategori judi ?
2. Apakah pendapat di dalam buku “Berita Ghaib dan Alam Akhirat” itu betul atau hanya rekaan pengarang sahaja ?
3. Soalan mengenai Aqiqah.

Keputusan :-

1. Tekaian dan kemenangan di dalam Rancangan Tekaria tidak termasuk dalam kategori judi ataupun *al-qamru* disebabkan ianya tidak melalaikan. Sebaliknya ia termasuk dalam kategori hiburan. Tujuan diadakan hadiah-hadiah dalam Tekaria itu

ialah untuk melariskan barang-barang dagangan syarikat. Masalah ini adalah berdasarkan kepada masalah *sibaqul khail*.

2. Jawatankuasa berpendapat bahawa kandungan buku tersebut adalah mengelirukan dan ianya tidak termasuk dalam *aqaidul* Islam yang wajib dipercayai. Nas dari surah Yasin, ayat 81-82 :

أُولَئِكَ الَّذِينَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ يَقْدِرُ عَلَىٰ أَنْ يَخْلُقَ مِثْلَهُمْ بَلَىٰ وَهُوَ
الْخَلَّاقُ الْعَلِيمُ ﴿٨١﴾ إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

Maksudnya :

Tidakkah Tuhan yang telah menciptakan langit dan bumi berkuasa menciptakan semula manusia sebagaimana Ia menciptakan mereka dahulu? Ya! Diakui dan dipercayai berkuasa! Dan Dialah Pencipta yang tidak ada bandingan-Nya, lagi Yang Maha Mengetahui. Dan orang yang beriman serta beramal salih, merekalah ahli syurga, mereka kekal di dalamnya.

Daripada ayat ini dapatlah difahamkan, bahawa Allah menciptakan sesuatu itu tidaklah perlu kepada atur cara seperti yang tersebut dalam buku “Berita Ghaib dan Alam Akhirat” itu. Allah yang Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa bebas melakukan sesuatu. Tiada sesiapaupun yang boleh menghalangnya.

Jawapannya ialah :

- i. Aqiqah itu hukumnya sunat muakkad. Bila dinazarkan hukumnya wajib.

- ii. Orang yang bernazar aqiqah ataupun korban tidak boleh memakan daging sembelihan itu.
- iii. Anak-anak lembu yang dilahirkan selepas ibunya diniatkan aqiqah, maka ianya juga dikenakan aqiqah berdasarkan nas di dalam kitab *Tuhfah al-Muhtaj*, juzuk 9, halaman 346:

العقيقة هي سنة مؤكدة، ورد جعلت هذه اءضحية أو هذه اءضحية
فإنها تجب فيهما الحاقا لهما بالتحريم والوقف

Maksudnya :

Aqiqah itu hukumnya sunat. Seseorang yang telah berkata: Aku jadikan kambing/lembu ini korban maka niatnya itu adalah menjadi wajib. Demikianlah juga jika diniatkan kepada binatang-binatang yang boleh diaqiqahkan. Hukumnya adalah sama.

Dalam kitab *Al-Asybah Wan Nadhoir*, halaman 64 :

اما الواجب فلا يجوز الأكل منها سواء المعينة أو عما في الذمة ولا
يجوز الأكل من نذر المجازاة قطعاً

Maksudnya :

Adapun korban yang wajib maka hukumnya haram orang yang meniat itu memakannya sama ada ditentukan atas

apa yang ada pada diri binatang yang dinazarkan dan tidak harus memakan daging nazar sama sekali.

(10 Oktober 1986)

159. PEMBINAAN SEBUAH MASJID BARU DI KUALA TASEK, SEBERANG PERAI DI ATAS TAPAK TANAH PERKUBURAN

Keputusan :-

Mesyuarat telah membincangkan perkara ini dengan teliti dan bersetuju memutuskan iaitu haram membina masjid di atas tanah perkuburan yang diwakafkan. Pendapat ini adalah berdasarkan kepada Kitab *I'ana al-Tholibin*, halaman 120:

كره بناء على القبر أى فوقه والمراد في حريمه أو خارجه ولا فرق فيه
بين قبة أو بيت، أو مسجد، أو غير ذلك.

Maksudnya :

Dan haram menegakkan binaan di atas kubur (maksudnya di atasnya atau di sekitar kawasannya) dan tidak ada perbezaan tentang menegakkan binaan itu sama ada rumah, masjid, surau, madrasah atau lain-lainya.

(10 Oktober 1986)

160. MEMOHON FATWA MENGENAI ANAK ANGGAT DAN ANAK LUAR NIKAH YANG DI BIN ATAU DI BINTIKAN TIDAK MENGIKUT KEHENDAK AGAMA ISLAM

Keputusan :-

Jawatankuasa telah dan membincangkan perkara ini dengan panjang lebar telah memberikan jawapan seperti berikut :

1. Anak angkat hendaklah di bin atau di bintikan kepada nama ayahnya sendiri. Haram di bin atau di bintikan dengan nama ayah angkat kerana banyak yang melibatkan hukum Syarak.
2. Anak perempuan dari anak zina hendaklah di bintikan kepada ibunya sebelum ia baligh. Apabila ia sudah baligh terpujanglah kepada pilihannya sendiri. Nas dari surah Al-Ahzab, ayat 5 :

أَدْعُوهُمْ لِأَبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا آبَاءَهُمْ فِإِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ
وَمَوْلَايَكُمْ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَكِنْ مَا تَعَمَّدَتْ
قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٥﴾

Maksudnya :

Panggillah anak-anak angkat itu dengan nama bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Maka jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai maula-maula kamu. Dan

kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi berdosa perbuatan yang disengajakan oleh hati kamu. Dan ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim :

أنه صلى الله عليه وسلم فرق بينهما والحق الولد بالمرأة ودراء الحد نه

Maksudnya :

Sesungguhnya Nabi SAW telah menfarakkan kedua-duanya dan yang lebih berhak anak itu ialah perempuan yang melahirkan anak zina dan Rasulullah SAW telahpun melaksanakan hukum daripadanya.

3. Pihak Pusat Islam telah menetapkan perkara ini dan telahpun dilaksanakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara pada masa ini.

(10 Oktober 1986)

161. PELETAKAN JAWATAN DAN CALON BILAL MASJID TELUK BAHANG

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju menerima peletakan jawatan dan calon bilal bagi Masjid Teluk Bahang yang dikemukakan oleh Pejabat Kadi Balik Pulau, Pulau Pinang.

(10 Oktober 1986)

162. HARTA PUSAKA SI MATI KHADIJAH BINTI MYDIN

Setiausaha telah membentangkan keterangan-keterangan mengenai harta pusaka si mati untuk makluman ahli-ahli.

Keputusan :-

Setelah membincangkan dengan panjang lebar, mesyuarat telah bersetuju membuat keputusan seperti berikut :

Harta peninggalan si mati dijadikan pusaka dan hendaklah waris si mati membuat permohonan untuk mendapatkan Sijil Faraid dari mana-mana Pejabat Kadi. Wasiat yang dibuat oleh si mati adalah lulus kadar $\frac{1}{3}$ kepada Mohd Ali daripada jumlah pusaka.

(10 Oktober 1986)

163. PINJAMAN WANG KERAJAAN

Setiasaha memaklumkan bahawa soalan yang dikemukakan ialah sama ada pinjaman perumahan dan kenderaan dari wang kerajaan itu termasuk dalam riba?

Keputusan :-

Jawapan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Syariah mengenai soalan itu ialah :

Pinjaman kerajaan adalah hukumnya riba. Memandangkan kepada kemudahan ini telahpun diberi untuk pegawai-pegawai yang berjawatan rendah dan faedah yang dipungut oleh pihak kerajaan adalah kecil jika dibandingkan dengan institusi-institusi kewangan yang lain dan jika bayaran lebih dikenakan untuk tujuan pengurusan, maka ianya diharuskan. Tetapi jika atas nama faedah hukumnya tetap haram (riba).

(10 Oktober 1986)

164. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAIKI MASJID DARI WANG KERAJAAN

Keputusan :-

Jawatankuasa Syariah berpendapat bahawa wang kerajaan adalah halal. Amalan ini telah dilakukan sejak zaman kerajaan Islam yang dahulu lagi. Berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Omar r.a:

وروى عن عمر رضي الله عنه النبي صلى الله عليه وسلم قال من
أعطى شيئاً من غير مسألة فإنما هو رزقه الله إليه

Maksudnya :

Sesiapa yang diberi sesuatu tanpa dimintanya maka sesungguhnya itu rezeki yang dikurniakan Allah kepadanya.

Hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Ali pula :

وروى عن علي بن أبي طالب رضي الله عنه أنه قال : أن
السلطان يصيب من الحلال والحرام

Maksudnya :

Pemerintahlah yang memperolehi ekonomi daripada halal dan haram.

(10 Oktober 1986)

165. MENENTUKAN QARYAH DAN FITRAH BAGI PENGHUNI-PENGHUNI TAMAN KOSKAM, SEBERANG PERAI UTARA

Setiausaha telah membentangkan permohonan penghuni-penghuni Taman Koskam supaya jawatankuasa ini dapat menentukan qaryah dan kawasan Fitrah mereka. Setiausaha juga telah membentangkan pelan yang menunjukkan kedudukan Taman Koskam.

Keputusan :-

Ahli-ahli telah membincangkan perkara ini dengan teliti dan seterusnya memutuskan bahawa Taman Koskam termasuk dalam Qaryah Kampung Banggol.

(10 Oktober 1986)

166. PERSOALAN MENGENAI MASJID LAMA DARI SUDUT HUKUM SYARAK

Setiausaha telah membacakan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Pengerusi Qaryah Masjid Pongsu Seribu dan jawapan bagi setiap soalan itu adalah seperti berikut:

1. Bolehkah seluruh kawasan balai lintang dijadikan sekolah agama ?
2. Adakah boleh batu-bata masjid lama yang diruntuh dimasukkan ke dalam tapak masjid baharu ?

3. Bolehkah segala kayu-kayu masjid lama yang diruntuh dijadikan bangsal untuk menyimpan peralatan masjid ?
4. Adakah boleh masjid lama dikekalkan sebagai masjid untuk memberi kemudahan kepada orang yang lalu lalang bersembahyang? Setelah masjid baharu siap, didirikan sembahyang waktu dilakukan dua waktu iaitu zohor dan asar di masjid lama dan tiga waktu di masjid baharu. Di masjid lama juga digunakan untuk tempat belajar agama. Sembahyang Jumaat dilakukan di masjid baharu setelah siap pembinaannya.
5. Bolehkah digunakan dua masjid bagi satu qaryah, sembahyang dilakukan secara bergilir-gilir ?
6. Apakah hukumnya masjid lama diroboh dan bahan-bahan dimasukkan ke dalam tapak masjid baru, dan adakah pegawai-pegawai yang terlibat dalam masjid ini akan didakwa di akhirat nanti sebagai orang yang berdosa?
7. Adakah boleh wang yang dikutip untuk binaan masjid lama digunakan kepada masjid baharu (pemberian kerajaan) yang akan didirikan?
8. Adakah amal jariah yang dilakukan oleh orang yang terdahulu di dalam masjid yang uzur dirobohkan dan dimasukkan ke dalam masjid baharu bantuan kerajaan akan terputus hubungan amal jariah mereka setakat itu sahaja?

Keputusan :-

1. Balai Lintang dikira masjid. Jikalau dijadikan sekolah agama, banyak persoalan-persoalan nanti timbul. Umpamanya murid-murid perempuan yang datang haid dan orang-orang yang berjunub diharamkan masuk ke dalamnya.
2. Boleh, memang begitulah diharapkan oleh syariat Islam supaya jangan terputus amal jariah orang-orang tua yang terdahulu. Segala batu-bata dan lain-lain perkakas yang boleh digunakan dalam masjid yang hendak didirikan hendaklah digunakan.
3. Kayu-kayu yang tidak boleh digunakan dalam masjid yang baharu hendaklah disimpan baik-baik dan tidak boleh dijual. Tetapi boleh digunakan sebagai bangsal untuk menyimpan peralatan masjid.

Nas dari kitab *Al-Mahalli*, juzuk 3, halaman 108 :

(ولو انهدم مسجد) أى وتعذرت الصلاة فيه لخراب ما حوله مثلا
(وتعذرت اعادته) أى بنقضه ثم أن رجى عوده حفظ نقضه وجوبا ولو
بنقله إلى محل آخر أن خيف عليه لو بقى موللحاکم خدمه ونقل بنقضه
إلى محل أمين أن خيف على أخذه لو لم يهدم فإن لم يرج عوده بنى به
مسجداً آخر

Maksudnya :

Jikalau masjid hampir runtuh, yakni tidak boleh didirikan

sembahyang di dalamnya, kerana runtuh bangunan di sekelilingnya itu hendaklah dirobohkan dan barang-barang yang dipecahkan itu hendaklah dipelihara dan bolehlah dipindahkan barang-barang runtuhan itu kepada tempat yang selamat. Jika ditakuti bahaya jika tidak diruntuhkannya maka pemerintah bolehlah mengeluarkan arahan untuk meruntuhkan masjid yang sudah uzur dan memindahkan barang-barangnya ke tempat yang paling selamat. Jika takut dicuri oleh orang kalau tidak diruntuhkan dan jika tidak berhajat untuk mengambilnya maka dibina padanya masjid yang baharu.

4. Soalan ini tidak dijawab kerana telah dipersetujui oleh jawatankuasa masjid untuk meruntuhkannya iaitu tiada lagi bangunan masjid lama.
5. Sama seperti jawapan (4) di atas.
6. Jawatankuasa dan Pegawai Masjid tidak didakwa di akhirat sebab pahala wakaf itu berpanjangan kerana alat-alat lama telah dimasukkan dalam asas pembinaan masjid baharu.
7. Wang pungutan untuk masjid lama boleh digunakan bersama dengan wang kerajaan bagi membina masjid yang baharu.
8. Amal jariah orang-orang yang terdahulu tidak terputus kerana batu bata dan lain-lain lagi dalam

masjid lama dimasukkan dalam masjid baharu. Nas dari Kitab *Nihayah az-Zain*, halaman 273, cetakan Dar al-Fikr.

فلو أن شخصاً أراد عمارة جامع خرب بألة جديدة غير آتته ورآى المصلحة في جعل بابيه من محل آخر غير المحل الأول لكونه بجواز من يمنع الانتفاع به على الوجه المعتاد جازله ذلك، لأن فيه مصلحة: أى مصلحة للجامع والمسلمين.

Maksudnya :

Jikalau berkehendak oleh masyarakat meruntuhkan keseluruhan masjid dan diganti dengan alat-alat yang baharu dan tidak menggunakan alat-alat yang lama, hendaklah dilihat pada masalah dan menjadikan pintunya di tempat yang lain, tidak pada tempat yang pertama supaya keadaannya berhampiran daripada mereka yang menegakkan mengambil manfaat dengannya atas jalan yang biasa. Haruslah baginya kerana padanya itu ada faedah, yakni faedah untuk keseluruhan umat-umat Islam.

(21 November 1986)

167. MEMBESARKAN MASJID BAGAN JERMAL, BUTTERWORTH

Setiausaha telah membentangkan permohonan dari Setiausaha Masjid Bagan Jermal untuk membesarkan masjid yang ada kerana tidak dapat lagi menampung jemaah yang kian bertambah.

Keputusan :-

Mesyuarat telah bersetuju meluluskan permohonan membesarkan Masjid Bagan Jermal, Butterworth berdasarkan nas dari kitab *Bughiah al-Mustarsyidin*, halaman 67 :

يجوز توسع المسجد وتغيير بنائه بنحو وقفه للحاجة بشرط أذن
الناظر من جهة الوفق ثم الحاكم الأهل

Maksudnya :

Diharuskan memperbesarkan masjid atau mengubahkan binaannya untuk keperluan jemaah dengan syarat mendapat keizinan daripada pihak-pihak yang mentadbirkan wakaf dan juga pemerintah.

(21 November 1986)

168. MENGERJAKAN HAJI DENGAN WANG PAMPASAN KEMALANGAN JALAN RAYA ANAKNYA

Seorang bapa telah mengerjakan haji dengan wang pampasan kemalangan jalan raya anaknya, apakah sah hajinya?

Keputusan :-

Sah hajinya itu jika wang yang digunakan itu dari pusaknya kerana bapa adalah termasuk dalam senarai waris-waris. Jika si mati itu tidak mempunyai anak, bapa berhak mendapat 1/3 bahagian dan jika si mati itu mempunyai anak, maka bapanya akan mendapat habuan 1/6. Nas terdapat di dalam kitab *I'anaḥ al-Tholibin*, juzuk 4, halaman 97 :

اطيب ما يأكل الرجل من كسبه، وولده من كسبه، فكلوا من أموالهم.

Maksudnya :

Sebaik-baik barang yang dimakan oleh seorang lelaki ialah daripada usahanya dan usaha anak-anaknya seperti usahanya sendiri. Maka makanlah oleh kamu daripada harta mereka itu.

(21 November 1986)

169. CAMPURAN UBAT HOMEOPATI MENGANDUNGI ALKOHOL

Terdapat ubat homeopati untuk menyembuhkan sakit kepala, campuran ubat itu mengandungi 1/1000 alkohol, apakah hukum sama ada halal atau haram dimakan ubat itu ?

Keputusan :-

Ubat-ubatan yang ada kandungan alkohol yang sedikit adalah harus dan boleh dimaafkan untuk dijadikan ubat. Berdasarkan nas dari kitab *Al-Asybah Wan Nadhoir*, halaman 90 :

تخفيف ترخيص كصلاة المستجمر مع بقية النحو وشرب الخمر للغصة
وأكل النجاسة للتداوي.

Maksudnya :

Bagi keringanan dan kemudahan seperti sembahyang orang yang beristinjak dengan batu serta ada tempat yang bersih dan meminum arak kerana mengkelan dan memakan benda-benda najis kerana perubatan.

(21 November 1986)

170. AJARAN RATIB KUAT

Keputusan-:

Mesyuarat telah membincangkan perkara ini dan bersetuju memberikan jawapan seperti berikut:

1. Zikir yang dibuat secara berkumpulan yang diamalkan sekarang ini tidak terdapat pada zaman Rasulullah, zaman sahabat dan zaman tabiin. Walaupun demikian zikir secara berseorangan atau berkumpulan adalah digalakkan dan sunat hukumnya sama ada secara kuat atau perlahan. Jawatankuasa Syariah menasihatkan supaya kumpulan ini jangan berzikir sampai mengganggu ketenteraman orang lain.
2. Pengajaran zikir hendaklah menurut ajaran-ajaran daripada syeikh-syeikh tarekat yang muktabar.
3. Lelaki dan perempuan hendaklah diasingkan dalam masa zikir. Jika tidak, adakan tabir untuk memisahkan di antara lelaki dan perempuan.

(21 November 1986)

171. TAKRIF SURAU DARI HUKUM SYARAK

Apakah takrif surau dari hukum Syarak ?

Keputusan:-

Surau adalah tempat melakukan ibadat sembahyang yang tidak didirikan sembahyang Jumaat di dalamnya.

(21 November 1986)

172. HUKUM PERBUATAN SUNAT DI DALAM MASJID

Adakah sampai sama dengan taraf masjid pada segi disunatkan sembahyang tahiyatul masjid ketika memasukinya, disunatkan iktikaf di dalamnya dan dilarang wanita yang sedang haid berada di dalamnya?

Keputusan:-

Tidak ada sembahyang sunat tahiyatul masjid di surau dan tidak ada iktikaf di dalamnya. Tidak dilarang wanita-wanita yang sedang berhaid berada di dalamnya. Nas dari Kitab *I'annah al-Tholibin*, juzuk 2, halaman 259:

واعلم ان الجامع وهو ما تقام فيه الجمعة

Maksudnya :

Dan ketahuilah bahawa yang dinamakan masjid itu ialah tempat yang didirikan padanya sembahyang Jumaat.

(21 November 1986)

173. MERUNTUHKAN MASJID LAMA

Adakah boleh diruntuhkan bangunan masjid lama yang uzur yang boleh mendatangkan bahaya kepada orang ramai?

Keputusan:-

Kayu-kayu yang tidak boleh digunakan dalam masjid yang baharu hendaklah disimpan baik-baik dan tidak boleh dijual. Tetapi boleh digunakan sebagai bangsal untuk menyimpan peralatan masjid.

Nas dari kitab *Al-Mahalli*, juzuk 3, halaman 108 :

(ولو انهدم مسجد) أى وتعذرت الصلاة فيه لخراب ما حوله مثلا
(وتعذرت اعادته) أى بنقضه ثم أن رجى عوده حفظ نقضه وجوبا
ولو بنقله إلى محل آخر أن خيف عليه لو بقى مولحاكم خدمه ونقل
بنقضه إلى محل أمين أن خيف على أخذه لو لم يهدم فإن لم يرج
عوده بنى به مسجدا آخر

Maksudnya :

Jikalau masjid hampir runtuh, yakni tidak boleh didirikan sembahyang di dalamnya, kerana runtuh bangunan di sekelilingnya itu hendaklah dirobuhkan dan barang-barang yang dipecahkan itu hendaklah dipelihara dan bolehlah dipindahkan barang-barang runtuhan itu kepada tempat yang selamat .Jika ditakuti bahaya jika tidak diruntuhkannya maka pemerintah bolehlah mengeluarkan arahan untuk meruntuhkan masjid yang sudah uzur dan memindahkan barang-barangnya ke tempat yang paling selamat. Jika takut dicuri oleh orang kalau tidak diruntuhkan dan jika tidak berhajat untuk mengambilnya maka dibina padanya masjid yang baharu.

(21 November 1986)

174. MUZAKARAH FATWA KEBANGSAAN

Keputusan-:

Mesyuarat telah bersetuju menerima dan memperakui keputusan Muzakarah Fatwa Peringkat Kebangsaan mengenai perkara-perkara berikut:

1. Garis panduan kepada Jabatan Pendaftaran Negara.
2. Penglibatan orang-orang bukan Islam dalam penulisan/penjualan ayat-ayat al-Quran.

3. Mazhab-mazhab yang muktabar dalam Islam.
4. Ajaran Baha'i dan pergerakannya di Malaysia.
5. Laporan kedudukan Tarikat Naqsyabandiah Prof. Kadirun Yahya.
6. Konsep dan kedudukan Mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah dalam pentadbiran Islam di Malaysia.
7. Garis panduan pantang larang orang-orang yang bukan Islam terhadap hubungannya dengan masyarakat Islam.
8. Al-Fatihah dan bentuk-bentuk qiraat yang dibolehkan dalam sembahyang.
9. Hukum alkohol.

(21 November 1986)

175. PELETAKAN JAWATAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI MASJID

1. Jawatan Imam daripada Lebai Yahaya bin Din, Masjid Bukit Minyak Dalam.
2. Jawatan Imam daripada Encik Mat Rashid bin Ahmad, Masjid Kampung Setol.
3. Jawatan Bilal daripada Encik Hamzah bin Othman, Masjid Permatang Binjai, Penaga.

Keputusan-:

Mesyuarat telah membincangkan perkara ini dan bersetuju menerima peletakan jawatan pegawai-pegawai masjid di atas. Qaryah-qaryah berkenaan diminta menghantar nama-nama untuk ditemu duga pegawai-pegawai pengganti.

(21 November 1986)

176. MEMINDAHKAN KUBUR-KUBUR DI ATAS LOT 13 T.S. 6 NED PULAU PINANG UNTUK DIDIRIKAN RUMAH-RUMAH

Setiausaha telah membentangkan soalan yang dikemukakan oleh Syarikat Peguam Mohideen Abdul Kader bagi pihak pelanggannya mengenai perkara di atas.

Keputusan-:

Ahli-ahli telah membincangkan perkara ini dan seterusnya membuat keputusan seperti berikut :

1. Jika tidak ada syarat-syarat supaya kubur itu dikekalkan untuk diziarahi oleh waris-waris, maka hukumnya harus dipindahkan kubur itu ke tempat lain kerana ianya terlibat di dalam pembangunan yang dirancang. Kubur-kubur yang ada itu 2 kaki di atas bolehlah disamakan dan 2 kaki ke bawah itu hendaklah dikorek dan tanahnya itu hendaklah

dimasukkan ke dalam keranda untuk ditanam di perkuburan orang Islam yang lain.

Berdasarkan keterangan dalam kitab *Mughni Al-Muhtaj* juzuk 1, halaman 378:

أما بعد البلى عند أهل الخبرة فلا يحرم نبشه بل يحرم عمارته وتسوية
التراب عليه إذا كان في مقبرة مسبلة لئلا يمتنع الناس من الدفن فيه
لظنهم بذلك عدم البلى

Maksudnya :

Sesudah mayat yang ditanam dari perkuburan itu hancur pada orang-orang yang mengetahui kedudukannya maka tidaklah haram mengorek kuburnya. Tetapi haram membuat pembangunan dan meratakan tanah di atasnya jika kubur itu ditentukan. Supaya tidak menegah manusia menanam mayat di dalamnya kerana tidak pasti ketiadaan hancur mayat yang ditanam di dalamnya.

2. Jawatankuasa Fatwa berharap supaya Yang di Pertua Majlis Agama Islam dapat mengarahkan mana-mana Kadi Daerah yang permohonan kini di bawah pentadbirannya untuk mengawasi pemindahan perkuburan itu.

(26 Disember 1986)

177. KEMUSYKILAN – SURAU/AMAL JARIAH

Setiausaha telah menerangkan kedudukan perkara ini berpandu kepada surat yang ditulis oleh Encik Hassan bin Abdul Latiff.

Keputusan:-

Mesyuarat telah membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan seterusnya bersetuju untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan seperti berikut :

1. Bolehlah dirobohkan surau yang didirikan oleh Jawatankuasa Surau/ Amal Jariah oleh kerana surau yang ada itu adalah merupakan jariah (pinjaman semata-mata).
2. Pembinaan surau tersebut adalah merupakan usaha gotong-royong orang-orang Islam di kawasan tersebut dan ianya bukan wakaf atau amal jariah.
3. Berkenaan dengan pahala, terpulanglah kepada Allah SWT menurut niat orang-orang yang menderma atau bersedekah.
4. Perkakas-perkakas dan batu-bata yang masih kukuh bolehlah digunakan untuk bangunan yang baharu dan jika tidak boleh digunakan untuk pembinaan baharu, bolehlah dijual dan wang didapati daripada penjualan itu hendaklah dimasukkan dalam

pembinaan surau yang baharu.

5. Tawaran yang dibuat oleh Pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang hendaklah diterima oleh Jawatankuasa Surau yang tersebut kerana mengelak daripada syubhah.
6. Tidak sah mendirikan surau di atas tanah kepunyaan orang lain dengan tidak mendapat keizinan daripada tuannya berdasarkan hadis Ibnu Hibban dan Ibnu Majjah.

عن النبي صلى الله عليه وسلم، إنما البيع عن تراض

Maksudnya :

Jual beli itu hanyalah dengan kerelaan. Di dalam hal ini dikira seperti jual beli.

7. Tempat simpan basikal yang dijadikan surau itu adalah hak semua penghuni perumahan yang tersebut yang terdiri daripada Melayu, Cina, India dan lain bangsa. Oleh yang demikian, merobohkan adalah lebih baik kerana mengelak daripada syubhah.

(26 Disember 1986)

178. KEDUDUKAN ENCIK KASSIM AHMAD PENGARANGBUKU“HADISSATUPENILAIAN SEMULA”

Setiausaha telah membacakan soalan yang diterima daripada Persatuan Ulama Malaysia mengenai kedudukan Encik Kassim Ahmad ,pengarang buku” Hadis Satu Penilaian semula.“

Keputusan:-

Setelah berbincang, mesyuarat telah bersetuju menjawab soalan yang dikemukakan seperti berikut: -

1. Memang benar Jawatankuasa Syariah yang bersidang pada 3hb Julai 1986 telah mengeluarkan fatwa iaitu orang-orang yang tidak mempercayai hadis hukumnya terkeluar daripada Islam dan tindakan awal pihak Majlis Agama Islam ialah mengeluarkan surat pekeliling kepada masjid-masjid di seluruh Negeri Pulau Pinang memberitahu kedudukan orang-orang yang tidak mempercayai hadis.
2. Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang akan menghantar seorang pegawai agama untuk menemui dan berbincang dengan saudara Kassim Ahmad. Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri ini adalah sama seperti` keputusan yang dibuat kebanyakan Mufti di Malaysia.
3. Majlis Agama Islam tidak berhajat untuk mendakwa

saudara Kassim Ahmad ke mahkamah oleh kerana ditakuti menimbulkan fitnah yang lebih mencabar lagi.

4. Saudara Kassim sekarang telah menunaikan fardu Jumaat di masjid dalam qaryahnya.

(26 Disember 1986)

179. HARTA PUSAKA MOHD FADHIL GUNALAN BIN AHMAD

Menurut setiausaha, Puan Yamuna telah merayu kepada Majlis ini supaya beliau mendapat sebahagian harta yang ditinggalkan anaknya yang telah mati. Untuk makluman ahli-ahli, si mati telah memeluk agama Islam semasa hayatnya tanpa pengetahuan ibunya. Alasan yang diberikan ialah beliau telah uzur dan memerlukan bantuan memandangkan semasa hayatnya si mati sering membantu beliau dari segi kewangan.

Keputusan:-

Perkara ini telah dibincangkan oleh mesyuarat dengan panjang lebar dan seterusnya mesyuarat telah membuat keputusan seperti yang berikut :-

Rayuan yang dibuat oleh Puan Yamuna a/p Sivasamy tidak dapat dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Syariah

yang bersidang pada hari ini oleh kerana beliau adalah berlainan agama. Tetapi Jawatankuasa ini berpendapat Baitulmal bolehlah menimbangkan satu pemberian sebagai sagu hati kepada ibunya kerana jikalau si mati ini masih hidup, dia wajib menanggung nafkah ibunya walaupun ibunya tidak beragama Islam.

Keterangan dari surah *Al-Mumtahanah*, ayat 8 :

لَا يَنْهَىٰكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ
وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

Maksudnya :

Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agamamu, dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihani orang yang berlaku adil.

(26 Disember 1986)

180. PERMOHONAN SURAU TAMAN BROWN / TAMAN TUN SARDON DIJADIKAN MASJID JAMEK DAN MENGADAKAN SEMBAHYANG JUMAAT

Permohonan untuk menjadikan Surau Taman Brown sebagai Masjid Jamek yang dikemukakan oleh Setiausaha Majlis sebagai mewakili Jawatankuasa Qaryah Masjid Jamek Sungai Gelugor telah dibentangkan oleh setiausaha kepada ahli-ahli.

Keputusan-:

Setelah meneliti dan mengkaji permohonan yang dibentangkan oleh setiausaha itu, mesyuarat telah bersetuju membuat keputusan berikut :-

Jawatankuasa Fatwa telah bersetuju meluluskan surau dijadikan masjid kerana memikirkan pertambahan penduduk dan pembangunan di kawasan Taman Brown adalah begitu pesat, maka Jawatankuasa Fatwa telah bersetuju menaikkan tarafnya menjadi Masjid Jamek di Taman Brown dijadikan satu qaryah. Jawatankuasa Fatwa juga meminta Majlis Agama Islam Negeri ini supaya menentukan sempadan qaryah masjid tersebut. Keputusan ini dibuat berdasarkan keterangan dari kitab *Mursyidul Allam*, juzuk 2, halaman 48 :

لو تعددت مواضع متقاربة وتميز كل باسم فللكل حكمه وقوله (فللكل حكمه) أي فللكل مواضع من هذه المواضع حكم مختص به

Maksudnya :

Jikalau didapati berbilang-bilang qaryah yang berdekatan dan tiap-tiap qaryah itu ada namanya masing-masing, maka tiap-tiap qaryah itu ada hukumnya yang tertentu.

(26 Disember 1986)

181. BAYARAN 1/8 DARIPADA KUTIPAN ZAKAT BAHAGIAN AMIL KEPADA KIRA-KIRA PENTADBIRAN

Setiausaha memaklumkan bahawa Bahagian Zakat dan Fitrah Majlis Agama Islam Pulau Pinang telah mengemukakan soalan sama ada bayaran 1/8 bahagian amil daripada kutipan zakat dapat diberikan kepada Kira-Kira Pentadbiran memandangkan bahagian pentadbiran Majlis ini telah bertindak sebagai amil kerana Majlis tidak melantik amil-amil untuk membuat pungutan zakat.

Keputusan:-

Ahli-ahli telah membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan seterusnya telah membuat keputusan berikut: -

Pentadbiran yang memungut zakat di Majlis ini bukanlah dikira sebagai amil kerana mereka adalah diberi gaji. Oleh kerana itu habuan amil itu hendaklah dimasukkan ke dalam 7 asnaf yang ada supaya asnaf-asnaf yang tujuh itu dapat menghabiskan dan berkembang. Majlis bolehlah mengambil dari bahagian asnaf *fi sabilillah* untuk pentadbiran. Keputusan ini berdasarkan keterangan dalam kitab *Mursyidul Allam*, juzuk 2, halaman 162 :

فإن عدم صنف منهم أو فضل عن كفايته شيء رد نصيب ذلك
الصنف أو الفاضل عنه على الباقيين أن نقص نصيبهم عن كفايتهم

Maksudnya :

Maka jika tidak didapati habuan mereka itu atau lebih dari menghabisinya sesuatu hendaklah dikembalikan habuan mereka itu kepada asnaf yang lain atau apa yang lebih daripadanya atas yang tinggal. Jika kurang habuan mereka itu daripada menghabisinya.

(26 Disember 1986)



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 1987**

**182. MENGESAHKAN SEMPADAN QARYAH
MASJID AT-TAQWA, TAMAN BROWN, PULAU
PINANG**

1. Mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang telah bersidang pada 26.12.86 telah bersetuju membenarkan diadakan sembahyang Jumaat di Surau Taman Brown/Taman Tun Sardon (Minit 4.v.5) Majlis Agama Islam Pulau Pinang telah juga bersetuju surau berkenaan dinaikkan taraf jadi Masjid Jamek dengan nama Masjid At-Taqwa, Taman Brown.
2. Dalam satu perjumpaan yang diadakan di bilik mesyuarat Jabatan Hal Ehwal Agama Pulau Pinang pada 22.7.87 yang dihadiri oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama, Pulau Pinang, Jawatankuasa Qaryah Masjid At-Taqwa, Taman Brown; wakil bagi ketiga-tiga belah pihak bersetuju dengan keputusan Jawatankuasa Syariah yang direstui oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang meluluskan kenaikan taraf surau berkenaan menjadi Masjid Jamek dan telah juga bersetuju dengan sempadan kawasan Qaryah Masjid At-Taqwa Taman Brown. Rujuk catitan Persetujuan dalam Perjumpaan: Bil. (64) dlm. MUIPP.5.011).
3. Jawatankuasa Qaryah Masjid At-Taqwa telah mengemukakan kepada Majlis pelan bagi kawasan

qaryah masjid berkenaan seperti yang dikehendaki oleh Majlis Agama Islam, Pulau Pinang. Rujuk Bil. (70 dlm .MUIPP.5.011). Setiausaha Majlis Agama Islam Pulau Pinang mengemukakan pelan tersebut untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah menurut seperti yang dikehendaki dalam mesyuarat yang lalu.

Keputusan-:

Jawatankuasa Syariah bersetuju mengesahkan kawasan Qaryah Masjid At-Taqwa menurut pelan yang dikemukakan.

(26 Oktober 1987)

183. MEMPERAKUKAN CADANGAN PEMBINAAN DAN MENGESAHKAN PELAN MASJID BANDAR SEBERANG JAYA, SEBERANG PERAI TENGAH

1. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Negeri Pulau Pinang telah bersetuju pada dasarnya supaya masjid-masjid baharu didirikan di kawasan-kawasan perbandaran baharu iaitu Bandar Seberang Jaya dan Bandar Bayan Baru untuk kepentingan masyarakat Islam di kawasan tersebut menjalankan ibadat dan lain-lain kegiatan bercorak agama.
2. Kerajaan Persekutuan melalui Pejabat Kewangan

Negeri telah bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak \$700,000.00 manakala Kerajaan Negeri pula sebanyak \$800,000.00 untuk melaksanakan projek pembinaan Masjid Bandar Seberang Jaya bagi tempoh 1987/1988. Jumlah perbelanjaannya dianggarkan sebanyak \$1.5 juta. Di samping itu, masyarakat setempat juga telah membuat kutipan wang sejumlah \$100,000.00 lebih bagi menampung perbelanjaan yang diperlukan.

3. Arkitek Perunding iaitu Arkitek Permata telah dilantik bagi menyediakan pelan projek. Pihak arkitek telahpun menyiapkan pelan projek dan pada dasarnya Jawatankuasa Pembinaan Masjid Bandar Seberang Jaya telah bersetuju menerima cadangan pelan yang disediakan itu.
4. Untuk makluman Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah, cadangan pelan tersebut juga telah dibentangkan dan dibincang bersama dengan Yang Berbahagia Datuk Mufti dengan dihadiri oleh wakil J.K.R Negeri dan arkitek projek pada 23hb Julai 1987 bagi mengkaji dan meneliti konsep pelan dan penyesuaiannya terutama dari segi hukum Syarak. Perbincangan tersebut telah memperakukan pelan projek tersebut dengan beberapa pindaan dan penyesuaian dibuat ke atasnya, iaitu seperti berikut :

- i. Tempat laluan utama (*main entrance*)

diperbesarkan.

- ii. Kedudukan tandas dan bilik mengambil air sembahyang lelaki dan perempuan hendaklah ditempatkan berasingan dan bukan bersebelahan. Kedudukan pintu-pintu masuk juga perlu diubahsuai supaya tidak terletak di sepanjang tempat laluan utama.
 - iii. Khutub Khanah dipindahkan ke tingkat atas (*mezanine floor*).
 - iv. Tempat sembahyang jemaah perempuan hendaklah disediakan dengan menyediakan pemidai kain di ruang sudut dewan sembahyang. Pemidai kain ini boleh ditarik ke tepi apabila semua ruang masjid itu hendak digunakan bagi jemaah lelaki.
5. Jawatankuasa Syariah, Majlis Agama Islam Pulau Pinang dengan ini diminta :
- i. Memperakukan cadangan untuk membina Masjid Bandar Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah.
 - ii. Mengesahkan pelan projek Masjid Bandar Seberang Jaya sepertimana yang telah disediakan oleh arkitek perunding yang dilantik.

Keputusan-:

Mesyuarat bersetuju memperakukan cadangan membina Masjid Seberang Jaya. Mengenai pelan projek Masjid Bandar Seberang Jaya, Jawatankuasa Syariah mencadangkan beberapa pindaan dan penyesuaian yang perlu dibuat seperti berikut:

1. Tandas hendaklah berada di luar dan berasingan dengan bangunan masjid.
2. Tempat sembahyang untuk jemaah perempuan hendaklah diletak di bahagian belakang.

(26 Oktober 1987)

184. PERMOHONAN FATWA MENGENAI PEMBAIKAN MASJID KAPITAN KELING

Setiausaha pembangunan Majlis Agama Islam memohon fatwa daripada Jawatankuasa Syariah mengenai:

1. Keseluruhan genting-genting bumbung lama akan dikeluarkan. Mana-mana bahagian genting yang elok akan dipakai semula untuk bumbung tandas baharu dan bumbung tempat laluan (kaki lima).
2. Perkakas-perkakas bumbung yang reput dan rosak akan dikeluarkan dan digantikan dengan perkakas-perkakas bumbung yang baharu. Mana-mana bahagian perkakas

bumbung yang elok akan terus digunakan.

3. Bangunan tandas lama akan dirobohkan dan digantikan dengan bangunan tandas yang baharu.
4. Memohon fatwa mengenai penggunaan :
 - i. Sebahagian besar genting-genting bumbung yang rosak yang tidak akan digunakan lagi.
 - ii. Penggunaan perkakas-perkakas kayu, batu batan (hardcone) yang tidak akan digunakan lagi.
 - iii. Perkakas-perkakas kayu batu batan (hardcone) tandas yang dirobohkan.

5. Mengubahsuai ketinggian kolah masjid :

Saiz asal: Kolah A : 20' 9" x 20' 8" x 1' 10"
 Kolah B : 16' 8" x 20' 8" x 2' 0"

Ketinggian baharu dicadangkan : 1' 6"

Keputusan-:

Majlis bersetuju dengan cadangan pembaikan Masjid Kapitan Keling dan mengeluarkan fatwa sebagai berikut :-

1. Harus dikeluarkan keseluruhan genting-genting/

bumbung lama dan menggunakan mana-mana yang boleh dipakai untuk bumbung tempat laluan (kaki lima) dan bumbung tandas baharu.

2. Bangunan tandas lama bolehlah dirobohkan dan digantikan dengan bangunan tandas yang baharu.
3. Mana-mana perkakas yang rosak yang tidak boleh digunakan lagi bolehlah dibuang.
4. Jika perkakas-perkakas yang tidak dipakai lagi, laku dijual, bolehlah dijual dan wangnya dimasukkan balik menjadi harta masjid.
5. Majlis bersetuju dengan pengubahsuaian kolah masjid dari ketinggian kolah A: 1'10" dan kolah B: 2'0" kepada ketinggian kedua-dua kolah 1'6".

Mesyuarat mencadangkan diadakan dua saluran paip untuk memasukkan air bagi tiap-tiap kolah.

(26 Oktober 1987)

185. PEMBERIAN TAULIAH MENGAJAR AGAMA KEPADA NAIB-NAIB KADI TANPA TEMU DUGA

1. Persatuan Naib-Naib Kadi Pulau Pinang dalam keputusan Mesyuarat Agungnya memohon kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang supaya naib-naib kadi yang belum lagi memiliki tauliah mengajar agama diberi tauliah tersebut tanpa temu duga.

2. Sahibul Fadilah Tuan Kadi Besar, Pulau Pinang telahpun menyokong permohonan persatuan ini. Rujuk: Bil.(80 dlm.JUPP.895 Jld.33); dengan alasan bahawa tiap-tiap seorang naib kadi telahpun ditemu duga mengenai ilmu agama lebih dari peringkat guru agama dan secara langsung seseorang naib kadi itu adalah juga guru agama bagi kawasan yang ditauliahkan sebagai naib kadi.
3. Permohonan ini dikemukakan untuk mendapat kelulusan Jawatankuasa Syariah.

Keputusan:-

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju meluluskan permohonan Persatuan Naib-Naib Kadi, Pulau Pinang supaya naib-naib kadi yang belum memiliki tauliah mengajar agama diberikan tauliah tersebut tanpa temu duga.

(26 Oktober 1987)

186. MENGADAKAN TEMPAT SEMBAHYANG SEMENTARA DI HALAMAN DEPAN MASJID

Keputusan:-

1. Jawatankuasa Syariah bersetuju dengan permohonan tersebut dan membenarkan diadakan tempat sembahyang sementara dan mengadakan sembahyang Jumaat dan jemaah seperti yang dipohon.

2. Kebenaran diberi berdasarkan nas-nas yang sama dan keputusan Jawatankuasa Syariah yang lalu (2/86:25hb. Syaaban 1406 = 8hb. Mei 1986 perkara 5).

187. MENGADAKAN SEMBAHYANG JUMAAT DI SURAU KAMPUNG KIJANG

Keputusan:-

Jawatankuasa Syariah bersetuju membenarkan diadakan sembahyang Jumaat di Surau Kampung Kijang seperti yang dipohon.

(26 Oktober 1987)

188. FATWA MENGENAI NAJIS BABI

Pegawai Daerah, Seberang Perai Utara dalam suratnya PDPSU/MPSP/17 (19) bertarikh 30hb Julai 1987 menyatakan.

1. Sebuah jawatankuasa khas telah dibentuk untuk mengkaji masalah pencemaran air di Sungai Kerek akibat daripada ternakan babi di Kampung Selamat, Tasek Gelugor.
2. Pegawai daerah bagi pihak jawatankuasa tersebut ingin mendapatkan fatwa mengenai pencemaran air di Sungai Kerek itu.

3. Tujuannya mendapat fatwa itu ialah untuk memastikan secara sah tentang kebersihan air di sungai tersebut yang digunakan untuk keperluan harian oleh penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Keputusan-:

Setelah berbincang dengan panjang lebar mengenai air di Sungai Kerek itu Jawatankuasa Syariah berpendapat :

1. Air di Sungai kerek yang datang dari tempat ternakan babi di Kampung Selamat, pada masa ini dalam keadaan amat mencemaskan penduduk-penduduk yang beragama Islam di kawasan tebing Sungai Kerek dan sawah padi yang sampai air itu.
2. Dalam keadaan sekarang pun, semasa lawatan dibuat dalam bulan Julai 1987 keadaan air yang datang dari tempat ternakan babi, walaupun bercampur dengan air Sungai Kerek yang mengalir dan masuk ke dalam sawah berlaku perubahan dari segi bau yang boleh sampai kepada had air itu dihukum air najis *mughallazah* yang wajib dibasuh dengan cara tujuh kali, di antaranya sekali dengan air bercampur tanah apabila terkena badan, pakaian atau barang-barang lain kepunyaan orang Islam.
3. Untuk mengelak fitnah berlaku kejadian yang tidak diingini, pada saat ini Jawatankuasa Syariah belum lagi sampai kepada tahap meletakkan air tersebut sebagai

najis *mughallazah* berdasarkan air yang banyak, sungai yang mengalir ke kawasan sawah yang luas, serta keadaan yang tidak terkawal.

4. Akan tetapi memandangkan perkembangan air yang bernajis itu dalam masa yang singkat akan berlaku perubahan yang lebih nyata dari segi bau, warna dan sifat-sifat lain yang tidak dapat dinafikan lagi ianya najis *mughallazah*. Keadaan itu tidak dapat dielakkan lagi untuk dihukum najis *mughallazah* yang air tersebut bukan lagi tidak sah digunakan untuk bersuci, malah jika terkena pada diri seseorang wajiblah ia membasuhnya seperti hukum najis *mughallazah*. Dari situ timbul kelak masalah sah atau batal ibadat orang Islam yang terlibat.
5. Oleh yang demikian Jawatankuasa Syariah mengesyorkan pihak yang berkuasa hendaklah mengambil tindakan segera mengalirkan najis babi dari kawasan ternakannya melalui pembentung yang disalurkan ke tempat lain daripada ke Sungai Kerek seperti yang berlaku sekarang.

(26 Oktober 1987)

189. FATWA MENGENAI KEGIATAN USRAH DAN QIAMULLAIL DI KALANGAN MUDA-MUDI DI DALAM MASJID

Keputusan:-

Menjawab soalan tersebut, Jawatankuasa Syariah memutuskan :-

1. Kegiatan usrah dan qiamullail yang diadakan bercampur di antara muda mudi adalah dilarang.
2. Menurut keterangan yang didapati dalam *Hasyiah Bujairimi ala al-Khatib*, juzuk 2, halaman 100 menyebutkan orang-orang perempuan sama ada muda atau tua dilarang berkumpul, bercampur dengan lelaki sama ada berjemaah sembahyang, mendengar nasihat-nasihat agama, sembahyang raya, sembahyang *istisqa'* majlis-majlis zikir dan lain-lain lagi kerana ditakuti fitnah sebagai dimaklumi. Surah al-Baqarah, ayat 191 yang bermaksud: “*Ingatlah bahawa angkara fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan*”.
3. Menurut hadis yang diriwayatkan oleh At-Tabarani dari Abi Salamah: “Sebaik-baik orang perempuan sembahyang ialah di dalam rumahnya”.

(26 Oktober 1987)

190. MENGADAKAN KENDURI DI PINGGIR PERKUBURAN

Keputusan-:

Menjawab soalan tersebut Jawatankuasa Syariah memutuskan :

1. “Perbuatan sebahagian kecil penduduk-penduduk kampung mengadakan kenduri di pinggir perkuburan adalah bidaah mazmumah iaitu perbuatan bidaah yang keji yang berlawanan dengan ajaran Islam. Perbuatan demikian hendaklah dihentikan.”

“Di antara perkara-perkara bidaah yang dibenci ialah apa yang dilakukan sekarang menyembelih binatang-binatang ketika membawa keluar mayat dari rumah atau pinggir kubur.”

(*Al-Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah*, juzuk 1, halaman 539).

2. Dari segi tujuan menolak bala, terutama di dalam bulan Safar, perbuatan ini juga dilarang oleh Islam. Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: (“*Tiada jangkit-jangkitan, tiada sial celaka bulan Safar dan tiada kuman-kuman membawa penyakit.*”) (Hadis Riwayat Al-Bukhari 5387/ Muslim 2220).
3. Oleh yang demikian setelah diketahui hukumnya, pihak yang bertanggungjawab dalam Qaryah Masjid

Permatang Janggus, Bukit Mertajam hendaklah memaklumkan kepada sekalian anak-anak qaryah supaya jangan lagi melakukan perkara tersebut.

(26 Oktober 1987)

191. PERMOHONAN KEBENARAN MENUBUHKAN PERSATUAN SILAT ABJAD DI USM, PULAU PINANG

Pihak Hal Ehwal Pelajar USM Pulau Pinang ada menerima permohonan untuk menubuhkan Persatuan Silat Abjad di Universiti tersebut. Pihak Universiti tidak ada halangan memberi kebenaran menubuhkan persatuan tersebut untuk tujuan kebaikan fizikal pelajar-pelajar.

Disebabkan ada keraguan berkaitan dengan ajaran agama pihak Universiti ingin mendapat nasihat dari pihak Majlis Agama Islam.

Keputusan-:

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju menjemput pihak berkenaan yang membuat pertanyaan, berunding dengan Datuk Mufti untuk menjelaskan secara lebih lanjut beberapa perkara mengenai silat Abjad.

Keputusan akan dibuat dalam mesyuarat Jawatankuasa Syariah akan datang setelah penjelasan lanjut didapati.

(26 Oktober 1987)



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 1988**

192. SEMBAHYANG JUMAAT PADA TIAP-TIAP MINGGU DI MASJID KAPITAN KELING

1. Datuk Mufti sebagai Pengerusi telah menyatakan Pengerusi Qaryah Masjid Kapitan Keling telah mengemukakan permohonan untuk mengadakan sembahyang Jumaat di Masjid Kapitan Keling secara berterusan pada tiap-tiap minggu dengan tidak mengikut giliran dengan Masjid Melayu Lebuh Aceh seperti yang pernah dan lazim dijalankan semenjak lebih lima puluh tahun yang silam.
2. Pengerusi Qaryah Masjid Kapitan Keling dan Pengerusi Qaryah Masjid Melayu Lebuh Aceh telah dijemput hadir berunding dengan pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Pulau Pinang mengenai masalah tersebut.

Hadir bagi pihak kedua-dua masjid tersebut ialah Pengerusi, Setiausaha dan seorang Ahli Jawatankuasa Qaryahnya.

3. Perundingan dipengerusikan oleh Sahibus Samahah Datuk Mufti. Hadir bagi pihak Jabatan Hal Ehwal Agama ialah Yang Berbahagia Setiausaha Majlis Agama Islam, Al-Fadil Penyelia Qaryah Daerah Timur Laut, Al-Fadil Kadi Bandaraya, Sahibul Fadilah Kadi Besar dan Al-Fadil Setiausaha Jawatankuasa Syariah.

Dalam perjumpaan tersebut pihak Jabatan Hal Ehwal Agama telah mendengar alasan-alasan yang dikemukakan oleh pihak Qaryah Masjid Kapitan Keling dan telah mendengar pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh pihak Qaryah Masjid Melayu Lebuh Aceh.

Keputusan :-

Setelah berbincang secara mendalam dan teliti mengenai alasan-alasan dan pandangan-pandangan tersebut, Jawatankuasa Syariah telah bersetuju sebulat suara sebagai berikut:

1. Peraturan mengadakan sembahyang Jumaat secara bergilir-gilir di antara Masjid Kapitan Keling dan Masjid Melayu Lebuh Aceh yang berjalan semenjak hampir seratus tahun itu hendaklah dikekalkan. Mesyuarat berpendapat keputusan bijak yang diambil oleh ulama-ulama dan pemimpin-pemimpin Islam yang lalu masih boleh dipegang dengan kukuh sehingga ke hari ini.
2. Alasan sekiranya diadakan sembahyang Jumaat di kedua-dua masjid pada tiap-tiap minggu akan menyelesaikan masalah kesesakan yang berlaku sekarang apabila diadakan sembahyang Jumaat secara bergilir-gilir, mesyuarat berpendapat kesesakan tidaklah berlaku sampai kepada tahap harus pada segi hukum Syarak diadakan dua Jumaat berasingan di tempat yang berdekatan yang boleh

didengari azan di antara satu dengan yang lainnya. Ini ialah hasil penyiasatan yang dijalankan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama dua bulan lebih setelah permohonan dari pihak qaryah Masjid Kapitan Keling diterima.

3. Oleh yang demikian permohonan bagi mengadakan sembahyang Jumaat pada tiap-tiap minggu di Masjid Kapitan Keling tidak diluluskan.

(22 Februari 1988)

193. PERMOHONAN MENDIRIKAN SEBUAH MASJID DALAM KAWASAN SEKOLAH TUN SYED SHEH SHAHABUDIN, BUKIT MERTAJAM.

Keputusan :

1. Setelah membincangkan permohonan Pengetua Tun Syed Sheh Shahabudin, Bukit Mertajam dan mempertimbangkan alasan-alasan yang dikemukakan, mesyuarat telah bersetuju memberi kebenaran kepada pihak sekolah mendirikan sebuah masjid dalam kawasan sekolah tersebut. Masjid tersebut apabila siap kelak bolehlah digunakan oleh pelajar-pelajar untuk sembahyang berjemaah dan menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti yang lazimnya.

2. Mengenai cadangan hendak mendirikan sembahyang Jumaat di masjid tersebut, Mesyuarat Jawatankuasa Syariah memutuskan perkara ini akan diurus kemudian melalui proses perundingan dengan Jawatankuasa Qaryah Masjid To'Kun, Kampung Baru dan Alma serta penetapan kawasan qaryah dan pelantikan Jawatankuasa Qaryah Masjid Sekolah Tun Syed Sheh Shahabudin.

(22 Februari 1988)

194. USUS BINATANG YANG DIGUNAKAN SEBAGAI BENANG JAHITAN DALAM PEMBEDAHAN

Keputusan :

Mengenai masalah ini Jawatankuasa Syariah memutuskan:

"Menggunakan usus binatang sebagai benang jahitan dalam pembedahan hukumnya harus (dibolehkan). Ini berdasarkan kepada kaedah "keperluan(darurat) membolehkan larangan". Samalah hukumnya seperti dibolehkan memakan benda najis untuk dijadikan ubat".

(Kitab *Al-Asybah Wan Nadhoir*, halaman 90).

(22 Februari 1988)

195. MEMPERAKUI SURAU TAMAN FREE SCHOOL MASUK DALAM QARYAH MASJID ACHEH

Keputusan :

1. Mesyuarat bersetuju supaya perkara ini dikaji semula dengan mengadakan perundingan di antara Jawatankuasa Surau Taman Free School, Jawatankuasa Qaryah Masjid Aceh dan Jawatankuasa Qaryah Masjid Rawana dengan pihak Majlis Agama Islam.
2. Walau bagaimanapun sekiranya Yang Di Pertua dan Setiausaha Majlis berpendapat masalah ini telah selesai dan tidak perlu dibangkitkan lagi, Jawatankuasa Syariah bersetuju memperakui Surau Taman Free School diletakkan dalam Qaryah Masjid Aceh menurut seperti yang dicadangkan.

(22 Februari 1988)

196. PEMECAHAN TANAH WAKAF QARYAH MASJID SUNGAI BAKAU, NIBONG TEBAL

Pengerusi memaklumkan Setiausaha Qaryah Masjid Sungai Bakau memohon fatwa mengenai pemecahan tanah wakaf perkuburan kepada wakaf perkuburan dan wakaf masjid.

Keputusan :

Jawatankuasa Syariah memutuskan :

"Pemecahan tanah wakaf untuk perkuburan seluas 5 ekar 1r.17p. dibahagikan untuk wakaf perkuburan seluas 3 ekar 1r.17p. dan untuk wakaf masjid seluas 2 ekar hukumnya harus (dibolehkan). Ini berdasarkan kaedah pengelola wakaf (Jawatankuasa Qaryah) boleh melaksanakan sesuatu yang lebih bermanfaat selama tidak bercanggah dengan tujuan Syarak".

Nas-Nas berkenaan :

1. *Bughiah al-Mustarsyidin*, halaman 202.
2. *Nihayah az-Zain*, halaman 271.
3. *I'annah al-Tholibin*, halaman 169.

(22 Februari 1988)

197. KEDUDUKAN DERGA NAGORE

Keputusan :

Mesyuarat telah bersetuju sebulat suara supaya binaan-binaan yang terdapat di dalam Derga Nagore diroboh dan bekasnya diratakan. Tindakan segera akan diambil untuk merobohnya dan selepas itu Derga Nagore akan dikenali

sebagai sebuah surau. Keputusan ini diambil berdasarkan keputusan mesyuarat/perjumpaan pada 23.2.1978 antara Jawatankuasa Derga Nagore dengan pihak Majlis Agama Islam yang dipengerusikan oleh Allahyarham Sahibus Samahah Mufti Pulau Pinang masa itu.

(24 September 1988)

198. KEBENARAN MENDIRIKAN SEMBAHYANG JUMAAT DI SURAU KAMPUNG BELAH DUA, BUKIT MERTAJAM

Keputusan :

Majlis Agama Islam Pulau Pinang telah bersetuju membenarkan ahli-ahli Qaryah Masjid Timah dalam Daerah Bukit Mertajam mengadakan sembahyang Jumaat di Surau Kampung Belah Dua, sementara pembinaan membaiki masjid berkenaan selesai.

(24 September 1988)

199. BUKU "AURAD MUHAMMADIAH-ARQAM"

Keputusan :

1. Mesyuarat bersetuju sebulat suara mengharamkan buku "Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan" oleh Haji Ashaari Muhammad kerana buku tersebut mengandungi

ajaran yang bertentangan dengan Syariat Islam dan amat mengelirukan masyarakat Islam.

2. Mesyuarat mencadangkan kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang mengambil tindakan menguatkuasakan pengharaman tersebut.

(24 September 1988)

200. PEMBERIANNAMAMELAYU/ISLAMKEPADA KANAK-KANAK (THAI) DI RUMAH KANAK-KANAK KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Setelah menyemak dengan teliti surat Kementerian Dalam Negeri Malaysia (KDN:03/1113/2-17) yang ditujukan kepada Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Islam, Pusat Islam, Kuala Lumpur dan Bahagian berkenaan memohon pandangan Sahibus Samahah Mufti Negeri Pulau Pinang (JPM (U) S:4000/1/1 Jld.2).

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju membuat keputusan sebagai berikut:

1. Amalan memberi nama Melayu/ Islam kepada bayi/ kanak-kanak Thai yang ditempatkan di Rumah Kanak-Kanak kelolaan Kementerian Kebajikan Masyarakat eloklah diteruskan dengan tujuan menjadikan kanak-kanak berkenaan secara langsung beragama Islam dan akan digemari untuk diambil

jadi anak angkat oleh keluarga Islam. Semasa berada di Rumah Kelolaan Kementerian Kebajikan, kanak-kanak tersebut berhak mendapat pendidikan cara Islam dan manakala ia besar kelak tidak akan mengalami resah kejiwaan mengenai pengenalan dirinya. Keadaan ini juga menghalang keluarga bukan Islam mengambilnya sebagai anak angkat.

2. Ada kemungkinan ibu bapa / keluarga Thai yang bukan beragama Islam datang menuntut hendak mengambil balik kanak-kanak tersebut, ketika itu, bolehlah dibuat rundingan cara yang sesuai, umpamanya meminta fikiran / pilihan kanak-kanak tersebut atau menanti sehingga cukup umur yang diakui kanak-kanak berkenaan berhak menyuarakan pilihannya.

3. Nas-nas dari segi Syarak adalah sebagai berikut :

واعلم أنّ اللّقيط في دار الإسلام أو ما ألحق بها مسلم تبعاً للدار الآ
أن أقام الكافر بيئته بنسبه فيتبعه في النسب والدين فيكون كافراً
تبعاً له بخلاف استلحقه بلا بيئته لأته قد حكم بإسلامه تبعاً لدار
الإسلام.

(إعانة الطالبين، جزء ثالث، صفحة ٢٥٣)

كتاب اللّقيط بمعنى الملقوط وهو كلّ طفل ضائع لا كافل له يستمى
لقيطاً وملقوطاً. ومنبوذاً إذا وجد لقيط بدار الإسلام وفيها أهل

الذمة أو بدار فتحوها أى المسلمون حكم بإسلام اللقيط
(قليوبي عميرة شرح المحلى، جزء ثالث، صفحتان ١٢٦ و ١٢٥)

Nas-nas di atas membawa kesimpulan sahnya kanak-kanak demikian diakui beragama Islam. Hadis yang masyhur "كل مولود يولد على الفطرة" memadai untuk membolehkan diberi nama Melayu / Islam kepada kanak-kanak berkenaan.

(24 September 1988)

201. TANAH YANG AKAN DIJADIKAN TAPAK PERKUBURAN ORANG-ORANG ISLAM

Keputusan :

Setelah dikaji dengan teliti surat Setiausaha dan pelan tunjuk bagi tanah yang dicadangkan untuk jadi tapak perkuburan, Jawatankuasa membuat keputusan iaitu memberi jawapan:

1. Kawasan berkenaan boleh dijadikan tapak perkuburan orang-orang Islam.
2. Kawasan tandas curah / lubang yang digali sedalam 6 hingga 8 kaki hendaklah dipagar supaya tidak digali kubur di tempat tersebut yang masih ada najis dan kesan-kesan baunya.
3. Tempat yang dipagar boleh digali dan ditanam mayat apabila lama tempohnya dan diakui oleh

pihak berkenaan sudah tidak ada lagi bekas-bekas najis dan baunya.

(24 September 1988)

202. PERMOHONAN MENDIRIKAN JUMAAT DI SURAU TAMAN DESA JAWI, SEBERANG PERAI SELATAN

Keputusan :

1. Merujuk kepada surat Setiausaha Majlis Agama Islam Bil.(3) dlm MUIPP.5.117 memanjangkan permohonan Jawatankuasa Surau Taman Desa Jawi, Seberang Perai Selatan hendak mendirikan Jumaat di Surau tersebut yang ahli-ahlinya terdiri dari penduduk-penduduk Taman Desa Jawi, mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan tersebut memandangkan keperluan yang mendesak dan juga syarat-syarat yang dikehendaki oleh Hukum Syarak telahpun mencukupi.
2. Untuk melaksanakannya pihak Majlis akan meminta senarai lengkap nama ahli-ahli Jawatankuasa Surau berkenaan menurut lazimnya dan pegawai-pegawainya (Imam, Khatib dan Bilal) akan dipanggil untuk ditemu duga.

(24 September 1988)

203. MENDIRIKAN JUMAAT DI MASJID JALAN PRANGIN YANG KURANG DARIPADA 40 ORANG AHLI JUMAAT ATAU PEMASTAUTIN

Merujuk kepada surat Encik Abu Bakar bin Shari (Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang) bertanyakan berkenaan sembahyang Jumaat yang didirikan di Masjid Jalan Prangin yang pemastautinnya tidak cukup bilangan 40 orang.

Keputusan :

Mesyuarat membuat keputusan sebagai berikut:

Walaupun Jumaat telah diadakan di masjid tersebut sejak beberapa lama iaitu dari masa masjid itu dibina adalah berdasarkan cukup bilangannya pemastautin di kawasan itu iaitu kumpulan orang-orang India Muslim. Pada masa ini pemastautin-pemastautin itu telahpun berpindah ke tempat lain. Oleh yang demikian setelah menyiasat keadaan tersebut mesyuarat mencadangkan kepada pihak Majlis Agama Islam mengarah diberhentikan sembahyang Jumaat di Masjid Jalan Prangin dan membuat pemakluman yang terang di masjid berkenaan serta memberitahu sesiapa yang hendak sembahyang Jumaat bolehlah pergi ke masjid-masjid lain yang berdekatan seperti Masjid Simpang Enam, Masjid Jalan Hutton dan Masjid Keling atau Masjid Melayu di Lebuah Acheh.

(24 September 1988)

**204. CARA BERWUDUK ORANG YANG KAKINYA
DITAMPAL ATAU DITUTUPI DENGAN
PLASTER**

Keputusan :

Mesyuarat menjelaskan :

Seseorang yang anggota wuduknya tertutup disebabkan luka atau kudis pada masa berwuduk disebabkan darurat tidaklah mesti membuka tutupan itu pada masa berwuduk. Ia berwuduk seperti biasa tanpa membasuh kulit tempat yang tertutup itu, tetapi ia hendaklah diikuti pula dengan tayamum yang cukup syarat-syarat dan rukun-rukun tayamum.

(24 September 1988)

**205. WANG KUTIPAN MEMBINA MASJID BAHARU
BAGI KAWASAN LAHAR IKAN MATI,
SEBERANG PERAI UTARA**

Keputusan :

Jawatankuasa Syariah memutuskan :

1. Disebabkan Majlis Agama Islam Pulau Pinang tidak membenarkan didirikan sebuah masjid di kawasan Lahar Ikan Mati, maka wang kutipan untuk wakaf masjid yang dicadangkan itu bolehlah digunakan

untuk membeli barang-barang keperluan Surau Lahar Ikan Mati seperti lampu, kipas angin, sejadah/tikar sembahyang atau pembesar suara.

2. Nas ini menyebutkan bolehlah digunakan wakaf itu untuk tujuan lain dari tujuan asal sesuatu wakaf disebabkan tujuan asal bagi wakaf itu tidak dapat dilaksanakan, demi untuk tidak mengendalakan pahala wakaf bagi orang yang berwakaf.

(24 September 1988)

206. MEMBINA RUMAH WAKAF UNTUK MADRASAH FAQIAH DAIMIAH, PERMATANG PAUH DI ATAS LOT 974

Keputusan :

1. Setelah menyemak Surat Hak Milik Tanah bagi lot 974 didapati dengan terang disebutkan tanah itu jadi milik penuh Haji Salleh bin Haji Zainol yang tak dapat disangkal lagi.
2. Oleh yang demikian untuk membina rumah wakaf bagi Madrasah Faqiah Daimiah hendaklah diuruskan supaya tapak rumah yang hendak didirikan itu termasuk kawasan sekelilingnya yang perlu untuk kegunaan penghuni-penghuni/pengguna-pengguna rumah tersebut diwakafkan secara rasmi sehingga dapat dicatitkan dalam Surat Hak Milik Tanah

yang bahagian itu (ditandakan kawasannya) diwakafkan kepada Madrasah Faqiah Daimiah.

3. Setelah jelas tanah bahagian yang hendak dibina rumah wakaf itu diwakafkan barulah boleh rumah wakaf itu didirikan. Binaan rumah wakaf boleh didirikan hanya di atas tanah yang diwakafkan.
4. Sekiranya pihak tuan punya tanah tersebut mewakafkan tanahnya lebih luas dari kawasan yang diperlukan untuk didirikan rumah wakaf yang berkenaan, pihak Madrasah Faqiah Daimiah bolehlah mendirikan lagi apa-apa bangunan atau menggunakan tanah yang selebihnya itu (yang diwakafkan) untuk tujuan/kegunaan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Madrasah Faqiah Daimiah.
5. Hendaklah dipastikan tanah yang diwakafkan itu benar-benar diwakafkan oleh tuan punya yang sah sehingga wakaf boleh didaftarkan di Pejabat Tanah.
6. Berkenaan dengan pengakuan Encik Othman bin Haji Salleh mengenai tanah tersebut diwakafkan secara lisan bagi perkuburan keluarga mereka serta orang-orang Islam yang lain, untuk menentukan semua kawasan yang dikatakan diwakafkan itu Encik Othmanlah yang berhak mendaftarkan tanah yang dikatakan diwakafkan dengan cara menyatakan balik yang tanah tersebut (semua

kawasan atau sebahagian daripadanya) jadi tanah wakaf perkuburan.

7. Dari segi hukum Syarak, sekiranya tanah tersebut jadi diwakafkan balik untuk perkuburan seperti yang diakui, maka kawasan untuk membina rumah wakaf Madrasah Faqiah Daimiah itu sah dijadikan wakaf bagi tapak rumah wakaf kerana keperluan perkuburan tidak mendesak dan binaan rumah wakaf itu adalah untuk maslahat umum yang lebih bermanfaat dan berterusan pahalanya kepada yang berwakaf.
8. Walau bagaimanapun, rumah wakaf Madrasah bolehlah dibina sebaik sahaja penyerahan rasmi (pernyataan wakaf), bagi tapak rumah wakaf yang akan didirikan itu diwakafkan.

(24 September 1988)

207. FATWA UNTUK MENDIRIKAN MASJID DI ATAS BANGUNAN PEJABAT BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

1. Bangunan Bank Islam dan masjid akan didirikan di atas tapak bangunan Masjid Simpang Enam yang ada sekarang ini setelah tapak masjid lama itu diratakan.
2. Tanah tapak masjid tersebut menurut suratan hak milik ialah tanah wakaf dan Masjid Simpang Enam

yang ada sekarang ini didirikan di atas tanah tersebut.

3. Sebagai tanah wakaf, Majlis Agama Islam Pulau Pinang berhak mentadbir dan memajukannya.

Keputusan :

Berkenaan cadangan Majlis hendak mendirikan bangunan untuk Bank Islam di tingkat satu, dua dan tiga serta masjid di tingkat empat dan lima, Jawatankuasa Syariah sebulat suara mengeluarkan fatwa :

1. Harus (dibolehkan) pada segi Hukum Syarak mendirikan bangunan baharu yang mengandungi pejabat Bank Islam Malaysia Berhad di tingkat satu, dua dan tiga serta masjid di tingkat empat dan lima di atas tapak masjid Simpang Enam yang ada sekarang ini.
2. Ini tidaklah bercanggah dengan hukum Syarak kerana tujuan wakaf tidak tergendala dan amal jariah *wakif* (yang berwakaf) akan berterusan dan masjid diganti dengan baharu yang lebih luas kawasannya daripada Masjid Simpang Enam yang ada dan lebih selesa untuk digunakan.
3. Reka bentuk bangunan yang akan didirikan itu pula melambangkan bentuk masjid dengan seni bina berunsur Islam yang akan meningkatkan lagi mutu syiar Islam, lebih-lebih lagi bangunan tersebut akan berada di pusat bandar raya Pulau Pinang ini.

4. Jawatankuasa Syariah juga mencadangkan supaya untuk naik turun ke masjid diadakan lif bagi memudahkan orang-orang yang datang sembahyang dan beribadat di masjid itu.
5. Tandas hendaklah dibuat terkeluar dari kawasan yang dahulunya jadi tapak Masjid Simpang Enam.
6. Nas-nas hukum yang diambil jadi pegangan fatwa ialah sebagai berikut :

(تنبیه) لا يجوز تغيير شئ من عين الوقف ولو لأرفع منها فإن شرط الواقف العمل بالمصلحة اتباع شرطه وقال السبكي يجوز تغيير الوقف بشروط ثلاثة أن لا يغير مسماء وأن يكون مصلحة له كزيادة ريعه وان لا تزال عينه فلا يضر نقلها من جانب إلى آخرتعم يجوز فى وقف قرية على قوم احداث مسجد ومقبرة وسقاية فيها.

حاشية القليوبي على شرح المحلى على المنهاج : صفحة ١٠٨

Terjemahannya :

Perhatian : tidak harus mengubahkan sesuatu 'ain wakaf walaupun dengan yang lebih tinggi daripadanya. Sekiranya wakif mensyaratkan dilaksanakan masalah hendaklah diikuti syaratnya. Imam Subki berkata : Harus (boleh) diubah (dipinda) sesuatu wakaf dengan tiga syarat : Tidak berubah namanya, untuk menambah pengembangannya (penghasilannya) serta tidak hilang

'ainnya. Begitu juga tidak salah memindahkannya (menukar tempatnya) dari satu pihak kepada pihak yang lain. Ya , harus pada wakaf sesuatu kampung (kawasan tanah) untuk sesuatu kumpulan didirikan masjid, dijadikan tanah perkuburan dan saluran bekalan air.

Satu daripada kaedah fiqh yang masyhur menyokong kuat alasan-alasan di atas ialah:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة
الأشباه والنظائر : صفحة ١٢٨

Maksudnya :

"Pentadbiran (tindakan) yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat terpulang kepada masalah iaitu melaksanakan mana yang lebih bermanfaat".

7. Dalam konteks ini Majlis Agama Islam Pulau Pinang adalah mewakili pemerintah kepada rakyat yang beragama Islam di Negeri Pulau Pinang ini.

(13 Disember 1988)

**208. KEDUDUKAN MASJID AL-MALIK KHALID,
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DI ATAS
TANAH WAKAF.**

Keputusan :

Merujuk kepada surat Pusat Islam Universiti Sains Malaysia bertarikh 18hb. Ogos 1988 dan 16hb. November 1988 (ulangan) yang akan dibawa ke dalam mesyuarat majlis dan dikemukakan lebih dahulu kepada Jawatankuasa Syariah untuk mendapat pandangan dalam hal kemusykilan mengenai perkara tersebut. Jawatankuasa Syariah memutuskan :

1. Menurut jawapan yang diberi oleh Jabatan ini dalam surat bertarikh 23.6.1987 (Rujuk: (25) dlm. MUIPP 1.0187) kepada Setiausaha Lembaga Hal Ehwal Islam USM disebutkan " tanah tapak masjid tersebut perlu diwakafkan menurut kehendak Seksyen 105 Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang".
2. Apabila timbul permohonan untuk dikecualikan daripada mewakafkan tanah tapak masjid serta tapak perkuburan, Jawatankuasa Syariah berpendapat, terpulanglah kepada pihak Majlis Agama Islam, Pulau Pinang mengaturkan pindah milik tanah kepada Majlis atau tidak.

3. Dalam keadaan am, biasanya tanah tapak masjid atau tanah perkuburan itu dipastikan dahulu ianya benar-benar diwakafkan sebelum masjid dibina dan sebelum tanah kubur digunakan supaya tidak timbul masalah yang menjejaskan kepentingan masjid atau tanah perkuburan yang digunakan oleh masyarakat Islam masa akan datang.

4. Keadaan tanah wakaf tapak masjid dan perkuburan USM sebenarnya ditadbirkan oleh pihak USM; hanya apabila telah pasti ianya diwakafkan, sesuatu keadaan yang akan berlaku mengganggu kaedah Syarak di atas tanah tersebut sama ada setelah dipindah milik atau tidak kepada majlis, majlis berhak dan berkuasa campur tangan sebagai pemegang amanah harta wakaf menurut hukum Syarak dan memelihara kepentingan ahli qaryah USM sendiri".

(13 Disember 1988)



**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 1989**

209. SOLAT JUMAAT DAN KHUTBAH

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju memberi jawapan-jawapan seperti berikut :

1. Tidak sah khutbah Jumaat yang tidak diucapkan pujian kepada Allah dan selawat kepada Nabi Muhammad, kerana ucapan-ucapan tersebut masuk dalam rukun khutbah.
2. Tidak sah Jumaat tanpa khutbah Jumaat kedua, kerana satu daripada syarat-syarat sah Jumaat ialah diadakan dua khutbah sebelum sembahyang Jumaat.
3. Khatib yang terbatal wuduk semasa membaca khutbah hendaklah berhenti membaca khutbah dan membaca semula dari awal selepas ia berwuduk atau digantikan oleh orang lain membacanya dari awal.
4. Khatib tertinggal selawat dan doa hukumnya sama seperti jawapan di no.1.
5. Khatib yang pitam semasa membaca khutbah, hendaklah digantikan membacanya oleh orang lain dari permulaannya.
6. Hendaklah dilakukan sembahyang Zohor apabila jemaah Jumaat tidak cukup bilangan 40 orang.
7. Sembahyang Zohor berjemaah boleh dilakukan

apabila Ahli Jemaah tidak cukup bilangan 40 orang. Keuzuran yang membolehkan seseorang tidak hadir Jumaat adalah sebagai berikut:

- i. Hujan lebat, atau ribut kuat.
 - ii. Ada gangguan yang menghalang perjalanan ke masjid.
 - iii. Sakit.
 - iv. Menjaga orang sakit.
 - v. Orang buta yang tidak dapat diadakan pemandu untuknya.
 - vi. Menguruskan mayat.
8. Sembahyang Sunat Gerhana Bulan atau Gerhana Matahari, cara-caranya serta khutbahnya ada tersurat dalam risalah “Tanda Kebesaran Allah” dan “Khutbah Gerhana” terbitan Unit Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama, Pulau Pinang.

(25 Mac 1989)

210. MENAMBAH RUANG MASJID DI ATAS KUBUR-KUBUR

Keputusan:

Mesyuarat telah bersetuju memutuskan :

1. “Menambah ruang masjid di atas tanah kubur hukumnya haram. Untuk mengadakan kawasan tambahan tempat sembahyang, Jawatankuasa Qaryah bolehlah mengadakan tambahan satu tingkat lagi di atas bangunan yang sedia ada.

2. Nas yang berkenaan :

الأرض الموقوفة أو الموصى بها للدفن فيها لا تجوز لأحد ولو الواقف
الانتفاع بما لم يقبر فيها
بغية المسترشدين - صفحة ١٩٧-

Maksudnya: *Tanah wakaf atau tanah yang diwasiatkan untuk dikebumikan mayat tidak harus walaupun oleh orang yang mewakfkannya menggunakannya untuk tujuan yang lain daripada pengkebumiaan mayat.*

3. Ini ialah hukum mendirikan bangunan rumah atau masjid di atas tanah yang diwakafkan untuk perkuburan yang belum lagi ditanam mayat. Adapun mendirikan bangunan rumah atau masjid di atas kubur hukumnya haram. Nas berkenaan dengannya:

أما المسبلة والموقوفة فيحرم فيها البناء مطلقا لما في ذلك من التحجيز

والضيف على الناس. وهذا الحكم متفق عليه بين الأئمة
-الفقهاء على المذاهب الأربع - الجزء الأول - صفحة ٥٣

Maksudnya : Tanah yang sudah dipakai jadi kubur dan tanah yang diwakafkan untuk perkuburan, haram didirikan sebarang bangunan di atasnya kerana perbuatan demikian menghalang penggunaan orang ramai dan menyempitkan kawasan kubur. Inilah hukum yang telah disepakati oleh imam-imam bagi semua mazhab.

(25 Mac 1989)

211. TANAH WAKAF MASJID KAMPUNG PERLIS, BALIK PULAU.

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju memutuskan:

1. Dari segi hukum Syarak, tidaklah boleh didirikan sebarang bangunan seperti masjid atau rumah di atas tanah yang diwakafkan.
2. Berkenaan dengan kebenaran yang diberikan oleh seorang Ahli Jawatankuasa Qaryah tanpa persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa adalah menyalahi peraturan Jawatankuasa Qaryah. Hal ini hendaklah pihak Jawatankuasa membuat aduan kepada Yang Dipertua Majlis Agama Islam, Pulau Pinang untuk diambil tindakan.

(25 Mac 1989)

212. SEMBAHYANG SUNAT “KIFARATUL BAULI”

Keputusan:

Berkenaan sembahyang sunat “kifaratul-bauli” seperti yang tersebut dalam buku *Hidup Ibadat* karangan Ustaz Haji Fadzil bin Ahmad halaman 92 :

Mesyuarat berpendapat keterangan berkenaan dengannya adalah benar terdapat dalam kitab *Khazinatul Asrar* seperi yang dihuraikan.

(25 Mac 1989)

213. ZIKIR BAGI AHLI-AHLI FEKAH YANG DIJALANKAN DI KAMPUNG GURUN, PERMATANG BENDAHARI, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan:

Setelah menyemak risalah yang menjadi pegangan ahli-ahli zikir berkenaan, mesyuarat berpendapat :

Isi kandungan risalah tersebut pada keseluruhannya tidaklah menyalahi akidah dan amalan Islam. Hanya pada beberapa perkara perlu diperbetulkan.

1. Meminta pertolongan daripada Shaikh hendaklah digantikan dengan meminta atau memohon pertolongan hanya kepada Allah.

Rasulullah SAW bersabda :

ادعوا الله وأنتم موقنون بالإجابة، واعلموا أن الله لا يستجيب دعاء من
قلب غافل لاه

Maksudnya: Berdoalah kepada Allah dengan keyakinan akan diterimanya. Ketahuilah Allah tidak akan memperkenankan doa dari hati yang lalai dan tidak yakin.

1. Niat iktikaf hendaklah digantikan niat *khulwah* yang bermakna menumpukan sepenuh masa dan perhatian kepada ibadah.
2. Perkataan “*ujlah*” sebenarnya “*uzlah*” iaitu mengasingkan diri untuk tujuan beribadah.

(25 Mac 1989)

214. RISALAH ILMU USULUDDIN YANG DIPAKAI JADI AJARAN ENCIK WAHAB BIN HAJI ABDUL AZIZ, KAMPUNG TOKELONG, BUKIT MERTAJAM

Keputusan:

Setelah menyemak dan meneliti kandungan buku setebal 25 muka, Jawatankuasa berpendapat:

1. Kandungan buku tersebut tidak menyalahi dan menyeleweng dari akidah Islam.
2. Dinasihatkan buku tersebut hendaklah ditulis semula dengan membetulkan ejaan–ejaan yang salah dan juga kesalahan menyalin ejaan ayat-ayat al-Quran yang dikemukakan di dalamnya.

(25 Mac 1989)

215. PENGGUNAAN BANGUNAN TAMBAHAN TINGKAT ATAS MASJID BAYAN LEPAS UNTUK SEMBAHYANG BERJEMAAH DAN JUMAAT.

Keputusan:

Mesyuarat telah memutuskan :

1. Bangunan tambahan tingkat atas Masjid Bayan Lepas bolehlah digunakan untuk sembahyang berjemaah dan sembahyang Jumaat.
2. Nas berkenaan ialah:

فإن كان في مسجد فتصح القدوة مطلقا إذ المدار فيه على العلم
بانتقالات الإمام وإمكان الوصول إليه ولو مع الاستدبار

-المرشد العلام - الجزء الثاني - صفحة ١٧

Terjemahannya:

Sekiranya kedua-dua (Imam dan makmum) berada dalam satu bangunan masjid, sahlah berjemaah dengan mutlak, kerana yang dikira di sini ialah makmum tahu pergerakan sembahyang Imam dan makmum boleh sampai ke tempat Imam walaupun terpaksa berundur ke belakang (melalui tangga di sebelah belakang).

(25 Mac 1989)

216. FATWA MENGENAI DERGA NAGORE

Keputusan:

Merujuk kepada permohonan fatwa dari Setiausaha Majlis Agama Islam, Pulau Pinang mengenai keputusan Majlis hendak merobohkan “Keramat Nagore” dan memindahkan kubur penjaga keramat tersebut yang berada dalam kawasan Derga Nagore ke Tanah Perkuburan Islam, Jawatankuasa Syariah dengan sebulat suara mengambil keputusan :

1. Keramat Nagore yang berada dalam bangunan di Lebu Chulia itu adalah dibina dengan tujuan mengenangkan jasa seorang ulama di Nagore, India dalam bidang dakwah terutamanya dari segi mengislamkan orang-orang Hindu.

Dari sejak permulaan ianya didirikan bangunan tersebut tidaklah digunakan sebagai masjid tempat bersembahyang dan tidak juga dijadikan madrasah tempat belajar dan mengajar al-Quran dan ilmu Agama Islam.

2. Ianya dijadikan sebagai tempat memohon hajat seperti menyembuhkan penyakit, melariskan perniagaan, memenangi perbicaraan, mendapat jodoh, memperolehi anak dan sebagainya.

Semua cara ini adalah bertentangan dengan asas

akidah Islam yang menyuruh orang-orang Islam berdoa dan memohon hal-hal yang demikian hanya kepada Allah SWT sahaja.

Dalilnya :

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾

Maksudnya :

Engkaulah sahaja yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. (Surah al-Fatihah: 5).

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾

Maksudnya : Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa. Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat.

(Surah al-Ikhlâs :1-2).

3. Dari satu segi yang lain perbuatan demikian merupakan bidaah (بدعة) iaitu peraturan yang diadakan lalu dinisbahkan sebagai amalan agama; dikatakan dia sebagai “nazar”. Padahal bernazar itu hanya dibolehkan menurut hukum Syarak ialah kepada Allah saja.

Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَحَدَّثَ فِي أَمْرِنَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ

Maksudnya: *Sesiapa yang mereka-rekakan sesuatu*

perkara agama yang bukan ianya berasal agama hendaklah ditolak dan tidak boleh diterima dan diakui.
(Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

4. Di samping itu seorang penjaga tetap kepada Derga Nagore, mayatnya dikebumikan dalam kawasan itu. Maka jadilah kubur itu sebagai perkara kedua yang dikaitkan dengan keramat tadi. Keadaan kubur penjaga itu di situ menambahkan lagi kekeliruan orang-orang yang datang memohon di situ dan membawa kepada syirik yang lebih meluas lagi.
5. Majlis Agama Islam Pulau Pinang sebagai pihak berkuasa Agama di Negeri Pulau Pinang ini wajiblah bertindak menghapuskan dan meratakan tempat yang dijadikan sebagai tanda kehadiran keramat dari Nagore itu dalam bangunan tersebut. Kubur penjaga yang ada dalam bangunan itu hendaklah dipindahkan ke tanah perkuburan orang Islam di tempat lain.

Selepas itu eloklah kawasan itu dijadikan tempat sembahyang yang disediakan dengan peralatannya, tempat berwuduk, tikar sembahyang dan sebagainya serta diadakan juga guru-guru untuk mengajar al-Quran dan ilmu-ilmu agama Islam di situ.

Rasulullah SAW bersabda :

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ. فَإِنْ لَمْ
يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ. وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

(حديث رواية مسلم)

Maksudnya :

“Sesiapa yang melihat perkara munkar (perkara salah dari segi agama) hendaklah ia robahkan (hapuskan) dengan tangannya (kuasa yang diamanahkan kepadanya), jika tidak terdaya robahkanlah dengan lidahnya (tegur dan beri nasihat). Jika tidak terdaya juga robahkanlah dengan hatinya iaitu engkarkan kewujudannya dengan hatinya (tidak bersetuju dalam hati). Demikianlah keadaan iman yang selemah-lemahnya”.

(Hadis Riwayat Muslim)

(31 Mei 1989)

217. BACAAN DOA DALAM PERHIMPUNAN BULANAN KAKITANGAN JABATAN KERJA RAYA

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju sebulat suara memberi keputusan seperti berikut :

1. Harus (dibolehkan) mengadakan bacaan doa dalam perhimpunan tersebut.

2. Ini berdasarkan bahawa berdoa itu dalam syariah Islam adalah digalakkan. Di antara dalilnya ialah firman Allah SWT:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

Maksudnya :

Dan Tuhanmu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang yang sombong daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk Neraka Jahannam dalam keadaan hina.

(Surah al-Ghafir/Mukmin :60).

3. Penyertaan orang-orang bukan Islam dalam masa berdoa tidaklah dilarang. Niat orang bukan Islam semasa berdoa untuk rakan-rakannya ialah memohon kepada Allah supaya rakan-rakannya diberi hidayah memeluk Islam. Ini jelas dinyatakan dalam hadis yang mengumumkan maksud “saudara” termasuk saudara sesama manusia yang didoakan supaya mendapat hidayah sebagai dakwah yang awal sebelum menyerunya kepada agama Islam.
4. Walau bagaimanapun pelaksanaannya bergantung kepada keadaan. Sekiranya akan menimbulkan fitnah dan perselisihan faham eloklah tidak diadakan.

(31 Mei 1989)

218. TANDA SILANG (+) DI KULIT BUKU PANDUAN KESELAMATAN UNTUK PEKERJA-PEKERJA FUJIKURA FEDERAL CABLES SDN. BHD, MAK MANDIN, BUTTERWORTH

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju memutuskan :

1. Memandang kepada pendapat sebahagian pekerja, tanda tersebut menyerupai salib kristian, mesyuarat bersetuju menghormati pendapat mereka, kerana ini menunjukkan rasa kecintaan mereka kepada agama serta semangat ingin memelihara akidah Islam yang maha suci.
2. Mesyuarat mencadangkan, tanda palang tersebut tidak digunakan di kulit buku berkenaan.
3. Adalah didapati penggunaan tanda tersebut boleh mendatangkan kekeliruan terutama sekali buku panduan keselamatan itu merupakan risalah kecil yang akan dibawa bersama-sama oleh pekerja-pekerja dalam saku mereka.
4. Ada kemungkinan berlakunya perselisihan faham di kalangan pekerja-pekerja yang beragama Islam akibat daripada penggunaan tanda silang tersebut. Ini sepatutnya dielakkan supaya tidak menimbulkan masalah hubungan antara sesama pekerja.

5. Keputusan ini dibuat berpandukan hadis :

فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ
(حديث رواية مسلم).

Maksudnya : “Sesiapa yang dapat mengelakkan kekeliruan ianya telah memelihara agamanya serta kehormatan dirinya”.

(Hadis Riwayat Muslim).

دَعِ مَا يُرِيئُكَ إِلَى مَا لَا يُرِيئُكَ
(حديث رواية الترميذي).

Maksudnya: “Tinggalkanlah perkara yang meragukan (mengelirukan) kepada keadaan yang tidak meragukan (mengelirukan)”.

(Hadis Riwayat Tirmizi).

(31 Mei 1989)

219. KEHADIRAN PEGUAM YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM DI MAHKAMAH SYARIAH

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah dengan sebulat suara memutuskan:

1. Kehadiran Peguam yang bukan beragama Islam di Mahkamah Syariah adalah dilarang menurut hukum Islam.
2. Larangan ini berdasarkan bahawa yang layak mengemukakan pendapat dan hujah berkenaan dengan hukum Islam itu ialah orang Islam saja, kerana pada pandangan Islam orang-orang Islam yang yakin dan percaya kepada kebenaran dan kebaikan Islam saja yang layak mengeluarkan pendapatnya mengenai hukum Islam.
3. Dalam perkara pertelingkahan mengenai hukum Islam, Hakim Syarie saja yang boleh membicarakannya dan Peguam yang beragama Islam saja yang boleh turut serta mengendalikan pembelaan mana-mana pihak yang terlibat dalam sesuatu perbicaraan menurut hukum Syarak.
4. Nas utama yang diambil mengenai perkara ini ialah:

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ
فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ إِلَّا أَنْ تَتَّقُوا مِنْهُمْ تُقَاتُوا وَيُحَذِّرُكُمُ اللَّهُ نَفْسَهُ
وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ ﴿٢٨﴾

Maksudnya :

Janganlah orang yang beriman mengambil orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang yang beriman. Dan sesiapa yang melakukan yang demikian maka tiadalah ia (mendapat perlindungan) dari Allah dalam sesuatu apapun, kecuali kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu yang ditakuti daripada mereka. Dan Allah memperingatkan kamu terhadap diri-Nya (siksaan-Nya). Dan kepada Allah jua tempat kembali. (Surah Ali Imran : 28).

Al-Baidawi mentafsirkan ayat ini dengan ulasannya :

نهوا عن موالاتهم لقرابة وصدافة جاهلية حتى لا يكونوا بهم وبعضهم الا
في الله أو عن الاستعانة بهم في الغزو وسائر الأمور الدينية

Maksudnya : Orang-orang Islam dilarang mengambil orang-orang kafir jadi teman mereka walaupun ada hubungan kekeluargaan dan persahabatan semasa Jahiliah sebab tujuan perhubungan kasih atau benci hanya didasarkan kerana Allah semata-mata. Demikian juga orang-orang Islam dilarang memohon bantuan mereka dalam peperangan dan juga dalam segala urusan agama.

5. Kaedah yang diikuti dalam masalah ini ialah :

الرضا بالكفر كفر

Maksudnya : Menyetujui pendirian orang kafir itu kafir juga.

6. Kesimpulannya:

- i. Seseorang Islam tidaklah dibenarkan tunduk di bawah hukum Islam yang diselenggarakan oleh orang yang bukan Islam.
- ii. Segala pertikaian atau pertelingkahan yang berlaku di antara orang-orang Islam hendaklah dibicarakan oleh Hakim yang beragama Islam dan dibela oleh Peguam yang beragama Islam saja.
- iii. Oleh yang demikian adalah berlawanan dengan hukum Islam membenarkan Peguam yang bukan beragama Islam membantu atau membela orang Islam dalam Mahkamah yang membicarakan hukum yang berkaitan dengan agama Islam.

(8 November 1989)

220. PROJEK MENCEGAH BANJIR YANG MELIBATKAN TANAH WAKAF

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju memutuskan :

1. Melaksanakan projek tersebut di atas Tanah Wakaf berkenaan, hukumnya harus (dibolehkan).
2. Keputusan tersebut berdasarkan kaedah :

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya : “Pentadbiran pemerintah ke atas masalah rakyat bergantung kepada masalah (keperluan yang menghasilkan kebajikan).”

dan juga kaedah :

الحاجة تنزل منزلة الضرورة

Maksudnya : “Keperluan menduduki tempat darurat (keadaan terpaksa)”.

(*Al-Asybah Wan Nazair*- halaman 97 dan 124).

3. Menurut pendapat As-Subki : Harus diubah (dipinda) syarat bagi sesuatu wakaf untuk masalah (keperluan dan faedah) wakaf itu sendiri.
(*Nihayah az-Zain* – halaman 273).

4. Syarat-syarat asal wakaf wajiblah diikuti kecuali dalam keadaan darurat yang tidak berlawanan dengan Syarak terutama yang ada masalah (keperluan dan faedah) daripadanya.
(*I'anaah al-Tholibin* – halaman 169).
5. Gantirugi yang diperolehi daripada pelaksanaan projek tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Wakaf untuk membeli tanah ganti untuknya jika mungkin.

(8 November 1989)

221. MASALAH AKAD JUAL BELI LOT TANAH WAKAF

Keputusan:

Mesyuarat telah bersetuju memutuskan :

1. Sah jual beli lot tanah wakaf tersebut tanpa akad lisan. Memadai dengan bayaran yang diberi oleh pembeli serta resit yang dikeluarkan oleh Bendahari.
2. Nas berkenaan dengannya adalah sebagai berikut :

فصل في بيان الصيغة وهي الركن الخامس يشترط في الضمان للمال والكفالة للبدن. صيغة تدل على الرضا. وهي لفظ صريح أو كناية يشعر بالتزام كغيره من الحقوق وفي معناه الكتابة وإشارة أخرس

Maksudnya: “Keterangan berkenaan “sighah” iaitu rukun kelima, yang disyaratkan untuk jaminan kepada harta dan tanggungan kepada diri (badan) : sighah bermaksud “bersetuju” melalui lafaz yang sarif (terang nyata) atau kinayah (kiasan yang boleh difahami berlakunya hak dan tanggungan termasuklah melalui tulisan dan isyarat orang bisu.”

(Mughni Al-Muhtaj- halaman 206).

(8 November 1989)

222. PENGGUNAAN WANG FAEDAH BAGI TUJUAN BANTUAN MELANJUTKAN PELAJARAN DAN LAIN-LAIN KEBAJIKAN BERKAITAN DENGAN ISLAM

Keputusan :

Mesyuarat telah bersetuju memutuskan :

1. Wang yang diperolehi sebagai faedah daripada simpanan tetap dalam bank seperti yang disebutkan dalam soalan itu hukumnya riba yang diharamkan.

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ
الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلَ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ
الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ
إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ



Maksudnya:

Orang yang memakan riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: Bahawa sesungguhnya jual beli itu sama saja seperti riba. Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Maka sesiapa yang telah sampai peringatan dari Tuhannya lalu ia berhenti, maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (mengambil riba) maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

(Surah al-Baqarah : 275).

لعن الله أكل الربا وموكله وشاهديه وكتابه - الحديث

(Hadis Larangan Mengenai Riba)

2. Wang faedah tersebut termasuk dalam bahagian harta haram yang sepatutnya dikembalikan balik kepada tuannya. Ia bolehlah digunakan untuk keperluan umat Islam dengan cara menyerahkannya kepada Baitulmal.
3. Dalam keadaan Jawatankuasa Tabung Kenangan Maulud mengeluarkannya untuk bantuan-bantuan pelajaran dan lain-lain seperti yang dinyatakan itu, bolehlah dibuat demikian kerana ia juga merupakan masalah (kepentingan) orang-orang Islam.

Walau bagaimanapun, perbuatan demikian tidaklah boleh diharapkan mendapat apa-apa ganjaran pahala

seperti menderma atau bersedekah.

(*Bughiah al-Mustarsyidin*, halaman 275).

4. Jawatankuasa Syariah menasihatkan agar semua simpanan Tabung Kenangan Maulud disimpan dan dilaburkan dengan Bank Islam. Segala hasil keuntungan yang diperolehi adalah halal dan tidak dipertikaikan lagi.

(8 November 1989)

223. KUTIPAN BAHAGIAN AMIL ZAKAT FITRAH KE DALAM AKAUN PENTADBIRAN

Keputusan :

Mesyuarat telah bersetuju memutuskan:

1. Berdasarkan takrif “Amil Zakat” secara umumnya bermaksud “Pihak yang menguruskan kutipan zakat dan menyerahkannya kepada *waliyul amri*, menjaga serta mengagihkannya”, maka kedudukan amil yang dilantik oleh Majlis adalah berhak mendapat agihan zakat.
2. Dalam hal keseluruhan pungutan zakat, Majlis sebenarnya merupakan amil am dan tertinggi dalam urusan pentadbiran zakat di Negeri Pulau Pinang.
3. Oleh yang demikian cadangan untuk memasukkan kutipan Bahagian Amil Zakat dan Fitrah ke dalam

Akaun Pentadbiran adalah harus (dibolehkan) kerana dengan jalan demikian urusan pentadbiran zakat dapat berjalan dengan lebih lancar dan sempurna.

4. Keadaan yang berjalan sekarang, Majlis tidak melantik amil-amil khusus untuk menjalankan pungutan zakat selain daripada fitrah menjadikan Majlislah pihak yang bertugas sebagai amil, maka berhaklah Majlis menguruskan kutipan zakat secara keseluruhannya menurut cara yang dipersetujui oleh Majlis.
5. Oleh yang demikian pemindahan kutipan bahagian Amil Zakat dan Fitrah ke dalam Akaun Pentadbiran adalah termasuk dalam bidang kuasa Majlis Agama Islam, Pulau Pinang.

(8 November 1989)

224. HARTA PUSAKA MD.ALEE BIN HAJI NAQIB SALLEH

Keputusan :

Berdasarkan kepada Petitian No. 44-33-86 *Summons* Di Dalam Kamar (Inc.22) di Mahkamah Tinggi. Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju mengambil keputusan:

1. Sijil Faraid yang dikeluarkan pada 25hb. Mei 1989 hendaklah dibatalkan.

2. Sijil Faraid yang baharu hendaklah dikeluarkan berdasarkan kepada permohonan baharu.
3. Seberapa yang mungkin, permohonan baharu hendaklah dipastikan sekalian waris-waris yang berkaitan ada dimasukkan dalam permohonan.

Sehubungan dengan ini mesyuarat mencadangkan supaya pihak Majlis Agama Islam, Pulau Pinang mengadakan Pegawai Penyiasat Khas untuk menyiasat dan menyelidik mengenai nama-nama waris yang dimasukkan dalam permohonan Sijil Faraid.

(19 Disember 1989)

225. DUA KALI AZAN DI MASJID ABDUL MALIK KHALID, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju memutuskan :

1. Azan dua kali, sebelum masuk waktu Subuh dan setelah masuk waktu boleh diadakan berdasarkan hukumnya sunat.
(Al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arba'ah, Juzuk 1, halaman 314).
2. Penyelarasan hendaklah dibuat dengan masjid-masjid di persekitaran sebelum rancangan ini

dijalankan supaya tidak menimbulkan sebarang kekeliruan dan hendaklah diisytiharkan kepada sekalian ahli-ahli Qaryah Masjid Al-Malik Khalid supaya masing-masingnya faham mengenainya.

3. Eloklah jika ada kemudahan *muazzin* bagi kedua-dua azan ini dilakukan oleh dua orang yang dikenali suaranya sebagai *muazzin* bagi azan pertama dan seorang lagi sebagai *muazzin* semasa masuk waktu. Rasulullah SAW melantik bilal sebagai muazzin pertama dan Ibnu Ummi Maktum sebagai muazzin setelah masuk waktu Subuh. Para sahabat berpandu kepada kedua-dua orang *muazzin* ini bagi menjalankan ibadah puasa.
(*Majmuk*, Juzuk 3, halaman 104).
4. Azan pertama hendaklah dilakukan 30 minit sebelum masuk waktu Subuh.

(19 Disember 1989)

226. PERMOHONAN MEMINDAHKAN KUBUR DI ATAS TANAH PERKUBURAN KELUARGA OLEH WARIS-WARIS

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju memutuskan :

1. Harus dipindahkan kubur yang dikebumikan di atas tanah milik keluarga (bukan wakaf) seperti yang dipohon oleh waris-waris berkenaan.

2. Penyelia Qaryah dikehendaki menyelia pekerjaan memindahkan kubur-kubur itu seperti yang lazim dilakukan.
3. Urusan mendapat tempat di tanah perkuburan orang-orang Islam Batu Uban dan menempatkan tanah-tanah yang dipindahkan itu jadi tanggungjawab pihak waris-waris yang memindahkannya.
4. Rujukan mengharuskan pemindahan kubur keluarga seperti yang dipohon itu diambil dalam (Kitab *al-Mursyid al-'Allam*, Juzuk 2, halaman 109 dan *Qalyubi wa Umairah 'ala al-Manhaj*, Juzuk 1, halaman 352).

(19 Disember 1989)

227. PERMOHONAN UNTUK KELUAR ISLAM

Keputusan :

Merujuk kepada aduan yang dibuat oleh Kadi Daerah, Butterworth (Al-Fadhil Tuan Haji Abdullah bin Ismail). Rujuk : KDBTK. S.P. 20/14 Jld. 11 mengenai perkara di atas, mesyuarat bersetuju memutuskan :

1. Pada pandangan hukum Islam Nasir bin Kamaluddin adalah seorang murtad, keluar dari agama Islam.
2. Orang murtad hendaklah dipanggil bertaubat dan kembali kepada Islam.
(*Qalyubi wa Umairah 'ala al-Minhaj*, Juzuk 4,

halaman 177).

3. Dalam keadaan ini pihak berkuasa dalam Hal Ehwal Agama Islam tidaklah boleh memberi sebarang surat akuan kepada Nasir bin Kamaluddin menyatakan ia bukan beragama Islam.
4. Tugas masyarakat Islam ialah memujuknya dan membimbingnya balik kepada agama yang benar dan mengikhtiarkan kemudahan-kemudahan untuknya yang boleh meringankan beban kehidupannya.
5. Bahagian Dakwah (Unit Dakwah) di Jabatan Hal Ehwal Agama, Pulau Pinang diminta menghubungi Nasir bin Kamaluddin yang pada masa ini bekerja sebagai Tukang Kebun di Japanase School, Sungai Pinang, Pulau Pinang.

(19 Disember 1989)

228. PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA DAN WASIAT

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju memutuskan, disebabkan masalah yang ditanya itu berkait di antara satu dengan yang lain, Jawatankuasa mengemukakan beberapa garis dasar bagi menjawab masalah-masalah tersebut :

1. Bagi menentukan kadar tiap-tiap ahli waris mendapat bahagiannya daripada pusaka hendaklah dipohon Sijil Faraid daripada Pejabat Kadi Daerah

iaitu Pejabat Kadi Daerah Bukit Mertajam atau Pejabat Kadi Besar menurut sewajarnya.

2. Hutang, walau bagaimanapun hendaklah diselesaikan bayarannya dari wang si mati. Kereta yang selesai hutangnya masuk jadi pusaka yang tertakluk di bawah hukum faraid.
3. Wasiat si mati mengenai pembahagian sama banyak antara anak lelaki dan anak perempuan tidak berlaku kecuali dipersetujui oleh sekalian ahli waris kerana wasiat untuk ahli waris tidak diakui menurut Hukum Syarak.
4. Wasiat untuk cucu yang tidak termasuk sebagai waris berlaku sepertiga ($1/3$) daripada semua harta si mati mana yang terkurang.
5. Pembahagian faraid tidak mengambil kira pemberian yang dilakukan sebelum si mati meninggal dunia.
6. Untuk tafsiran kepada garis dasar ini selanjutnya penyoal bolehlah menghubungi Kadi Daerah Bukit Mertajam atau Kadi Besar Pulau Pinang.

(19 Disember 1989)

229. KEJADIAN MEMBAKAR MAYAT LELAKI CINA YANG DIKETAHUI TELAH MEMELUK AGAMA ISLAM

Keputusan :

Merujuk kepada surat Pegawai Penyiasat Jenayah, Bahagian Jelutong/ Sungai Nibong, Balai Polis Jelutong, Pulau Pinang, (ST/IP : 6493/89 –Sungai Nibong Report 3359/89), mesyuarat bersetuju memutuskan :

1. Melihat kepada siasatan lanjut yang dijalankan oleh pihak polis didapati si mati tersebut telahpun keluar dari agama Islam.
2. Pihak Unit Ukhwah, Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang juga telah menjalankan siasatan segera setelah mendapat aduan mengatakan mayat si mati dibakar, dan ianya diketahui beragama Islam.
3. Dari siasatan lanjut yang dijalankan dengan kerjasama Balai Polis Pulau Tikus dan Balai Polis Sungai Nibong serta Ustazah Ainon bt. Mohamad Shariff, Guru Agama di Rumah Orang-Orang Tua (Jublee Home) Jalan Sungai Dua, Pulau Pinang, ternyatalah si mati telah murtad iaitu keluar dari agama Islam sebelum meninggal dunia.
4. Oleh yang demikian tidaklah sebarang tindakan lanjut yang akan diambil terhadap kejadian ini oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.

5. Mesyuarat ingin membuat cadangan supaya seseorang yang telah diberi Sijil Masuk Islam hendaklah segera diuruskan penukaran namanya dalam Kad Pengenalannya supaya terselamatlah ia daripada tindakan pihak yang bukan Islam ketika ia meninggal dunia.

(19 Disember 1989)

230. HUKUM MEMPAMIR BARANG-BARANG DAN BERJUAL BELI DI DALAM MASJID

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju memutuskan :

1. Mempamirkan barang-barang dan berjual beli dalam masjid adalah haram.
2. Rasulullah SAW bersabda :

إِذَا رَأَيْتُمْ مَنْ يَبِيعُ أَوْ يَبْتَاعُ فِي الْمَسْجِدِ فَقُولُوا لَهُ لَا أَرِيحَ اللَّهُ تِجَارَتَكَ

Ertinya :

"Apabila kamu melihat sesiapa menjual atau membeli di dalam masjid, katakanlah kepadanya : Allah tidak akan memberi keuntungan kepada perniagaan engkau".

(Diriwayatkan oleh At-Tirmizi dan An-Nasai).

(*Bulughul Maram* : Hadis No.268, Muassasah ar-Riyat, 1421H/2000M).

(19 Disember 1989)



Diterbitkan Oleh:
JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
Tingkat 48, KOMTAR, Pulau Pinang.
Telefon: 04 - 263 2975
Faks: 04 - 263 2985